

Samudera



TENTERA LAUT DIRAJA MALAYSIA • ROYAL NAVY

BIL 01-2007 • ISSN 0127-6700

27 APRIL 07

Selamat Menyambut Hari TLDM Ke-73

*Kepimpinan Berkesan
TLDM Cemerlang*



Navy



Panglima Tentera Laut

Gesa Warga TLDM Sahut Cabaran

KLD TUNAS SAMUDERA

Kental Menghadapi Cabaran

Satellite For RMN



ISSN 0127-6700



9 770127 670004

<http://navy.mod.gov.my>

Partnership in Action



BAE SYSTEMS

www.baesystems.com

KLD TUNAS SAMUDERA

Kapal Layar TUNAS SAMUDERA (KLD TUNAS SAMUDERA) merupakan kapal layar latihan kedua jenis Brigantine yang di bina di dunia. Objektif utama kapal layar ini ialah untuk melatih dan memberi peluang kepada bella-bella negara dan pelatih TLDM untuk mengikuti program latihan pelayaran disamping menghayati dan mencintai warisan maritim dengan menikmati keindahan lautan serta dapat menimba pengetahuan.

PTL Gesa Warga TLDM Sahat Cabaran

TLDM membuka lebaran baru dengan pelantikan Laksamana Datuk Ramlan Mohamed Ali sebagai Panglima Tentera Laut bagi menggantikan Laksamana Tan Sri Ilyas bin Hj Din pada 15 November yang lalu. Dengan pelantikan tersebut, beliau merupakan anak watan yang ke-10 menerajui Kepimpinan Tertinggi dalam TLDM.



Projek Kapal Selam

Malaysia telah membeli 2 kapal selam jenis SCORPENE pada tahun 2002 yang dibina oleh syarikat perkapalan Perancis, DCN, dan rakan kongsi dari Sepanyol, Navantia. Pembelian turut melibatkan kapal selam Ouessant, jenis Agosta yang telah diubahsuai untuk latihan, di bawah perjanjian yang ditandatangani bersama syarikat ARMARIS.

20 PSTL Tawau Takluki Lembah Danum

Satu Latihan Ketahanan Mental dan Fizikal telah diadakan di Pusat Luar Lembah Danum, Lahat Datu pada 11 hingga 13 November 2006.

Seramai 88 orang terdiri daripada pegawai, jurulatih dan anggota PSTL TAWAU terlibat dengan latihan ini. Latihan ini diadakan bertujuan mendedahkan pegawai dan anggota mengenai aspek 'survival' di hutan dan latihan ikhtiar hidup serta meningkatkan daya ketahanan mental dan fizikal.



Sambutan Hari O Markas Tentera Laut

"Kualiti Membudaya Kecemerlangan" tema sambutan Hari O MK TL. PTL merasmikan upacara pelancaran NAVY PLAN 2007. PTL telah menyampaikan mandat MS ISO 9001:2000 kepada Bahagian Sumber Manusia dan merasmikan Pusat Sumber MK TL.

Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) telah melakar sejarah yang tersendiri di dalam industri maritim dengan berlangsungnya perasmian Projek Poland dan Pelancaran Laman Web Projek Poland di Pusat Hidrografi Nasional, Pulau Indah, Perlabuhan Klang pada 13 November 2006 yang lalu.



KANDUNGAN

8 Pelepasan Pelayaran KLD TUNAS SAMUDERA

Untuk Misi Mengelilingi Dunia

14 TYT Sabah Puji Komitmen TLDM

Dalam Penguatkuasaan Maritim Negara

16 TLDM Sumbang Khidmat

Untuk Mangsa Banjir Di Kota Tinggi

20 PSTL Tawau

Takluki Lembah Danum

24 Ilmu Kelaatan

Satellite For RMN

27 Information Technology

Web Portal KLD TUNAS SAMUDERA

34 Tred Kerjaya

Radar Plotter MATA ARMADA TLDM

38 Nostalgia

Perjuangan Semalam Able Seaman Ramli Mohd Said

41 Silat Cekak TLDM

44 Psychology & Counselling

War Trauma And Post - Traumatic Stress Disorder

46 Personaliti

Bakat Dan Komitmen Mohd Shamram Anggap Tugas No.1

48 Jejak Laksamana

50 Sehari Dalam Hidup

Demi Keluarga... Dorong Izani Berpencen

52 Galley Samudera

Latto Limau Kasturi

54 Cerpen

Ruginya Tak Ikuti PLKN

60 Sajak

Dari Meja Ketua Editor



AHOY!

Assalamualaikum w.b.t dan salam sejahtera..

Bersyukur kehadiran ilahi dengan limpah kurnianya maka dapat sekali lagi keluaran sulung Majalah SAMUDERA untuk tahun 2007 diterbitkan. Dikesempatan ini saya ingin merakamkan jutaan tahniah ke atas pemimpin nombor satu TLDM iaitu YBhg Laksamana Dato' Seri Ramlan Mohamed Ali dan timbalannya, YBhg Laksamana Madya Datuk Abdul Aziz bin Hj Jaafar di atas kenaikan pangkat mereka. Saya juga mengucapkan tahniah kepada YBhg Laksamana Dato' Seri Ramlan Mohamed Ali diatas penganugerahan darjah kebesaran Darjah Seri Panglima Tameng Sari yang membawa gelaran Dato' Seri. Ucapan tahniah juga kepada Laksma Mohd Rashid bin Harun dan Laksma Zainal Abidin bin Hamdan yang mendapat gelaran Dato' Pahlawan. Keluaran kali ini juga turut menyaksikan pertukaran penaung bagi majalah SAMUDERA. Moga dengan gabungan pimpinan baru ini, TLDM akan lebih berkualiti. TLDM juga akan menyambut Hari ulang tahun penubuhannya yang ke-73 pada 27 April ini. Dalam tempoh perkhidmatan yang sangat matang ini, saya berdoa dan berharap agar TLDM dapat menjadi sebuah pasukan yang dicontohi oleh cabang ATM yang lain serta dapat berdaya saing untuk terus maju demi menaikkan imej Malaysia, negara yang kita cintai ini.

Majalah SAMUDERA Bil 01-2007 banyak mengupas isu-isu yang menarik untuk dikongsi bersama pembaca setia majalah ini. Antaranya penyertaan KLD TUNAS SAMUDERA di dalam perlumbaan *Tall Ship's Race Baltic 2007* dan misi mengelilingi dunia. KLD TUNAS SAMUDERA merupakan kapal layar kedua jenis Brigantine yang di bina di dunia. Misi KLD TUNAS SAMUDERA untuk belayar mengelilingi dunia tercetus dari idea mantan Panglima Tentera Laut, YBhg Laksamana Tan Sri Ilyas bin Hj Din setelah mengambil kira penyertaan kapal layar ini di dalam perlumbaan *Tall Ship's Race Baltic 2007* yang bermula di Denmark dan berakhir di Poland yang merangkumi laluan separuh daripada perjalanan mengelilingi dunia. Dari segi positifnya, misi yang akan disertai oleh 88 anggota yang berpengalaman ini dilihat dapat menyemarakkan lagi semangat Malaysia Boleh di kalangan rakyat Malaysia di samping mengharumkan nama negara di mata dunia.

Ruangan fokus kali ini memberi tumpuan ke atas ucapan YBhg Panglima Tentera Laut semasa perutusan ulung beliau yang diadakan di Pangkalan TLDM Lumut baru-baru ini. Beliau merupakan anak watan yang ke-10 menerajui kepimpinan tertinggi dalam TLDM. Keupayaan bertempur Armada, pengendalian sumber manusia, pengurusan sumber yang terhad dan pengwujudan kepimpinan yang berkesan dalam TLDM adalah 4 cabaran utama yang digariskan oleh beliau di dalam menerajui TLDM ke arah kecermelangan. Dalam Segmen *Psychology* yang bertajuk *War Trauma and post-traumatic stress disorder*, dipetik dari *American Family Physician Journal* oleh penulis David P. Niles akan menerangkan bagaimana kesan keganasan dan simptom-simptom yang dapat dilihat kepada mereka yang pernah terlibat dengan sesuatu peristiwa yang tragik seperti peperangan, penderaan seksual dan bencana alam serta cara menangani masalah berkenaan. Juga dimuatkan di dalam keluaran kali ini ialah artikel pertukaran pengerusi baru BAKAT (L), Lawatan TYT Sabah ke Pangkalan TLDM Lumut, Penganugerahan Sijil Asas dan Lanjutan Pelatih Krew Kapal Selam, Pemeriksaan Armada Diraja, Seni Silat Cekak, Resepi Latto Limau Kasturi, Ilmu Kelautan dan banyak lagi. Sidang redaksi SAMUDERA berharap agar keluaran kali ini akan memberi lebih banyak pengetahuan dan pengalaman yang berguna untuk dikongsi bersama.

Sekian, salam hormat dari krew Majalah SAMUDERA.

SEDIA BERKORBAN

Samudera



PENAUNG/PENASIHAT

Laksamana Madya Datuk Abdul Aziz bin Hj Jaafar

KETUA EDITOR

Laksamana Pertama Dato' Pahlawan
Amzah bin Sulaiman

EDITOR

Kept Mohd Zahari bin Hj Jamian TLDM
Kdr Mohd Jalal bin Karis TLDM
Lt Kdr Yusnita bte Zakaria TLDM
Lt Mazliza bte Maaris TLDM

WARTAWAN

BK PBS(I) Sabarudin bin Abas
LK KNA Iswardi bin Rashidi

WAKIL PANGKALAN TLDM LUMUT

Lt Kdr Karimah bte Awi TLDM
Lt Rosdi bin Mohamad TLDM
LK RGR Normahaily bte Mohd Noor

WAKIL MAWILLA 1

Lt Rosli bin Harun TLDM

WAKIL MAWILLA 2

Lt Dya Ahmad Hakim bin Mohamad Ariff TLDM

WAKIL KDSI

Lt Nurshuhada bte Abdul Rahman TLDM

GAMBAR EHSAN

PR KEMENTAH
PR Markas Tentera Laut
PR Markas Armada
PR Markas Pendidikan dan Latihan
PR KD Sultan Ismail

REKABENTUK

D'FA Print Sdn. Bhd.
No.16 Jalan P10/21
Selaman Light Industrial Park,
43650, Bandar Baru Bangi,
Selangor Darul Ehsan
Tel : 03-8926 3808 Fax : 03-8926 3830
E-mel : dfaprint@yahoo.com.my

Samudera diterbitkan sebanyak tiga kali oleh Markas Tentera Laut Diraja Malaysia dan diedarkan secara percuma. Samudera mengalu-alukan sumbangan rencana, berita, gambar, cerpen, puisi dan seumpamanya daripada seluruh warga TLDM dan para pembaca yang budiman. Sila hantarkan sumbangan anda sama ada secara pos atau E-mel kepada :

Pengarang Samudera,
Bahagian Rancang
dan Operasi,
Markas Tentera Laut,
Kementerian Pertahanan,
Jalan Padang Tembak,
50634 KUALA LUMPUR.

Tel : 03 - 2071 3218 / 3072 / 3074
Faks : 03 - 2698 1680 / 2692 7677
E-mel : editorsamudera@yahoo.com
<http://navy.mod.gov.my>



KOLEKSI MAJALAH Samudera

Oleh : Sidang Redaksi



Bil. 02 / 1992



Bil. 01 / 1995



Bil. 02 / 1995



Bil. 03 / 1995



Bil. 04 / 1995



Bil. 02 / 1996



Bil. 03 / 1996



Bil. 04 / 1996



Bil. 01 / 1997



Bil. 02 / 1997



Bil. 03 / 1997



Bil. 04 / 1997



Bil. 01 / 1998



Bil. 02 / 1998



Bil. 01 / 1999



Bil. 02 / 1999



Bil. 01 / 2000



Bil. 02 / 2000



Bil. 01 / 2001



Bil. 02 / 2001




Bil. 01 / 2002



Bil. 02 / 2002




Bil. 03 / 2002



Bil. 01 / 2003



Bil. 02 / 2003



Bil. 03 / 2003



Bil. 01 / 2004



Bil. 02 / 2004



Bil. 03 / 2004



Bil. 01 / 2005



Bil. 02 / 2005



Bil. 01 / 2006



Bil. 02 / 2006



TLDM membuka lebaran baru dengan perlantikan Laksamana Dato' Seri Ramlan Mohamed Ali sebagai Panglima Tentera Laut bagi menggantikan Laksamana Tan Sri Ilyas bin Hj Din pada 15 November yang lalu. Dengan pelantikan tersebut, beliau merupakan anak watan yang ke-10 menerajui Kepimpinan Tertinggi dalam TLDM. Perubahan pucuk pimpinan TLDM ini dapat dilihat sebagai satu kesinambungan yang memberangsangkan ke arah terus memantap dan memperkasakan organisasi dan keupayaan Armada TLDM.

Panglima Tentera Laut Gesa Warga TLDM Sahut Cabaran

Oleh : Lt Masliza Maaris TLDM
Foto : LK I KNA Mohd Faris
Rassuly Matt Nor



Pemimpin tertinggi TLDM menandatangani dokumen serah dan terima tugas.

Pada Perbarisan dan Perutusan Ulung Panglima Tentera Laut yang diadakan di Pangkalan TLDM Lumut baru-baru ini, Laksamana Dato' Seri Ramlan berkata, "Rakyat telah mengamanahkan TLDM dengan sebuah Armada yang serba lengkap berharga berbillion-billon ringgit. Dengan itu, warga TLDM wajar memegang teguh kepada amanah yang dipertaruhkan oleh rakyat, agar rakyat tidak kecewa." Laksamana Dato' Seri Ramlan juga menggesa agar *The Navy People*, sentiasa bersedia menyahut cabaran tugas dan tanggungjawab tidak mengenal tempat dan masa. Beliau juga menghuraikan 4 cabaran utama

yang bakal dihadapi oleh warga TLDM dalam masa terdekat dan sederhana, iaitu keupayaan bertempur Armada; pengendalian sumber manusia; pengurusan sumber yang terhad dan pengwujudan kepimpinan yang berkesan dalam TLDM.

"Bagi menghadapi keempat - empat cabaran tersebut, saya sebagai Panglima Tentera Laut menggariskan empat strategi yang wajar diimplimentasikan. Strategi ini sejajar dengan Peta Strategi TLDM atau *The RMN Strategy Map* yang telah dirumus bagi mengemudikan TLDM bagi tempoh 20 tahun ke hadapan," ucap beliau lagi di perbarisan yang melibatkan kekuatan seramai

1,030 anggota. Strategi pertama ialah memberi tumpuan bagi membangunkan sumber manusia secara menyeluruh. Warga TLDM perlu terlatih dan cekap dalam profesion masing-masing dengan menghadiri kursus kepakaran serta memperolehi ilmu tambahan melalui kemudahan pembelajaran akademik yang disediakan, serta mengamalkan apa yang dipelajari. Warga TLDM diseru mengamalkan cara hidup sihat serta cergas dari segi mental dan fizikal serta mempraktikkan cara hidup dan pemikiran yang sihat. Semua anggota TLDM juga diharapkan agar mempunyai landasan kerohanian yang kukuh bagi mengelakkan diri daripada terlibat

DAN SERAH TERIMA TUGAS PANGLIMA TENTERA LAUT

15 NOVEMBER 2006



Selamat menjalankan tugas dan selamat bersara

dengan gejala negatif. Sebagai strategi kedua ialah mengoptimalkan sumber sedia ada dan yang diperuntukkan. TLDM akan berusaha untuk merancang dengan teliti, kreatif dan inovatif bagi berusaha mencari pelbagai peluang atau penyelesaian terhadap sumber sedia ada, justeru dapat mengoptimalkan sumber tersebut bagi mempertingkatkan keupayaan Armada.

Strategi ketiga ialah melaksanakan kepimpinan yang berkesan. Kepimpinan amatlah penting kerana menyentuh perhubungan antara insan dan penggunaan hak dan kuasa. Kepimpinan meliputi semua peringkat warga TLDM. Bagi melaksanakan kepimpinan yang berkesan, TLDM akan mengamalkan konsep *leadership by intervention* dan *participative leadership by involvement*.

Pendekatan ini bagi membolehkan seseorang pemimpin mempunyai naluri bertanggungjawab dan masuk campur serta melibatkan diri dengan aktiviti anggota yang dipimpin. Dengan ini ia akan dapat menghalang sesuatu yang tidak baik terjadi dan seterusnya dapat mengeratkan semangat berpasukan.

Strategi yang keempat pula ialah mengadoptasikan kaedah baru dalam rutin harian. Bagi meningkatkan mutu kerja, TLDM akan terus melaksanakan program seperti ISO, TQM dan *Balanced Scorecard*, namun begitu unit dan formasi TLDM masih perlu mencari kaedah baru bagi memperbaiki proses dan prosedur kerja agar dapat menjimatkan sumber serta memberi kepuasan yang berganda.

Di akhir amanatnya, Laksamana Dato' Seri Ramlan menegaskan bahawa semua lapisan warga TLDM harus bergerak bersama dan bersepakat dalam memastikan TLDM terus membangun dan berkembang untuk mencapai visi menjadikan TLDM suatu angkatan laut yang berkualiti. Laksamana Dato' Seri Ramlan Mohamed Ali mendapat pendidikan awal di

Royal Military College (RMC), merupakan dari pengambilan yang sama dengan Panglima Tentera Laut sebelum ini, Laksamana Tan Sri Ilyas semasa di RMC. Beliau telah mendapat latihan asas di *The Britannia Royal Naval College*, Dartmouth, UK. Berbekalkan dengan semangat dan minat yang tinggi terutamanya di bidang ketenteraan, beliau mula menceburkan diri dalam TLDM pada tahun 1970.

Beliau berkepakaran sebagai Pegawai Pandu Arah dari India dan *Principal Warfare Officer* dari United Kingdom. Selain itu, beliau juga pernah berkhidmat di KD PANAH, KD BRINCANG, KD RAJA JAROM, KD RAHMAT, KD PANAH, KD HANG TUAH, KD SRI PERLIS dan KD MUSYTARI. Beliau pernah dilantik sebagai

Panglima Wilayah Laut 2 dan Panglima Armada TLDM. Laksamana Datuk Ramlan mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang latihan. Beliau pernah menjawat jawatan sebagai Pegawai Latihan Pandu Arah dan Pegawai Latihan Asas Pegawai di KD PELANDOK, Pegawai Staf Pandu Arah di Markas Wilayah Laut Malaysia Barat, Komander Penyelidikan di Pusat Taktik Maritim TLDM, dan Ketua Pegawai Staf Latihan Penyesuaian Laut di Markas Armada TLDM.

Selain daripada latihan, Laksamana Dato' Seri Ramlan turut berpengalaman dalam pembangunan pelbagai projek TLDM dan operasi. Beliau bermula sebagai Pegawai Staf Gred 1, kemudiannya Pengarah di Cawangan Rancang & Pembangunan, dan akhirnya Asisten Ketua Staf (AKS) Rancang & Operasi, sambil memangku jawatan AKS Logistik di Markas Tentera Laut (MTL). Beliau juga pernah dilantik menjadi Ketua Pengarah Cawangan Pembangunan Projek, di Markas Tentera Laut.

Selain daripada itu, beliau turut serta mengurus Tim Projek TLDM di dalam dan luar Negara, sebagai Pegawai Staf Projek LST di San Francisco, USA, Pengarah Projek Action Speed Tactical Trainer di Farnborough, UK, dan Ketua Pengarah Projek *Patrol Vessel*, iaitu satu projek nasional. Laksamana Datuk Ramlan juga pernah berkhidmat sebagai Ketua Pengarah, seterusnya dilantik sebagai Asisten Ketua Staf dan Ketua Staf di Cawangan Latihan Pertahanan, Cawangan Operasi & Latihan Pertahanan, di Markas Angkatan Tentera Malaysia.

Beliau juga telah diberi kepercayaan untuk menjadi Panglima Pemerintahan Angkatan Bersama yang pertama pada 6 September 2004 dan memegang jawatan sebagai Timbalan Panglima Tentera Laut mulai 30 April 2005. **S**



Selamat maju jaya, semoga cemerlang, gemilang dan terbilang



Oleh : LK KNA Iswardi

Foto : BM KNA Mohd Noor

Tanggal 12 Mac 07, merupakan saat yang ditunggu-tunggu oleh Warga Kapal Layar Diraja TUNAS SAMUDERA (KLD TUNAS SAMUDERA) dan detik yang paling bermakna bagi TLDM. Pada hari tersebut bermulalah cabaran yang akan dilalui oleh krew pertama KLD TUNAS SAMUDERA seramai 44 orang anggota TLDM yang berpengalaman. Mereka akan diterajui oleh Lt Kdr Ameir Azmi TLDM, yang bertindak sebagai Pegawai Memerintah 1, KLD TUNAS SAMUDERA disepanjang pelayaran yang akan menyahut cabaran perlumbaan Tall Ships Race Baltic 07 pada bulan Julai nanti. Kapal ini juga akan meneruskan pelayaran mengelilingi dunia sebaik selesai perlumbaan yang akan berakhir pada bulan Ogos 07 dan akan digantikan dengan krew kapal yang baru seramai 44 anggota serta diketuai oleh Lt Kdr Kamaruddin TLDM, Pegawai Memerintah 2, KLD TUNAS SAMUDERA.



Pada hari tersebut, seawal jam 8 pagi lagi para jemputan telah hadir di Jeti KD SULTAN ABDUL AZIZ SHAH (KD SAAS) untuk menyaksikan upacara perasmian pelepasan yang penuh adat istiadat TLDM. Upacara ini disempurnakan oleh DYMM Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj Ibni Al Marhum Sultan Abdul Aziz Shah Alhaj. Para jemputan terdiri daripada Menteri Besar Selangor, Dif-dif Kehormat, Panglima Angkatan Tentera, Panglima ketiga-tiga perkhidmatan, mantan-mantan Panglima Tentera Laut, Panglima-panglima tertinggi TLDM, warga TLDM serta sanak-saudara dan ahli keluarga krew KLD TUNAS



SAMUDERA. Sebelum majlis bermula, krew KLD TUNAS SAMUDERA terlebih dahulu diberi peluang untuk beramah mesra dengan ahli keluarga mereka. Jelas kelihatan di wajah mereka keceriaan dan kesedihan yang mengandungi harapan yang menggunung demi untuk mengharumkan nama Negara Malaysia di mata dunia.

Keberangkatan tiba DYMM Sultan Sharafuddin Idris Shah dan rombongan tepat pada jam 9.20 pagi di jeti KD SAAS telah disambut dengan meriah. Baginda seterusnya, menyampaikan titah ucapan untuk memberi kata-kata semangat kepada warga KLD TUNAS SAMUDERA dan berharap agar mereka akan selamat sepanjang pelayaran dan pulang membawa kejayaan. Seterusnya, DYMM Sultan Selangor merasmikan upacara pelancaran tersebut. Sejurus selesai, baginda telah dibawa oleh Pegawai Memerintah 1, KLD TUNAS SAMUDERA dengan diiringi oleh Panglima Tentera Laut untuk diperkenalkan dengan kesemua 44 orang krew kapal yang akan berlayar. DYMM Sultan Selangor yang berjiwa rakyat berjabat tangan dengan setiap krew sambil memberi kata-kata semangat dan dorongan sebagai azimat untuk meneruskan semasa melalui cabaran perlumbaan itu nanti.

Baginda seterusnya berkenan mencemar duli membuat lawatan di geladak atas KLD TUNAS SAMUDERA dan melihat dengan lebih dekat lagi keadaan sekitar kapal yang bakal menyemarakkan semangat Malaysia Boleh dikalangan warga negara Malaysia. Setelah selesai lawatan, bacaan doa diperdengarkan oleh Pegawai Agama sebelum Baginda sekali lagi berkenaan mencemar duli melepaskan tali *Head Rope* kapal

sambil diiringi dengan lagu Samudera Raya yang dimainkan oleh Pancaragam TLDM menandakan bermulanya pelayaran krew pertama KLD TUNAS SAMUDERA menuju ke Lautan Baltic. Sebelum meneruskan pelayaran krew KLD TUNAS SAMUDERA melaungkan laungan Daulat Tuanku sebanyak 3 kali dan dibalas dengan 3 kali laungan Malaysia Boleh oleh Warga TLDM yang berada di Jeti KD SAAS. Semoga kedua-dua misi pelayaran KLD TUNAS SAMUDERA akan mencapai matlamat yang diharapkan dan seterusnya menjadi pemangkin bagi TLDM agar terus gemilang dan berkualiti dimasa akan datang. Sedia Berkorban. **S**



DYMM mencemar Duli melepaskan tali Head Rope KLD TUNAS SAMUDERA



Laluan yang bakal dilalui oleh KLD TUNAS SAMUDERA

Malaysia melakar sejarah baru apabila berlangsungnya upacara penyambungan kapal selam SCORPENE pertama di Cherbourg, Perancis pada 14 Mac 07. Upacara yang bersejarah ini dihadiri oleh Panglima Tentera Laut, Laksamana Dato' Seri Ramlan Mohamed Ali, dan rakan sejawatannya, Panglima Tentera Laut Perancis, Laksamana Alain Audot de Dainville. Turut hadir di majlis tersebut ialah Ketua Pengarah Pasukan Projek Angkatan Kapal Selam TLDM, Laksamana Pertama Mohammad Rosland Omar dan Assisten Ketua Staf Logistik Laksamana Muda Dato' Pahlawan Ir. Hj Jasan Ahpandi Sulaiman. Menurut Dato' Seri Ramlan, "Pencantuman hari ini adalah amat penting kerana tiada lagi peralatan besar perlu dimasukkan ke dalam badan kapal selam selepas ini. Kesemua telah dilakukan sebelum



Penyambungan Kapal Selam SCORPENE:

Peristiwa Bersejarah Buat Malaysia

Oleh : Lt Mazliza bte Maaris TLDM
Foto : PR Kementah

Malaysia telah membeli 2 buah kapal selam SCORPENE pada tahun 2002 yang dibina oleh syarikat perkapalan Perancis, DCN, dan rakan kongsi dari Sepanyol, Navantia. Pembelian turut melibatkan kapal selam OUESSANT, jenis Agosta yang telah diubahsuai untuk latihan, di bawah perjanjian yang ditandatangani bersama syarikat ARMARIS. Di dalam upacara tersebut, Pengarah Projek Malaysia ARMARIS, M. Philippe Lavolee berkata beliau menyampaikan rasa hormat terhadap sikap profesional dan dedikasi yang ditunjukkan oleh TLDM, terutama sekali Pasukan Projek Angkatan Kapal Selam atas usaha bukan sahaja di dalam menjayakan pengurusan kontrak malahan kejayaan di dalam kelancaran program latihan kepada pelatih kapal selam. Kesabaran dan dedikasi adalah faktor utama bagi semua krew kapal selam di dunia dan kehadiran TLDM ke dalam kumpulan elit ini sudah melakarkan satu kejayaan, katanya lagi.

Dengan berlangsungnya upacara penyambungan tersebut menunjukkan bahawa pelaksanaan dan pembinaan projek kapal selam berjalan lancar mengikut jadual. Kapal selam SCORPENE pertama dijadual diserahkan pada tahun 2009 dan kapal selam ke-2 akan menyusul 9 bulan berikutnya. Kapal selam jenis SCORPENE ini adalah kapal selam pertama negara dan merupakan aset strategik TLDM. Perolehan kapal selam



ini akan memberi dimensi baru kepada kemampuan TLDM. Perolehan ini seterusnya akan mewujudkan angkatan laut yang lebih kredibel dan berwibawa di dalam mendokong tugas dan tanggungjawab pertahanan negara. **S**

Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) telah melakar sejarah yang tersendiri dalam bidang maritim dengan berlangsungnya perasmian Projek Poland dan Pelancaran Laman Web Projek Poland di Pusat Hidrografi Nasional, Pulau Indah, Pelabuhan Klang pada 13 November 2006 yang lalu.

Projek Poland : Misi Besar

KLD TUNAS SAMUDERA

Oleh : Lt Masliza Maaris TLDM.
Foto : PR MK-TL



Projek Poland merupakan pelayaran ulung Kapal Layar DiRaja (KLD) TUNAS SAMUDERA untuk menyertai Perlumbaan Kapal-kapal Layar Antarabangsa di Laut Baltik (*Tall Ships' Races 2007*) yang dianjurkan oleh kerajaan Republik Poland bermula 5 Julai hingga 7 Ogos 2007. Perlumbaan tahunan kapal-kapal layar antarabangsa yang dianjurkan sejak tahun 1956 ini, akan bermula dari pelabuhan Aarhus (Denmark) ke pelabuhan Kotka (Finland), kemudiannya dari pelabuhan Stockholm (Sweden) dan tamat di pelabuhan Szczecin di Poland. Pada tahun hadapan, merupakan *Tall Ships' Races* kali yang ke - 51.

Di samping belayar ke Eropah untuk perlumbaan tersebut, KLD TUNAS SAMUDERA juga menyambung pelayaran untuk mengelilingi dunia. Pelayaran tersebut akan singah di 28 buah negara dan mengambil masa selama 412 hari. KLD TUNAS SAMUDERA akan berlepas dari Pelabuhan Kelang pada 12 Mac 2007 dan dijangka kembali ke Pangkalan TLDM Lumut pada 27 April 2008 bersempena sambutan Hari TLDM ke-74. Kini, telah tiba masanya TLDM menyahut cabaran maritim di peringkat antarabangsa dengan menghantar KLD TUNAS SAMUDERA untuk mengambil bahagian di dalam perlumbaan yang berprestij tersebut dan seterusnya belayar mengelilingi dunia sebagai pendedahan dan motivasi kepada anak-anak kapal.

Pelayaran ini juga akan dijadikan sebagai landasan kepada TLDM untuk berperanan sebagai duta kecil dalam memperkenalkan dan mempromosikan Malaysia di persada antarabangsa bersempena Tahun Melawat Malaysia 2007. Pelayaran KLD TUNAS SAMUDERA yang melalui 10 lautan, membuktikan bahawa TLDM mampu melahirkan pegawai dan anggota tentera laut yang mempunyai kecekapan, berani mengharungi cabaran arus

samudera serta berkeyakinan tinggi. Cabaran dan rintangan yang bakal dilalui juga mampu membangkitkan semangat 'Malaysia Boleh!' di kalangan pelayar TLDM.

Mantan Panglima Tentera Laut, Tan Sri Ilyas ketika menyampaikan ucapan perasmian pelancaran berkata, "Dengan penyertaan KLD TUNAS SAMUDERA, secara tidak langsung dapat memajukan sukan perairan di negara ini. Tentera Laut Diraja Malaysia amat sinonim dengan sukan perairan dan dengan adanya penyertaan dari KLD TUNAS SAMUDERA, ini secara tidak langsung ianya menyahut cabaran dalam kejohanan yang julung kali diadakan."

"Pengalaman menyertai perlumbaan tersebut juga akan dapat memberi pengalaman kepada TLDM untuk menganjurkan *Tall Ships' Races* semasa pameran *Langkawi International Maritime and Aerospace Exhibition* (LIMA) di Pulau Langkawi pada tahun 2009 nanti. Perlumbaan ini bertujuan untuk memeriahkan dan menambah nilai serta menghasilkan impak terhadap pameran maritim LIMA 2009. Dalam pada itu, TLDM akan turut dikenali sebagai penganjur perlumbaan yang berprestij ini.

Penganjuran ini merupakan acara yang pertama di rantau Asia Tenggara ini selain dapat memartabatkan lagi industri sukan air di negara kita," jelas beliau lagi. Penyertaan warga kapal kali ini terdiri daripada 88 orang pegawai dan warga kapal yang berpengalaman. Secara puratanya krew kapal terdiri daripada majoriti pegawai-pegawai muda yang berusia antara 21 hingga 25 tahun. Mereka akan dibahagikan kepada dua kumpulan. Krew pertama akan berlepas dari Pelabuhan Kelang pada 12 Mac 2007 dan seterusnya belayar ke United Kingdom, manakala krew kedua akan meyambung cabaran pelayaran



Mantan PTL menandatangani dan merasmikan projek Poland

bermula dari United Kingdom sehingga balik semula ke Malaysia. Pegawai Memerintah krew pertama KLD TUNAS SAMUDERA, Lt Kdr Ameir Azmi bin Kamarul Ariffin TLDM menjelaskan, TLDM merancang untuk mewujudkan dua set krew kerana memberi lebih ramai peluang untuk menyertai pelayaran tersebut, berbanding hanya menghantar satu kumpulan sahaja. "Dengan kekuatan yang ramai, TLDM juga mampu melahirkan pelayar - pelayar yang mahir dalam pelayaran kapal layar, malahan pembabitannya mereka mewujudkan satu generasi TLDM yang yang mempunyai asas yang kuat dalam industri sukan air" ujar beliau lagi.

Serentak dengan pelancaran Projek Poland, TLDM juga melancarkan Laman Web Projek Poland, yang bertindak sebagai perantara bagi memastikan rakyat Malaysia dan pihak media boleh mengetahui perkembangan dan informasi semasa pelayaran tersebut. Namun begitu, tujuan utama laman web ini dilancarkan adalah untuk memudahkan keluarga warga KLD TUNAS SAMUDERA berhubung dan berinteraksi dengan warga kapal sepanjang pelayaran. Laman web tersebut dilayari dengan bantuan pemasangan oleh Cawangan Teknologi Maklumat, Markas Tentera Laut dengan tajaan TM Net.

Pelaksanaan Projek Poland ini memerlukan sokongan, restu dan doa dari segenap lapisan masyarakat kerana kejayaan projek ini bukan sahaja akan menjadi kebanggaan TLDM malah akan turut menjadi kebanggaan rakyat Malaysia. Syabas TLDM! **S**

SAMBUTAN HARI Q MARKAS TENTERA LAUT

Oleh: Lt Kdr Yusnita TLDM
Foto: LK PWP Mohd Nordin



PTL memotong reben sebagai merasmikan Pusat Sumber MK TL

iaitu *Balance Score Card* dan *Six Sigma*. Beliau telah mengenal pasti 4 cabaran yang boleh menggugat kesiapsiagaan TLDM iaitu mengekal dan mempertingkatkan keupayaan tempur Armada TLDM, Pengurusan dan Pengendalian Sumber Manusia, Pengurusan sumber yang terhad dan keberkesanan kepimpinan. Beliau juga telah menggariskan 4 strategi untuk menghadapi cabaran ini iaitu perkembangan Sumber Manusia secara menyeluruh, mengoptimumkan sumber, melaksanakan kepimpinan berkesan dan mengadoptasi kaedah baru dalam pelaksanaan kerja. Semua yang dinyatakan telah dikaji dan diolah bagi menjadi satu pelan tindakan yang dihamakan NAVY PLAN 2007. Panglima Tentera Laut seterusnya telah menyempurnakan upacara pelancaran NAVY PLAN

Hari Q Markas Tentera Laut telah diadakan pada 8 Januari 07 bertempat di Auditorium Kementah. Sambutan pada tahun ini bertemakan "Kualiti Membudaya Kecemerlangan". Sambutan ini juga adalah kesinambungan daripada sambutan Hari Q peringkat Kementerian dan peringkat Kebangsaan yang mana TLDM telah menetapkan tarikh 8 Januari pada setiap tahun sebagai tarikh sambutan. Majlis dimulakan dengan persembahan koir oleh Kumpulan Koir MK TL yang telah menyampaikan 3 buah lagu iaitu Samudera Raya, Kualiti dan Warisan.

Seterusnya para hadirin dipertontonkan dengan persembahan klip video yang disediakan oleh Cawangan Perhubungan Awam MK TL. Klip video ini menayangkan TLDM sebagai sebuah organisasi yang menitik beratkan kualiti dalam tugas dan peka dalam menghasilkan *outcome* yang memenuhi kehendak dan penghargaan pelanggan. Ia juga memaparkan TLDM sebagai agensi kerajaan yang paling komprehensif dalam membudayakan TQM dalam pengurusan kerja sehari-hari. Sejak tahun 2003 sehingga kini, TLDM telah giat mengikut seruan kerajaan ke arah pelaksanaan pensijilan MS ISO 9001:2000 kepada semua formasi dan unit bawah naungannya. Ianya merupakan satu usaha TLDM untuk mencapai visi TLDM iaitu "to be a Quality Navy".

Dalam ucapan perasmian Panglima Tentera Laut, beliau telah menyeru *The Navy People* supaya menerapkan nilai kualiti dalam budaya hidup, mengamalkan sikap tegur menegur sesama kita dan ikhlas dalam melakukan tugas. Panglima Tentera Laut menerangkan kaedah yang diguna pakai oleh TLDM bagi mencapai visi TLDM



Pemenang bagi Laskar Terbaik peringkat MK TL

2007 iaitu acara kemuncak bagi majlis ini. Hadirin kemudiannya dipertontonkan dengan persembahan multimedia NAVY PLAN 2007 yang telah disediakan oleh Cawangan Teknologi Maklumat MK TL. Di majlis ini juga Panglima Tentera Laut telah menyampaikan mandat MS ISO 9001:2000 kepada Bahagian Sumber Manusia.

Seterusnya Panglima Tentera Laut telah menyampaikan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2006 kepada pegawai dan anggota TLDM yang telah mempamerkan prestasi kerja yang cemerlang pada tahun 2006. Anugerah lain yang disampaikan ialah Anugerah Bintang Terbaik peringkat MK TL 2006 kepada PW II TNS(S) Ya'kob bin Abdullah dari Cawangan Material, manakala bagi Laskar Terbaik peringkat MK TL 2006 dianugerahkan kepada LK I KNA Bidin bin Hassan dari Cawangan Rancang dan Operasi. **S**




PTL menunjukkan smart card NAVY PLAN 2007 kepada penonton



PTL melawat Pusat Sumber MK TL bersama Pegawai Kanan TLDM



Bacaan ikrar Hari Kualiti MK TL diketuai Kdr Hisham bin Daud TLDM



NAVY PLAN 2007 yang dilancarkan oleh PTL

TYT Sabah Puji Komitmen TLDM Dalam Penguatkuasaan Maritim Negara



Oleh : Caw Perhubungan Awam Markas Armada
Foto : Caw Perhubungan Awam Markas Armada



Tuan Yang Terutama (TYT) Yang Di-Pertua Negeri Sabah, Tun Datuk Seri Panglima Haji Ahmadshah bin Abdullah memuji komitmen Tentera Laut Diraja Malaysia dalam tugas penguatkuasaan maritim negara terutama di perairan Sabah. "Terima kasih kerana TLDM memainkan peranan yang penting dalam melakukan rondaan di perairan negara", katanya sewaktu beliau dan rombongan melakukan lawatan rasmi ke Pangkalan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM), Lumut, Perak pada 5 hingga 7 Apr lalu. Keberangkatan tiba TYT berserta rombongan di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur telah disambut Panglima Wilayah Laut 2 Kota Kinabalu, Laksamana Muda Dato' Ahmad Kamarulzaman Ahmad Badarudin, manakala Panglima Tentera Laut, Laksamana Datuk Ramlan Mohamed Ali berserta beberapa pegawai kanan TLDM menyambut ketibaan rombongan di Desa Tamu TLDM, JUGRA, Pangkalan TLDM Lumut.

Semasa lawatan ke Markas Armada TLDM pula, beliau diberi taklimat ringkas tentang operasi dan rondaan oleh Ketua Staf, Laksamana Pertama Nasaruddin Othman di Bilik mesyuarat Markas. Sebelum itu, beliau telah menerima tabik hormat daripada Kawalan Kehormatan Panji-panji. Semasa sesi soal jawab, beliau melahirkan perasaan bangga dan teruja terhadap peranan yang telah dimainkan oleh TLDM dalam memartabatkan kedaulatan bangsa serta menelihara kepentingan maritim. "Saya begitu berminat untuk mengetahui lebih terperinci mengenai peranan ATM amnya dan TLDM khasnya tentang usaha yang berterusan bagi menjamin keselamatan negara terutama program rondaan TLDM di Perairan Sabah", katanya. TYT menganggap peristiwa penculikan di Pulau Sipadan telah menjadi titik tolak kepada usaha kerajaan untuk mewujudkan dan membangunkan pangkalan baru di Semporna serta Teluk Sepanggar. "Saya amat berharap peranan TLDM di Sabah akan menjadi lebih berkesan dengan kerjasama bersama Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dalam mengawal kedaulatan perairan negara" katanya lagi.

Beberapa acara telah diatur sempena lawatan TYT bersama isteri, YABhg Toh Puan Datin Seri Hajah Dayang Masuyah Awang Japar serta rombongan untuk mengisi program lawatan selama dua hari itu. Selain lawatan ke Kapal Diraja (KD) JEBAT, TYT dan rombongan turut dibawa melawat ke Galeri Laksamana dan melihat demonstrasi WASPADA di bridge simulator KD PELANDOK. Beliau juga turut berkesempatan menunaikan Solat Jumaat di Masjid An-Nur bersama warga pangkalan. Sementara itu, pada lawatan yang berasingan, YABhg Toh Puan turut hadir menyaksikan aktiviti di Rumah Badan Kebajikan Angkatan Tentera (BAKAT) Laut Lumut serta berkesempatan mengikuti pelayaran ke Selat Dinding bersama Kapal Layar Latihan (STS) Puteri Mahsuri. **S**

Penganugerahan Sijil Asas dan Lanjutan Pelatih Krew Kapal Selam

Impian Jadi Nyata!

Oleh : Lt Mazliza bte Maaris
Foto : PR - MK-TL



Panglima Tentera Laut menyemat lencana Dolphin kepada salah seorang pelatih kapal selam

Seramai 10 pegawai dan anggota pelatih krew kapal selam Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) telah berjaya menamatkan Kursus Kepakaran Asas Kapal Selam (Basic Submarine Course), manakala 19 lagi berjaya memperoleh Sijil Lanjutan Kapal Selam (Advanced Submarine Course) di Brest, Perancis, pada 16 Mac 07. Panglima Tentera Laut TLDM, Laksamana Dato' Seri Ramlan Mohamed Ali telah hadir bagi menyempurnakan majlis dan menyampaikan lencana kepakaran kapal selam (Submarine Insignia) yang berupa ikan lumba-lumba kepada pelatih yang menerima Sijil Asas Kepakaran Kapal Selam.

Turut hadir bagi menyaksikan upacara tersebut ialah Setiausaha Bahagian Perolehan Kewangan, Kementerian Kewangan, Datuk Zalekha Hassan, Assisten Ketua Staf Logistik TLDM, Laksamana Muda Dato' Pahlawan Ir. Jasan Ahpandi Sulaiman, Ketua Projek, Pasukan Angkatan Kapal Selam, Laksamana Pertama Mohamad Rosland Omar. Dalam ucapannya, Laksamana Dato' Seri Ramlan berkata "Walaupun semua krew pelatih telah melalui satu proses latihan yang cukup sukar dalam masa yang panjang serta berjauhan dengan kaum keluarga di tanah air, namun telah menunjukkan satu pencapaian yang cukup membanggakan. Justeru, beliau mewakili Tentera Laut Diraja Malaysia dan Kerajaan Malaysia menyampaikan penghargaan yang tidak terhingga atas segala pengorbanan dan kesungguhan yang telah dipamerkan.

Panglima TLDM turut mengingatkan para pelatih bahawa upacara bersejarah ini hanyalah titik permulaan dalam mewujudkan kepakaran kapal selam di dalam TLDM. Menurut beliau, para pelatih harus meningkatkan kemahiran dan pengetahuan sebelum mencapai impian membawa pulang dua buah kapal selam SCORPENE kembali ke Malaysia. "Berilah tumpuan yang sepenuhnya dalam latihan. Buktikan kepada semua bahawa Kerajaan Malaysia telah membuat satu pelaburan yang tepat terhadap projek Kapal Selam SCORPENE ini," kata beliau lagi.

Bagi LK I KMR Kamarulzaman bin Yahaya, beliau mengakui bahawa latihan yang dilalui adalah amat sukar sekali. Beliau pada mulanya tidak begitu yakin, namun memandangkan ini merupakan satu tugas yang dipikul demi negara, maka beliau berusaha bersungguh-sungguh untuk menamatkan kursus asas tersebut. Bagi Lt Chan Ling Ket TLDM, beliau menyatakan salah satu kunci kejayaan dalam latihan di sini ialah *esprit de corps* atau semangat berkumpul. Di sini saya bersama rakan-rakan lain banyak berbincang dalam menguasai pembelajaran baik dari segi latihan teori dan praktikal. Kehidupan latihan di atas kapal selam SMD OUESSANT memerlukan kerjasama dan saling memahami di antara satu sama lain kerana ruang kapal yang sempit ditambah masa pelayaran yang panjang boleh menimbulkan banyak cabaran.

"Saya memilih untuk menyertai menjadi pelatih krew kapal selam kerana ingin menyahut cabaran negara, disamping memenuhi cita-cita saya dalam menjadi antara warga pertama kapal selam Malaysia. Kini, setelah berjaya menamatkan Kursus Lanjutan Kapal Selam, nyata usaha selama ini tidak sia-sia" kata Lt Siddiq Sivaraman bin Narayanan TLDM.



Tersenyum bangga... sambil melihat sijil yang diperolehi

Perlaksanaan dan pembelian projek kapal selam SCORPENE berjalan dengan lancar mengikut jadual dengan berlangsungnya Upacara Penyambungan Kapal Selam SCORPENE 1 di Cherbourg, Perancis 14 Mac lalu, dan dijangka siap pembinaan sepenuhnya pada 2009. Malaysia telah membeli 2 kapal selam Scopena pada tahun 2002 yang dibina oleh syarikat perkapalan Perancis, DCN, dan rakan kongsi dari Sepanyol, Navantia. **S**



Oleh : **PW II PTI Onn bin Ab. Rahman**
Foto : **PR KDSI**

TLDM Sumbang Khidmat Untuk Mangsa Banjir Di Kota Tinggi

Hujan lebat yang turun berterusan pada musim tengkujuh, memungkinkan sesuatu kawasan dilanda banjir. Biasanya fenomena sebegini berlaku diantara bulan Disember hingga Februari melanda negeri-negeri di Pantai Timur Semenanjung. Namun kini, banjir tidak lagi memilih tempat, malah ianya boleh berlaku dimana-mana saja. Angin Monsun Timur Laut dengan kelajuan sekitar lima dan enam knot berserta dengan hujan lebat berterusan bakal mendatangkan musibah yang luar biasa, satu kejadian banjir besar yang tak pernah di ramal di Johor baru-baru ini, menurut Jurucakap Stesen Kajiucaca Malaysia Johor.

Apabila sesuatu tempat atau kawasan dilanda banjir atau dinaiki air, semua perhubungan darat tersekat ataupun terputus. Nyawa dan harta benda penduduk terlibat akan terancam dan mereka terpaksa dipindahkan ke kawasan yang lebih selamat. Bantuan dari segi perlindungan tempat tinggal sementara, makanan dan rawatan perubatan amatlah penting diutamakan sebagai langkah awal memastikan setiap yang terlibat mendapat pembelaan sewajarnya. Banjir yang melanda Johor adalah paling teruk dalam sejarah yang mana lebih 26,433 keluarga melibatkan 105,080 mangsa ditempatkan di pusat-pusat pemindahan di beberapa daerah seluruh negeri.

Sungai Johor yang terletak di tengah-tengah bandar Kota Tinggi melepasi tahap bahaya 2.8 meter, bacaan yang paling tinggi pernah dicatatkan. Ketika banjir pertama melanda bermula 19 Disember dan banjir kedua bermula 12 Jan lalu, hampir kesemua daerah di Negeri Johor terjejas teruk termasuk Kota Tinggi, Batu Pahat, Muar, Segamat, Kluang

dan Mersing. Banjir dengan limpahan air yang luar biasa itu telah mengambil masa yang panjang untuk surut mengakibatkan ribuan mangsa di daerah terbabit terpaksa tinggal lebih lama di pusat pemindahan malahan ada yang mencecah sehingga sebulan. Bencana alam sebegini perlu ditangani secara berkesan dimana melibatkan tenaga manusia, sumber peralatan, bekalan material serta makanan daripada agensi serta penyelaras yang berkaitan. Pada umumnya, tanggungjawab bantuan bencana banjir adalah di bawah bidang tugas Kementerian Kebajikan Masyarakat. Tentera Laut Diraja Malaysia lazimnya berperanan melaksanakan dan menyelaras gerakan bantuan banjir (support team) yang telah ditubuhkan di peringkat negeri mahupun daerah yang terbabit. KD SULTAN ISMAIL telah dilantik bersama Pasukan Batalion Pertama Rejimen Renjer Diraja dari Kem Majidee ditugaskan bagi menyelaras dan mengkoordinasikannya bagi Daerah Kota Tinggi. Antara tugas dan modes operandi operasi ini ialah

Antara tugas dan tanggungjawab operasi ini ialah :

- Membantu pemindahan penduduk.
- Menghantar makanan.
- Kerja mencari dan menyelamatkan.
- Keperluan pengangkutan.
- Khidmat perubatan/kejuruteraan.
- Menyediakan tempat perlindungan sementara.
- Membantu tugas pengawalan.
- Komunikasi Medan.

Dalam operasi tersebut, KD SULTAN ISMAIL telah menubuhkan pasukan bertindak yang bertanggungjawab sepenuhnya ke atas segala aspek operasi, bantuan serta mengenal pasti tenaga kerja dan material yang diperlukan agar tindakan berkesan dapat dilaksanakan. Bot Penyelamat dan trak banyak digunakan dalam proses pemindahan penduduk ke kawasan selamat. Tugasan yang diamanahkan telah direalisasikan dengan berkesan. Operasi yang diketuai oleh Lt Muhammad Hadzha bin Mat TLDM dan Lt Muhammad Azfar bin Hassan TLDM itu telah dibantu oleh 15 anggota lain-lain pangkat. Anggota penyelamat ini merupakan yang terlatih terdiri dari pelbagai cawangan dan kepakaran seperti anggota penyelam, perubatan, semboyan, kelasi dan bekalan yang komited, bersemangat dan bertanggungjawab.

Dengan beberapa aset yang disediakan seperti bot tempur, trak, peralatan penyelam, perhubungan dan lain-lain keperluan, tugas serta peranan yang dipikul dapat dilaksanakan dengan lancar tanpa sebarang masalah. Operasi yang dijalankan adalah berpanduan kepada dasar yang dikeluarkan melalui arahan Majlis Keselamatan Negara dan pihak berwajib seperti Pegawai Daerah. TLDM turut dibantu oleh Bomba pasukan berperanan dalam tugas menghantar bekalan air bersih ke beberapa kawasan yang terputus bekalan. Khidmat bot tempur CB90 juga sering digunakan bagi kes-kes kecemasan ke Johor Bahru melalui jalan laut, seperti membawa pesakit yang memerlukan rawatan segera.

Kehidupan penduduk Kota Tinggi terjejas teruk dan rutin harian tak dapat dilaksanakan seperti biasa akibat dari mala petaka ini. Persekolahan anak-anak juga tak terkecuali bilamana bangunan persekolahan dijadikan pusat penempatan sementara penduduk yang terlibat. Banjir ini juga mengakibatkan perniagaan di sekitar Kota Tinggi lumpuh sama sekali dimana peniaga terpaksa menanggung kerugian besar sehingga mencecah ribuan ringgit. Lebih malang lagi kebanyakan peniaga terpaksa mengeluarkan kos yang tinggi bagi membaik pulih ruang perniagaan serta menggantikan stok barangan yang rosak teruk.


Kejadian yang berselang dua minggu itu menimbulkan tekanan serta trauma yang hebat kepada semua penduduk sekitar. Semua perhubungan darat ke bandar terbabit lumpuh. Warga KD SULTAN ISMAIL turut merasa tempiasnya apabila semua jalan darat yang menghubungkan ke bandar terputus. Disamping bekalan makanan yang berkurangan, bahan api seperti petrol juga terputus untuk beberapa hari. Ada yang berpendapat menyatakan bahawa faktor yang telah menyumbangkan kepada kejadian itu adalah berpunca dari proses pembangunan di Johor yang begitu pesat sedangkan sistem perbandaran tidak sesuai dengan pembangunan itu. Malah kerja penambakan laut oleh Republik Singapura di Pulau Tekong berhampiran KD SULTAN ISMAIL salah satu punca muara Sungai Johor sempit dan mengakibatkan pengaliran air hujan yang perlahan ke Selat Johor.



Anggota TLDM menyampaikan sumbangan pakaian dan makanan kepada wakil Jabatan Kebajikan Masyarakat Daerah.

Fenomena luar biasa yang berlaku itu dianggap pengajaran berguna kepada manusia agar sentiasa menjaga alam sekitar dan tidak memusnahkannya serentak atas nama pembangunan. Kemajuan ataupun pembangunan infrastruktur boleh memberi keselesaan hidup kepada manusia jika ianya dicerna dengan baik dimasa yang sama alam sekitar dan ekologi perlu sentiasa dipelihara. Pembangunan dan pemeliharaan alam sekitar mesti seimbang agar keselesaan berkekalan. Trauma menghadapi kesan kemusnahan akibat banjir dua kali berturut-turut amatlah memeritkan dan terbeban ke atas bahu- bahu yang memikul. Kesimpulannya, kemusnahan dan kerosakan besar telah berlaku dan sudah berlalu tetapi apakah iktibar dan pengajaran yang dapat kita ambil dari peristiwa itu, sedangkan kehidupan mesti diteruskan. Urusan memulihkan kesan kerosakan amatlah berat dan mencabar berbanding urusan menguruskan semasa kejadian. Dalam sejarah, rekod pernah dicatatkan adalah pada tahun 1948 dimana paras air Sungai Johor mencapai 4.57 meter. Persoalannya, perlukah nama Kota Tinggi yang cukup sinonim dikalangan warga Johor ini di tukar namanya.....? **S**





Laporan media mengenai latihan besar-besaran tentera laut di antara Amerika Syarikat (AS) dan Jepun pada penghujung tahun 2006 telah menimbulkan banyak tanda-tanya di kalangan negara - negara serantau. China terutamanya berhak merasa resah di atas perkembangan ini memandangkan yang latihan tersebut dilakukan berdekatan dengan perairannya. Lebih membimbangkan negara Tembok Besar itu ialah elemen simulasi war game latihan tersebut yang dianggap olehnya sebagai aksi provokatif yang berkonsepkan 'memerdekakan' pulau Senkaku / Diaoyu dari penaklukannya.

LATIHAN TENTERA LAUT

AMERIKA SYARIKAT-JEPUN DI PERAIRAN CHINA :

Implikasinya Terhadap Keselamatan Maritim Serantau

Oleh : **En. Nazery Khalid**
Fellow Penyelidik MIMIA
Foto : **Sidang Redaksi**

Walaupun Tokyo menafikan dakwaan Beijing yang latihan tersebut merujuk kepada pembebasan Senkaku / Diaoyu, tidak dapat disangkal yang China berasa tertekan akibatnya. Pulau yang dirujuk sebagai Senkaku oleh Jepun dan Diaoyu oleh China yang terletak di dalam gugusan Kepulauan Ryukyu di Laut China Timur telah sekian lama menjadi isu duri dalam daging di antara Tokyo dan Beijing. Kedua-dua belah pihak menuntut pulau ini berdasarkan fakta sejarah, namun hakikatnya, pulau yang tidak berpenghuni seluas 6 km persegi ini menjadi rebutan berdasarkan kekayaan dan nilai strategiknya.

Senkaku / Diaoyu kaya dengan deposit minyak dan gas dan terletak di lorong perkapalan antarabangsa yang sangat strategik. Walaupun China dan Jepun mempunyai jalinan ekonomi yang kukuh, mereka bertelagah mengenai beberapa isu bilateral dan diplomatik. Ini termasuklah tuntutan wilayah perairan yang kaya dengan deposit minyak dan gas serta 'kedegilan' pemerintah tertinggi Jepun untuk melawat sebuah memorial perang di Tokyo yang dianggap China sebagai tidak sensitif kepada keperitan yang dialaminya akibat pendudukan Jepun

sewaktu Perang Dunia Kedua. Pertelagahan mengenai pulau Senkaku / Diaoyu melambangkan kecurigaan mendalam di antara kedua-dua pihak dan sekiranya tidak dibendung, mampu menggugat keselamatan maritim di rantau ini.

Agensi Pertahanan Jepun meletakkan objektif menangani pengembangan kuasa ketenteraan China sebagai agenda utamanya di rantau ini. Jepun gusar dengan kebangkitan China sebagai kuasa besar tentera di rantau ini dan menyifatkan perbelanjaan ketenteraannya yang semakin meningkat sebagai satu ancaman kepada kemanana serantau. Ini sebaliknya melahirkan bangkangan yang keras dari Beijing yang menuduh Tokyo sendiri sebagai cuba untuk bangkit sebagai sebuah kuasa tentera. Pengalaman pahit China dan negara-negara serantau yang dijajah oleh Jepun semasa Perang Dunia Kedua menjadi asas kepada kebimbangan mereka yang sejarah bakal berulang kembali dengan kebangkitan Jepun sebagai sebuah kuasa tentera.

Andainya benar seperti yang didakwa oleh Beijing yang latihan tersebut berteraskan pembebasan pulau Senkaku / Diaoyu, ia berhak merasa gusar olehnya. Ini merupakan latihan

kedua selepas operasi Iron Fist yang dijalankan pada awal tahun 2006 di sepanjang perairan barat AS yang melibatkan tentera Marin AS dan Pasukan Pertahanan Diri Darat Jepun (JGSDF) yang bertanggungjawab ke atas pertahanan Kepulauan Ryukyu. Dalam latihan tersebut, para pegawai JGSDF dilatih untuk mengambil semula sebuah pulau kecil yang tidak dinamakan yang ditakluk oleh sebuah 'kuasa lawan'. Walaupun pada zahirnya latihan bilateral di antara tentera laut dua negara merupakan satu kelumrahan, latihan di antara AS dan Jepun ini membuka banyak persoalan dan mengundang pelbagai implikasi terhadap keselamatan maritim serantau. Di kalangan sesetengah pemerhati, latihan tersebut menggugat kedaulatan perundangan antarabangsa dan melangkaui batas-batas persefahaman di antara negara-negara dalam mengatasi isu tuntutan bertindan ke atas wilayah maritim.

Ia boleh ditakrifkan sebagai satu aksi provokatif pakatan AS-Jepun, dua kuasa besar ekonomi dunia, yang bertujuan merendahkan China sebagai satu kuasa ekonomi dan ketenteraan yang sedang tangkas bangkit. Lebih ekstrem lagi, ia boleh dilihat sebagai satu



percaturan strategik serantau yang bertujuan menduga sejauh mana China akan bertindak untuk mempertahankan integriti kewilayahannya. Percubaan 'menduga lautan dalam' sebegini bakal mengundang bahana sekiranya China yang tertekan mula membelakangkan saluran diplomatik dan menggunakan kuasa ketenteraannya sebagai reaksi kepada apa yang dilihatnya sebagai cabaran ke atas hak kedaulatannya.

Walaupun banyak negara di rantau ini gusar dengan kebangkitan dan potensi China sebagai sebuah kuasa ketenteraan, tiada pihak yang ingin melihat kebangkitannya ditangani dengan cara yang boleh menimbulkan konfrontasi. Apatah lagi jika ia melibatkan gabungan kuasa serantau dengan satu kuasa luar yang terkenal angkuh dengan kekuatan hegemoni yang tidak ada saingannya dan tidak segan silu untuk menggunakan penyelesaian ketenteraan untuk merealisasikan 'visi' strategiknya. Walaupun agak jauh dari pentas percaturan ini, kita tidak seharusnya memekakkan telinga kepada perkembangan ini. Benar, kita tidak mempunyai kepentingan langsung di dalam isu Senkaku / Diaoyu, namun polemik perbalahan di antara kuasa-kuasa besar di rantau ini tentunya akan memberikan gegaran yang boleh dirasakan santero rantau. Cara konflik ini ditangani boleh dijadikan rujukan untuk menilai bagaimana kuasa-kuasa serantau menghadapi isu-isu seumpamanya di perairan wilayah Timur Jauh ini. 'Gegaran' konflik Senkaku / Diaoyu mungkin bakal dirasakan di pentas konflik lain, umpamanya di Pulau Spratly di Laut China Selatan yang melibatkan tuntutan bertindan banyak negara serantau termasuk China malah Malaysia sendiri.

Walaupun Beijing dan ASEAN, yang ahlinya juga mengemukakan tuntutan terhadap Kepulauan Spratly, telah mengorak langkah untuk berunding mengenai isu ini berteraskan semangat setiakawan, isu ini masih tergantung dan dibebani oleh percaturan strategik yang sangat kompleks dan masih tidak nampak jalan penyelesaiannya. Seandainya China kehilangan Senkaku / Diaoyu, tentunya ia akan mempengaruhi sikap China di meja perundingan dengan negara-negara serantau dalam isu Spratly. Tuntutan dan pendiriannya terhadap kepulauan ini dijangka menjadi lebih tegas. Terguris akibat kehilangan Senkaku / Diaoyu dan tertekan untuk 'menjaga air mukanya' di kalangan negara-negara serantau yang jauh lebih kecil, Beijing pastinya tidak akan berkompromi dalam mempertahankan pendiriannya di Spratly dan di mana jua wilayah maritim yang dituntutnya. Ini bakal mengeruhkan keharmonian serantau dan berpotensi menggugat dasar diplomatik dan ekonomi terbuka yang diamalkannya dengan ASEAN. Perkara terakhir yang dimahukan oleh



ASEAN, yang kesejahteraan ekonomi dan kepentingan strategiknya amat bergantung kepada hubungan baik sesama jiran serantaunya, ialah sebuah negara China yang tertekan dan tersisih oleh rakan-rakan serantau. Sekiranya kepentingannya tergugat, China, persis seekor singa yang terluka, tentunya tidak akan teragak-agak untuk bertindak sejajar dengan kuasa hebat yang dimilikinya. Oleh itu, kita tentunya gusar dengan sebarang percaturan melibatkan China yang boleh membuatnya membelakangkan dasar peaceful rise atau kebangkitan secara aman yang diamalkannya. Terutamanya di dalam isu tuntutan wilayah di Laut China Selatan yang merupakan antara laluan perkapalan yang terpenting di dunia dan menyediakan jalinan ekonomi di antara negara-negara serantau dan wilayah-wilayah ekonomi dunia yang lain. Isu Spratly yang disebutkan merupakan satu permasalahan yang sangat rumit yang menuntut semua pihak yang terlibat menggunakan segala kematangan dan saluran diplomatik yang ada supaya tidak merebak menjadi konflik yang berterusan. Segala isu geopolitik 'tradisional' di rantau ini seperti kedaulatan wilayah, perebutan sumber minyak dan gas, kawalan ke atas laluan strategik perairan dan power projection di lautan, boleh dilihat di dalam perkembangan isu Spratly. Tentunya kita tidak rela melihat isu-isu ini 'meletup' di luar kawalan sekiranya China mempertingkatkan tekanannya ke atas tuntutannya.

Sebagai kuasa yang semakin meningkat, tentunya China akan terus mengamalkan power projection di persekitaran maritim di rantau ini. Ini dapat dilihat kebelakangan ini melalui keghairahannya memodenkan tentera lautnya dan betapa semakin meningkatnya keyakinan dan ketegasan Beijing dalam menangani isu-isu di Laut China Selatan. Washington sendiri percaya yang matlamat utama Beijing ialah untuk

mencapai dominasi strategik di lautan penting ini yang bakal menjadikannya kuasa hegemoni unggul di rantau ini serta meningkatkan pengaruhnya di persada global. Susulan dari isu Senkaku / Diaoyu dan perkembangan berkaitan yang berpotensi menimbulkan konflik di rantau ini, adalah penting yang kuasa-kuasa serantau mengalihkan tumpuan dari menegakkan tuntutan kepada melipatgandakan usaha untuk membina semangat kerjasama dan persefahaman. Walaupun satu kod perilaku di Laut China Selatan telah diketengahkan, ia masih tidak diamati sepenuhnya oleh pihak-pihak terbabit. Masih banyak yang perlu dilakukan untuk menerapkan semangat 'sehidup semati' di kalangan mereka di perairan yang sangat kritikal kepada kepentingan serantau ini. Negara-negara serantau perlu akur yang keselamatan maritim di wilayah ini memerlukan kerjasama, komitmen dan penglibatan semua pihak. Asas kepada kesejahteraan serantau ialah sikap berkompromi oleh pihak-pihak yang berkepentingan di perairan di wilayah ini, termasuklah di Laut China Selatan. Pendekatan bercorak multilateral dan amalan falsafah keselamatan teras wilayah harus dijadikan tunjang kepada strategi untuk memelihara keharmonian di lautan ini.

Negara-negara serantau tentunya tidak mahu dilihat sebagai terlalu berpihak kepada satu kuasa sahaja dan mengabaikan yang lainnya dalam percaturan strategik di perairan serantau. Cabaran utama bagi mereka dalam mengekalkanimbangan strategik di wilayah ini ialah merancang strategi untuk membendung peningkatan kuasa China dan mengimbangnya dengan penglibatan kuasa lain di rantau ini. Ini sahajalah cara terbaik buat negara-negara serantau dalam menjamin yang mereka tidak akan terjebak di dalam percaturan strategik kuasa-kuasa besar yang menjadikan perairan di kawasan ini gelanggang pertentangan mereka. **S**



Kenangan berada di hutan simpan yang tertua di Malaysia merupakan satu pengalaman yang begitu sukar untuk kita cari. Harapan terakhir dari saya sama-samalah kita menjaga keindahan flora dan fauna yang tidak ternilai harganya untuk tatapan generasi pada masa akan datang.



PSTL TAWAU

Takluki Lembah Danum

Oleh : 816745 BM KMT Fauzi Bin Md Noh
Foto : Staf PSSTLDM Tawau

Satu Latihan Ketahanan Mental dan Fizikal telah diadakan di Pusat Luar Lembah Danum, Lahat Datu pada 11 hingga 13 November 2006. Seramai 88 orang terdiri daripada pegawai, jurulatih dan anggota PSTL TAWAU terlibat dengan latihan ini. Latihan ini diadakan bertujuan mendedahkan pegawai dan anggota mengenai aspek 'survival' di hutan dan latihan ikhtiar hidup serta meningkatkan daya ketahanan mental dan fizikal.

Pusat Luar Lembah Danum terletak kira-kira 70 km dari bandar Lahat Datu berkeluasan 438 kilometer persegi dan merupakan hutan simpan terbesar dan tertua di Malaysia. Lembah Danum juga kaya dengan pelbagai jenis flora dan fauna termasuk spesis mamalia yang terancam dan hampir pupus seperti Badak Sumatera, Gajah Asia dan Orang Utan. Bagi mereka yang gemar kepada cabaran dan ingin menikmati keindahan flora dan fauna, Lembah Danum merupakan kawasan yang paling sesuai. Antara aktiviti menarik yang boleh dilakukan seperti jalan lasak, memerhati burung, panduan malam dan mengambil gambar hidupan liar.

Aktiviti pada kali ini amat menyeronokkan dan begitu mencabar bagi kami yang majoritinya adalah pertama kali menjejakkan kaki di sini. Kami juga merasa begitu bangga kerana merupakan pasukan Simpanan Sukarela TLDM yang pertama mengadakan aktiviti di Pusat Luar Lembah Danum ini. Sepanjang perjalanan kami ke Pusat Luar Lembah Danum, kedatangan kami disambut dengan ke hijauan flora yang begitu indah. Tidak lengkap rasanya kedatangan kami sekiranya tidak mengetahui latar belakang dan sejarah Lembah Danum.

Kami telah dipertontonkan dengan tayangan video, taklimat serta penerangan mengenai sejarah penubuhan dan aktiviti-aktiviti yang dijalankan di pusat berkenaan. Taklimat dan penerangan telah disampaikan oleh pegawai dan renjer yang ditugaskan berkenaan aktiviti yang bakal kami jalankan. Seawal pagi selepas menerima taklimat terakhir daripada renjer, kami meruskan aktiviti jalan lasak ke Air Terjun Tembaling yang mengambil masa 2 jam untuk sampai ke destinasi. Sepanjang perjalanan, kami dapat melihat spesis flora dan fauna serta unggas yang kebanyakannya tidak pernah kami lihat sebelum ini. Walaupun perjalanan begitu

mementingkan tetapi apabila tiba di Air Terjun Tembaling, keletihan hilang selepas melihat keindahan air terjun semulajadi yang begitu menakjubkan dan memukau mata memandang.

Sudah menjadi tradisi setiap malam terakhir pasti ada malam mesra. Begitu juga dengan kami tidak ketinggalan dalam meneruskan tradisi ini dan secara tidak langsung mengeratkan hubungan persahabatan dan kerjasama bersama pihak Lembah Danum. Pelbagai persembahan telah di sampaikan oleh anggota PSTL TAWAU dengan kreativiti mereka masing-masing. Rasanya terlalu singkat masa kami berada di sini. Dan masih tidak puas untuk menikmati sepenuhnya keindahan semulajadi yang terdapat di Pusat Lembah Danum ini. Kenangan berada di hutan simpan yang tertua di Malaysia merupakan satu pengalaman yang begitu sukar untuk kita cari. Harapan terakhir dari saya sama-samalah kita menjaga keindahan flora dan fauna yang tidak ternilai harganya untuk tatapan generasi pada masa akan datang. **S**



Discovering
new horizons
Inventing
new solutions

Indigenous products

by Malaysians...
for the world

- Unmanned Aerial Vehicle
- Network Centric Warfare
- Battlefield Management System

Your thinking company Let us think together and together we will find the solution

System Consultancy Group of Companies



System Consultancy Services
Sdn Bhd



Prestigious
Discovery Sdn Bhd



Digital Aura (M)
Sdn Bhd



IBS Technology
Sdn Bhd



DK Composites
Sdn Bhd

www.systemconsultancy.com.my

System Consultancy Services Sdn Bhd (219906-U)

36, Jalan 1/27F, Pusat Bandar Wangsa Maju (KLSC), 53300 Kuala Lumpur, MALAYSIA.

Tel: 603-4149 1919 Fax: 603-4149 2121 Email: scshq@po.jaring.my

Pemeriksaan Armada Diraja TLDM

Oleh : Lt M Siti Salina Johari PSSTLDM

Foto : Dusa Abas - BERNAMA

Penuh Istiadat



DYMM Tuanku Syed Sirajuddin mengambil tabik hormat sempena pemeriksaan Armada Diraja di Pangkalan TLDM Lumut



DYMM menerima cenderahati dari YBhg. Panglima Tentera Laut

Sempena tamat tempoh penggal pemerintahan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ke-12, Tuanku Syed Sirajuddin Ibni Almarhum Tuanku Syed Putra Jamalullail, satu istiadat yang julung kali telah diadakan oleh TLDM bertempat di Pangkalan TLDM Lumut, Perak baru-baru ini.

Pemeriksaan Armada Diraja ini merupakan salah satu tradisi yang diamalkan oleh TLDM sebagai tanda penghormatan ke atas SPB Yang di-Pertuan Agong yang akan menamatkan tempoh penggal pemerintahannya tidak lama lagi. Ianya dilaksanakan di sepanjang Selat Dindings dan berakhir di Jeti Operasi Pangkalan TLDM, Lumut. Simboliknya, setiap kapal yang melintasi KD MUTIARA iaitu kapal yang menjadi platform utama semasa upacara pemeriksaan Armada oleh SPB Yang di-Pertuan Agong akan diberi tabik hormat dan laungan Daulat Tuanku oleh anak-anak kapal.

Sejumlah 19 buah Kapal Diraja milik TLDM terlibat semasa pemeriksaan tersebut iaitu KD JEBAT, KD KASTURI, KD LEKIR, KD HANG TUAH, KD KEDAH, KD PAHANG, KD LAKSAMANA HANG NADIM, KD LAKSAMANA MUHAMMAD AMIN, KLD TUNAS SAMUDERA, KD MAHAWANGSA, KD SRI INDERAPURA, KD KINABALU, KD LEDANG, KD PENDEKAR, KD GANAS dan KD JERONG serta tiga buah kapal yang disewa oleh TLDM bagi tujuan latihan dan pelbagai kegunaan seperti MV SETIA CEKAL, MV MAHSURI dan MV FAJAR SAMUDERA. Selain itu, tiga buah helikopter jenis Fennec dan tiga buah helikopter jenis Super Lynx dari KD RAJAWALI juga terlibat dalam membuat penerbangan dari arah haluan kapal dan seterusnya memberi lintas hormat.

Turut hadir ialah Raja di-Hilir Datuk Seri Jaafar Raja Muda Musa, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pertahanan, Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Hj Abdul Razak, Panglima Angkatan Tentera, Laksamana Tan Sri Dato' Sri Anwar bin Hj Mohd Nor, dan Panglima Tentera Laut, Laksamana Datuk Ramlan Mohamed Ali. Upacara pemeriksaan Armada Diraja diakhiri dengan menandatangani carta 'commemorative' atau carta kenangan oleh SPB Yang di-Pertuan Agong. Kapal KD MUTIARA merupakan kapal hidrografi yang berfungsi untuk melaksanakan tugas-tugas pengukuran di laut bagi tujuan menghasilkan carta kegunaan Armada TLDM khususnya dan juga Malaysia amnya. **S**





Datin Noor Asmah Pengerusi Baru BAKAT (L)

Oleh : Kept Hj. Mohd. Halim bin Hj. Maulud TLDM

Foto : LK 1 KNA Mohd Faris Rassuly bin Matt Nor

Majlis serah terima jawatan Pengerusi Jemaah Tertinggi Badan Kebajikan Amal Angkatan Tentera (BAKAT) Laut antara Puan Sri Noraini @ Meryam bte Harun dan Datin Noor Asmah bte Shariman berlangsung di Bilik Mesyuarat Markas Tentera Laut pada 16 November yang lalu berikutan persaraan suami Puan Sri Noraini, Laksamana Tan Sri Ilyas bin Haji Din.

Majlis yang dihadiri semua ahli Jemaah Tertinggi BAKAT Laut dimulakan dengan acara menandatangani sijil serah terima jawatan. Ini disusuli dengan ucapan oleh kedua-dua pihak dan bacaan doa selamat.

Dalam ucapan beliau, Puan Sri Noraini merakamkan ucapan terima kasih kepada semua ahli BAKAT Laut yang telah memberi kerjasama dan bantuan kepada beliau sepanjang beliau menjawat jawatan berkenaan. Puan Sri juga berharap agar semua ahli BAKAT Laut akan memberi kerjasama dan sokongan padu kepada penggantinya, Datin Noor Asmah.

Menurut Datin Noor Asmah Shariman, Pengerusi BAKAT Laut yang baru, BAKAT Laut telah menetapkan objektif utamanya iaitu memberi khidmat kebajikan kepada keluarga TLDM serta merapatkan silaturrahim ahlinya melalui aktiviti-aktiviti yang dianjurkan.

"Melalui BAKAT Laut, aktiviti bagi menambah pengetahuan para isteri dalam hal ehwal pengurusan rumah tangga, pengetahuan am dan aspek-aspek sosial serta kemasyarakatan termasuklah seni dan kebudayaan akan diteruskan. Bagi menambah ilmu agama misalnya, ceramah agama serta kelas fardu ain, berzanji dan marhaban diadakan".

Jelas beliau lagi, "Aktiviti seperti memberi khidmat nasihat serta sokongan moral kepada isteri anggota TLDM terutamanya semasa suami mengikuti pelayaran atau menjalani latihan di luar negara akan dilaksanakan dari masa ke masa. Ini termasuklah para isteri warga Pasukan Projek Kapal Selam yang sedang mengikuti latihan di Peranchis."

"Selain daripada meluangkan waktu untuk melawat isteri atau anak anggota yang sakit tidak kira di rumah mahupun di hospital, ahli BAKAT Laut juga prihatin terhadap golongan kanak-kanak istimewa," tambahnya lagi. Menerusi aktiviti sukan pula, ahli-ahli BAKAT dapat berkumpul bagi memupuk semangat kesukanan dan bekerjasama sebagai satu pasukan. Yang pasti, BAKAT ATM telah membuka ruang untuk para isteri pegawai mahupun LLP berinteraksi bagi menjalinkan hubungan semang

setiakawan di kalangan mereka. BAKAT Laut juga bertanggungjawab sebagai tuan rumah kepada TLDM di dalam penganjuran program khas untuk isteri-isteri orang kenamaan atau pelawat asing jika ada lawatan di pangkalan-pangkalan TLDM.

Sudah menjadi satu tradisi apabila menjelang Hari Raya, ahli-ahli BAKAT Laut akan berkumpul untuk menyediakan dan membungkus kuih raya dan seterusnya diagihkan kepada anggota TLDM yang bertugas semasa Hari Raya. Bungkus kuih raya yang disediakan ini sedikit sebanyak dapat menghidupkan suasana raya sewaktu para suami bertugas demi menjaga keselamatan Negara.

Sesuai dengan motonya "Bersama Berbakti", BAKAT Laut sentiasa bersatu di dalam melaksanakan objektif yang digariskan terutamanya di dalam menjaga kebajikan keluarga warga TLDM.

Turut hadir sama di majlis tersebut ialah Isteri Timbalan Panglima Tentera Laut, Datin Hajah Sarah bte Tun Ab Ghafar yang merupakan Naib Pengerusi Jemaah Tertinggi BAKAT Laut. **S**



"Bersama berbakti", Puan Sri Datin Meryam menyerahkan tugasnya kepada Pengerusi BAKAT (L) baru Datin Noor Asmah bte Shariman.



COMMUNICATION ROLE

The primary purpose of military communications is to serve command. In This role, communication permits the commander to exert personal influence in the exercise of command and control over a large force and a large area than would be possible otherwise. The secondary purpose of military communications is to facilitate and expedite the transfer of information between individuals and groups of individuals. In this sense communications support operations, intelligence, logistics and administration, all of which are necessary to the exercise of command.

Satellite For RMN ?

HISTORY

By : Lt Shaiful bin Mahyudin RMN
Commanding Officer SKTLDM
Sitiawan


Prior to 1860 the principal means of communication were: messenger, visual signal(smoke, hand, semaphore flag), and some sound(drums, gunfire, etc). It was in this era that the oft-lamented pigeon provided the first comparatively rapid "long distance" communications capability. The impetus for transition from this period was the requirements for more effective command control as military forces increased in size and line of communications were lengthened. During the period, 1860-1900 the telegraph was developed as the first electrical means of communication. Comparatively extensive and rapid systems, using wire circuits between terminals, were installed and operated by the landbound soldiers. The "dot-dash" method of those early days still has its place in today's

modern world communication systems, primarily as a reliable back-up for more advanced means. The introduction of radio marks the beginning of the next period. Shortly after 1900, the navies installed wireless aboard ships to maintain intership communications and contact with strategically placed shore stations. Fleet control was extended over an ever greater area. Other innovations of the period, resulting from World War I requirements, included vehicular mounted radio and airborne radio used as an aid to navigation. With the development of high speed and mobile radio techniques ever the need for communications security measure that would deny the enemy access to transmitted information became critical and urgent.

Visual Communication In RMN: Flaghoist

a) Flaghoist


Flags always had an important part to play at sea. They are used for passing messages, identifying other vessels, identifying people carried in them, warning of dangers and many other purposes. The RMN uses many flags and pennants. The use of flags and pennants displayed from halyards to pass orders and information between ships in company. Although this is a rapid and accurate method of transmission it is limited to daylight use and to comparatively short distances. Whenever military use is made of the International Code Of Signals, groups will be preceded by the Code Pennant(Answer Pennant) when used with flags. A complete set of flags consists of 26 alphabetical flags, 10 numeral flags, 10 numeral pennants, 12 special flags and 10 special pennants (Total of 68 flags/pennants). Non-military signals stations and ships use the International flags and pennants for flaghoist signaling.





b) Semaphore (Hand Flags)

Standard semaphore apparatus consist of TWO HAND FLAGS. Generally 15 to 18 inches square, of design similar to either flag OSCAR or PAPA attached to Staffs about 22 inches long. Transmission of signals by means of one or two flags held in the operator's hands. The position or movement of the flags represents letters and numerals. The means includes Semaphore, and Morse. . Although this is a rapid and accurate method of transmission it is limited to short distance only.



INTERNATIONAL MORSE CODE

1. A dash is equal to three dots.
2. The space between parts of the same letter is equal to one dot.
3. The space between two letters is equal to three dots.
4. The space between two words is equal to five dots.

A ● —	U ● ● —
B — ● ● ●	V ● ● —
C — ● — ●	W — — —
D — ● ●	X — ● ● —
E ●	Y — ● — —
F ● ● — ●	Z — — — ● ●
G — — — ●	
H ● ● ● ●	
I ● ●	
J ● — — — —	
K — ● —	
L ● — ● ●	
M — —	
N — ●	
O — — — —	
P ● — — — ●	
Q — — — ● —	
R ● — ● ●	
S ● ● ●	
T —	

1 ● — — — —
2 ● ● — — —
3 ● ● ● — —
4 ● ● ● ● —
5 ● ● ● ● ●
6 — ● ● ● ●
7 — — ● ● ●
8 — — — ● ●
9 — — — — ●
0 — — — — —

c) International Morse Code

Morse code is a method for transmitting information, using standardized sequences of variously spaced short and long elements for the letters, numerals punctuation, special characters and words of a message. The short and long elements can be formed by sounds, marks or pulses, and are commonly known as 'dots' and 'dashes' or 'dits' and 'dahs'. There are short spaces between the dits and dahs of a character, longer ones between characters, and still longer ones between words. Originally created for Samuel Morse's electric telegraph in the mid - 1830s, it was also extensively used for early radio communication beginning in the 1890s. However, with the development of more advanced communications technologies, the widespread use of Morse code is now largely obsolete, apart from emergency use and other specialized purposes, including radio beacons, land mobile transmitter identification, and by CW (continuous wave) amateur radio operators. Morse code can be transmitted in a number of ways: originally as electrical pulses along a telegraph wire, but also as an audio tone, as a radio signal with short and long pulses or tones, or as a mechanical or visual signal (e.g. a flashing light) using devices like an Aldis lamp or a heliograph. All transmissions over military telegraphic systems, except teletypewriter, are made by use of the International Morse Code. The characters used are shown in the following table:

The 50th

The 50TH Combined Naval Working Group (CNWG) Meeting between Thailand and Malaysia was held on 1 March 2007 at Grand Seasons Hotel, Kuala Lumpur. The working group holds its meeting twice a year alternately in Malaysia and Thailand.

Combined Naval Working Group (CNWG) Meeting

By : Lt Cdr Muhammad Rodhi bin Ariffino RMN
Photo : Sidang Redaksi

The 50th CNWG meeting was co-chaired by First Admiral Jamil bin Hj Osman, Commander Naval Area 1, and his counterpart Rear Admiral Phajongsak Sangkaew, Deputy Commander Southern Naval Operation Unit. The meeting was conducted in the spirit of cordiality, mutual understanding and good neighbourliness. The agencies involved in this working group are Royal Malaysian Navy, Royal Thai Navy, Royal Malaysian Marine Police and Royal Thai Marine Policy. The Malaysian Maritime Enforcement Agency is accorded observer status in this meeting. The objective of this meeting is to promote border cooperation for the enhancement of security and stability in the common border area by the resolutions of common problems therein. The Meeting deliberated and noted with satisfaction the progress of activities undertaken during the period under review from 26 July 2006 to 31 January 2007 by the working group. The activities

carried out by the agencies concerned were coordinated patrols, combined exercise and ships operational visits. The meeting also noted the progress of the implementation of the tasks assigned and the cooperation in combating various transnational crimes in border areas. The working group has been tasked by the Regional Border Committee to undertake to expand the cooperation in particular the issue of security in Joint Development Area.

The meeting agreed that all enforcement agencies in CNWG of both sides continue to enhance their present cordial and close cooperation to intensify their efforts to maintain peace and stability in the border areas. This includes timely exchanging of information and increasing the frequencies of patrolling along the sea border. Thailand will host the 51st CNWG Meeting tentatively in July 2007. **S**





Oleh : Lt Shahrul Effendy bin Sapari TLDM

Selepas pembelian 2 buah kapal selam jenis Scopene, Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) sekali lagi mengorak langkah apabila bakal mencipta satu lagi sejarah dimana sebuah kapal miliknya akan belayar mengelilingi dunia. Kapal yang dimaksudkan adalah sebuah kapal layar iaitu KLD TUNAS SAMUDERA. Kesempatan untuk mengelilingi dunia ini diambil apabila kapal layar ini telah diundang oleh Kerajaan Poland untuk menyertai sebuah perlumbaan kapal layar iaitu Tall Ships Races 2007. Untuk perlumbaan pada tahun ini, ianya merangkumi 3 sirkit selama 22 hari dimana ianya akan bermula di Aarhus, Denmark, melalui Kotka di Finland, seterusnya Stockholm, Sweden dan berakhir di Szczecin, Poland. Ini adalah perlumbaan Tall Ships Races yang ke - 51 sejak dianjurkan pada 1956. Selesai sahaja

perlumbaan ini, KLD TUNAS SAMUDERA akan meneruskan misi TLDM untuk belayar mengelilingi dunia. Bagi memastikan setiap warga TLDM dan rakyat Malaysia mengetahui perkembangan terkini KLD TUNAS SAMUDERA semasa pelayaran, satu Laman Web Portal Rasmi telah diwujudkan yang mana ianya telah dirasmikan oleh Mantan Panglima Tentera Laut, Tan Sri Ilyas bin Hj. Din pada 13 Nov 2006.

Di laman web ini, pengguna boleh mengetahui mengenai kedudukan terkini kapal dan informasi lain yang berkaitan dengan pelayaran ini. Untuk melayari web portal ini pengguna boleh melayari www.navy.mil.my/tunassamudera/.

Capaian Web

Untuk ruangan muka hadapan web portal ini, pengguna akan dapat membaca ringkasan berita mengenai KLD TUNAS SAMUDERA. Disamping itu disediakan juga Jurnal Pelayaran KLD TUNAS SAMUDERA. Pengguna boleh menghantar sebarang komen atau apa sahaja cadangan secara terus di ruangan 'shoutbox' yang disediakan di bahagian kanan muka hadapan portal ini. Di sebelah kiri web portal disusun senarai pautan untuk memudahkan pengguna untuk melayari web ini. Satu pautan mengenai ringkasan pelayaran KLD TUNAS SAMUDERA iaitu Jurnal Pelayaran telah disediakan untuk pengguna membaca semua ringkasan aktiviti pelayaran sepanjang pelayaran kapal ini mengelilingi dunia. JURNAL PELAYARAN ini adalah hasil nukilan warga kapal KLD TUNAS SAMUDERA dan Pegawai Memerintah. Jurnal ini adalah aktiviti harian warga kapal dimana mereka diwajibkan menghantar jurnal kepada webmaster pada setiap hari untuk dikemaskini. Pengguna juga boleh mengetahui lokasi terkini kapal dengan mencapai pautan LOKASI TERAKHIR. Di dalam pautan ini, webmaster akan meletakkan jadual kedudukan kapal sepanjang pelayaran beserta peta kedudukan terkini. Ianya sentiasa dikemaskini untuk memastikan setiap pelayar laman web ini mendapat maklumat yang tepat. Untuk pengguna yang ingin mendapatkan maklumat mengenai kapal dan perlumbaan ini, mereka boleh mencapai capaian TUNAS SAMUDERA dan TALL SHIPS' RACES. Di dalam capaian ini disenaraikan ringkasan mengenai KLD TUNAS SAMUDERA dan maklumat mengenai perlumbaan di Poland nanti. Senarai pelabuhan yang bakal disinggahi oleh kapal ini juga turut disenaraikan di dalam capaian tersebut. Bagi memastikan pengguna boleh berkomunikasi sesama pengguna yang lain, laman web ini telah menyediakan satu ruangan FORUM dimana

setiap pengguna boleh membincangkan segala perkara yang berkaitan dengan kapal ini atau apa sahaja perkara isu semasa. Namun, untuk memudahkan proses pertukaran maklumat atau infomasi, setiap pengguna yang ingin menyuarakan pendapat di dalam ruangan ini dimestikan mendaftarkan akaun mereka terlebih dahulu. Ruangan GALERI turut disediakan didalam web portal ini, dimana ianya memperlihatkan semua gambar aktiviti warga kapal sebelum dan sepanjang pelayaran mereka. Setiap gambar yang diletakkan di dalam web ini adalah gambar yang diambil sendiri oleh warga kapal yang kemudiannya diserahkan kepada webmaster melalui emel untuk diletakkan di dalam web ini. Jadi kepada sesiapa yang masih belum melayari laman web ini bolehlah melayarinya hari ini juga untuk mengetahui perkembangan terkini pelayaran KLD TUNAS SAMUDERA mengelilingi dunia. Segala pandangan anda untuk meningkatkan lagi mutu persembahan web ini boleh di e-mel terus kepada pp_webmaster@navy.mil.my. Semoga perjalanan warga KLD TUNAS SAMUDERA ini akan sentiasa dilindungi dan dirahmati olehNya. S





Semoga berjaya melaksanakan tugas dengan jawatan yang baru



Majlis menandatangani dokumen serah dan terima tugas

Maktab Tentera Diraja (MTD) Sungai Besi merupakan sebuah institusi pengajian peringkat menengah yang ditadbir di bawah Kementerian Pertahanan yang begitu terkenal dan disegani kerana jasanya melahirkan ramai pemimpin negara dalam berbagai sektor seperti Perkhidmatan Awam, Korporat dan Angkatan Tentera Malaysia seperti Bekas Menteri Pengangkutan dan Presiden MCA Tun Ling Liong Sik, Bekas Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Abdul Halim Ali, dan Tan Sri Samsuddin Osman, pemain hoki kebangsaan Mirnawan Nawawi, Pakar Perubatan Dato' Dr. Hamid Arshat, ahli perniagaan Tan Sri G. Gnanalingam dan Ahli Akademik Prof Madya Dr.Hj Idris bin Abdol. Bekas Ketua-ketua Perkhidmatan Angkatan Tentera Malaysia termasuk bekas Panglima Angkatan Tentera Malaysia iaitu Jeneral Tan Sri Dato' Seri Mohd Zahidi bin Zainudin, Panglima Tentera Darat sekarang iaitu Jen Tan Sri Dato' Sri Abdul Aziz bin Hj Zainal dan Panglima Tentera Laut sekarang iaitu Laksamana Datuk Ramlan Mohamed Ali, juga adalah tokoh kelahiran maktab ini.

Oleh : Mejar Amrul

Foto : Maktab Tentera Diraja

TLDM Cipta Sejarah di Maktab Tentera Diraja





Pada tanggal 02 Nov 2006, terukir coretan sejarah bagi MTD dan TLDM dengan terlaksananya Upacara Perbarisan Serah Terima Tugas Komandan Maktab Tentera Diraja. Upacara tersebut menyaksikan penyerahan tugas Komandan MTD di antara Brig Jen Mohd Shukuri bin Ahmad iaitu Komandan yang lama dengan Kept Syed Zahiruddin Putra bin Syed Osman TLDM. Kept Syed Zahiruddin Putra merupakan Pegawai Kanan yang pertama dari Perkhidmatan TLDM yang menjawat jawatan Komandan MTD sejak MTD ditubuhkan pada 3 Julai 1952. Beliau juga merupakan Komandan MTD yang ke 24 dalam organisasi MTD. Perlantikan beliau sebagai Komandan MTD telah memberi nafas dan perspektif yang baru kepada cara pengurusan dan budaya kerja MTD.

Kept Syed Zahiruddin Putra merupakan bekas Putera MTD yang menuntut pada tahun 1975 sehingga 1977. Beliau memasuki TLDM pada 1977 dan seterusnya mengikuti latihan Pegawai Kedet di *Brittania Royal Naval College* di United Kingdom pada tahun berikutnya. Beliau telah menabur khidmatnya kepada Perkhidmatan TLDM selama 27 tahun. Sepanjang perkhidmatannya, beliau telah melakukan pelbagai jawatan di Markas, Pangkalan dan kapal. Beliau pernah bertugas sebagai Pegawai Memerintah beberapa buah kapal TLDM seperti KD YU, KD HANDALAN, KD KEDAH dan KD LEKIU. Beliau juga pernah memegang jawatan Pegawai Memerintah KD MALAYA.

Dalam usaha meneruskan kecemerlangan dan kejayaan MTD, beliau telah menggariskan beberapa *Key Performance Indicator* (KPI) yang akan dijadikan sebagai fokus dan sasaran maktab agar semua usaha akan digemblengkan secara sinergi bagi mencapainya. Walaupun KPI terbabit belum dirumuskan secara tepat tetapi ia mesasarkan *Key Result Areas* (KRA) seperti berikut:

- Pencapaian akademik yang lebih cemerlang dengan menjadi Sekolah Asrama Penuh tertentu sebagai penanda aras kepada MTD. Ini kerana dalam keadaan meritokrasi semasa yang sangat kompetitif, hanya keputusan cemerlang akan membolehkan dan menjamin Putera MTD mendapat tempat di IPTA dan IPTS serta biasiswa bagi melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi.
- Menerap pendekatan modul kepimpinan terkini. Ini penting bagi menentukan Putera dapat dicorakkan bagi memenuhi dan merealisasikan Misi MTD untuk melahirkan pemimpin berwibawa, berketerampilan dan bersahsiah mulia.
- Penekanan khusus bagi menjamin competitive advantage Putera yang unggul dari aspek kemampuan berfikir, pemikiran kreatif, communication skills, basic research training and organizing skills.

d. Kecemerlangan Sukan melalui penumpuan khusus kepada beberapa sukan tertentu sahaja. Sukan dan aktiviti lain tetap akan dilakukan tetapi hanya sekadar bagi memenuhi masa lapang putera sahaja.

e. Mendapat tawaran biasiswa dari penaja dengan sebanyak mungkin dan juga peluang kemasukan ke Universiti Tempatan dan Luar Negara mahupun Akademi Tentera luar Negara yang berprestij.

f. Menentukan projek pembinaan kompleks baru MTD yang bernilai RM 100 juta dengan kapasiti penuntut 1500 putera dilaksanakan dengan jayanya mengikut jadual yang ditetapkan.

Menjadi aspirasi dan hasrat beliau bagi membentuk MTD sebagai *Home of Future Leaders* yang ingin Berkhidmat untuk Memimpin. Bersama pengetahuan dan pengalaman yang ada pada beliau, MTD dipercayai akan terus cemerlang dan berjaya dalam melahirkan ramai pemimpin berwibawa, berketerampilan dan bersahsiah mulia bagi merealisasikan piagamnya iaitu untuk menyediakan belia-belia Malaysia mengambil tempat sebagai pegawai-pegawai dalam Angkatan Tentera Malaysia, menjadi pegawai-pegawai kanan perkhidmatan awam, menjadi pemimpin-pemimpin dalam bidang iktisad, perdagangan dan perusahaan negara. **S**



Perbarisan serah terima tugas Komandan di padang kawad MTD



Kapal Layar Diraja **TUNAS SAMUDERA**




Kental Menghadapi Cabaran

Oleh : LK KNA ISWARDI
Foto : PR FOC

“**K**apal Layar TUNAS SAMUDERA (KLD TUNAS SAMUDERA) merupakan kapal layar latihan kedua jenis *Brigantine* yang di bina di dunia. Objektif utama kapal layar ini ialah untuk melatih dan memberi peluang kepada belia-belia negara dan pelatih TLDM untuk mengikuti program latihan pelayaran disamping menghayati dan mencintai warisan maritim dengan menikmati keindahan lautan serta dapat menimba pengetahuan. Ianya juga bertujuan untuk melahirkan pelatih-pelatih yang berdisiplin tinggi, memupuk sifat kerjasama dan membina kepimpinan yang berkualiti melalui latihan yang telah dirancang. Mereka juga akan didedahkan kepada ilmu pelayaran seperti navigasi, kajicuaca dan ilmu kelautan.”



Ukuran / Pelan Layar KLD TUNAS SAMUDERA



- Panjang Keseluruhan - 44.0 meter
- Panjang (Hull) - 35.0 meter
- Panjang (paras air) - 28.3 meter
- Tinggi - 32.6 meter (Tiang Utama)
- 30.0 meter (Tiang Hadapan)
- Lebar - 7.8 meter
- Penenggelaman - 4.0 meter
- Lebar Layar (Keseluruhan)
- 510 meter persegi
- Sesaran - 200 tan
- Tan Kasar - 173 tan
- Balast - 50 tan

1. FORE COURSE
2. FORE TOPSAIL
3. FORE TOPGALLANT
4. SPANKER (OR MAIN SAIL)
5. SPANKER TOPSAIL
(OR MAIN GAFF TOPSAIL)
6. MAIN STAYSAIL
7. MAIN TOPGALLANT STAYSAIL
8. STAYSAIL
9. JIB
10. FISHERMAN STAYSAIL
11. TRI SAIL

Bermula dari hasrat yang diilhamkan oleh Y.A.B Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia yang keempat, Kementerian Pendidikan Malaysia dengan Kerajaan British telah berkejasama dan bersetuju untuk membiayai pembinaan sebuah kapal layar latihan berharga RM18 juta yang akan dioperasikan sepenuhnya oleh TLDM. Kerja-kerja pembinaan kapal ini telah dimulakan pada bulan November 1988 di Brooke Yachts International Limited, Lowestoff, Suffolk di United Kingdom. Kapal layar ini kemudiannya diberi nama Kapal Layar Diraja TUNAS SAMUDERA (KLD TUNAS SAMUDERA) dan ditauliahkan pada 15 Oktober 1989. Upacara penyerahan KLD TUNAS SAMUDERA kepada TLDM telah disempurnakan oleh Yang Dipertuan Agong ke-9, Sultan Azlan Shah bersama Her Majesty Queen Elizabeth II di Pangkalan TLDM Lumut pada 16 Oktober 1989 dengan penuh adat istiadat Tentera Laut. KLD TUNAS SAMUDERA dilengkapi dengan layar *Fore and Aft Rigged* dan merangkumi layar tiga segi dan layar empat segi. Kapal ini juga diperbuat dari besi dengan bilga lengkung (*round bilge*) dan direkabentuk untuk semua sudut pelayaran.

Dengan ukuran panjang seluas 44 meter, ianya mampu belayar dengan kelajuan 14 knot sekiranya menggunakan layar dan boleh memberi kelajuan maksimum 10 knot sekiranya menggunakan dua jentera disel utamanya. Dengan kekuatan krew kapal seramai lebih kurang 39 anggota, KLD TUNAS SAMUDERA mampu melahirkan pelatih-pelatih yang berketrampilan dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek. Kapal layar ini diuruskan oleh satu program yang dipanggil Program KLD TUNAS SAMUDERA. Kementerian yang turut mengambil bahagian dalam program ini ialah Kementerian Pertahanan, Kementerian

Pendidikan dan Kementerian Belia dan Sukan. Satu Lembaga Pengurusan yang dipanggil Lembaga Pengurusan Tabung Amanah KLD TUNAS SAMUDERA ditubuhkan sebagai badan pengurusan kapal layar latihan ini. Satu skim belia telah diwujudkan untuk penyertaan belia-belia di dalam pelayaran KLD TUNAS SAMUDERA bertujuan untuk menyediakan seberapa ramai belia untuk menyertai pengembaraan di laut. Lingkungan umur yang dikuatkuasakan untuk penyertaan skim ini ialah di antara 16 hingga 26 tahun dan terbuka dengan belia dan beliawanis negara.

KLD TUNAS SAMUDERA sering menyertai perlumbaan kapal layar dan perbarisan antarabangsa anjuran kerajaan tempatan dan negara asing. Antaranya LIMA Langkawi, *Fleet Review* dan penyertaan terbesar KLD TUNAS SAMUDERA ialah menyertai *Tall Ship's Race Baltic 2007* di Denmark yang bermula 5 Julai 07 dan berakhir di Szczecin, Poland pada 7 Ogos 07. Perlumbaan anjuran Republik Poland ini juga akan menyaksikan penyertaan tentera laut dari seluruh negara. KLD TUNAS SAMUDERA seterusnya akan meneruskan cabaran terbesar untuk belayar mengelilingi dunia setamat perlumbaan itu nanti. Pelayaran yang akan berakhir pada bulan April 2008 ini telah diilhamkan oleh bekas Panglima Tentera Laut yang lepas, YBhg Tan Sri Ilyas bin Hj Din setelah mengambil kira penyertaan KLD TUNAS SAMUDERA di dalam perlumbaan *Tall Ship's Race Baltic 2007* yang meliputi laluan separuh daripada perjalanan mengelilingi dunia. Perlumbaan dan pelayaran ini akan disertai oleh 88 anggota berpengalaman yang mana akan dibahagikan kepada dua kumpulan. Kumpulan pertama akan belayar untuk misi perlumbaan dan kumpulan kedua akan mengambil alih pengendalian kapal untuk meneruskan pelayaran mengelilingi dunia. Penyertaan KLD TUNAS SAMUDERA di dalam kedua-dua acara ini sedikit sebanyak dapat menaikkan imej negara di mata dunia, di samping menyemat rasa kebanggaan dan semangat Malaysia Boleh dikalangan warga Malaysia amnya dan TLDM khasnya. Semoga kehebatan KLD TUNAS SAMUDERA di dalam acara ini nanti akan melakar satu lagi sejarah baru TLDM di dalam ATM sebagai kapal layar pertama milik TLDM yang mengelilingi dunia. Syabas diucapkan. S



THE TEAM NAVY





"OOW Sir, fix at 1800 we are 1.5 cable stbd of track, suggest to steer 178 to regain base course 180..."

Bait-bait kata di atas begitu sinonim dengan wira-wira TLDM dari kepakaran RDP. Ini merupakan pemangkin dan tanggungjawab yang besar untuk memastikan 'rumah' di lautan selamat dalam pelayaran pergi dan balik.



Radar Plotter **MATA ARMADA TLDM**

Oleh : **LK RDP(HAC) Mohammad Khan bin Mohd Newaz**
KD PELANDOK
Foto : **PR MPL**

Pendahuluan

Sejarah telah membuktikan dengan kelahiran Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan kini telah menjangkau usia 73 tahun, berbekalkan slogan "Sedia Berkorban" telah mengharungi pelbagai onak dan duri, suka duka dalam tempoh perkhidmatannya. Begitu jua halnya dalam bidang navigasi. Pelayaran Vasco da Gamma, Leonardo da Vinci, Ibnu Sina dan tokoh-tokoh ilmu pelayaran memang tidak dapat di sangkal lagi. Hanya dengan pengembaraan pelayaran telah menemukan dunia baru pada abad ke 14. Tapi adakah kita pernah terfikir bagaimana ini semua boleh berlaku?

Bagaimana tokoh-tokoh pelayaran boleh menemui tanah besar yang dipisahkan dengan lautan yang tidak disangka dalam pemikiran kita. Kita harus yakin bahawa dengan adanya ilmu navigasi boleh menghubungkan antara benua lain. Oleh yang demikian, TLDM telah mengorak langkah yang jitu dan efektif bagi menaik taraf dalam bidang navigasi untuk mempertahankan kedaulatan maritim yang telah dipertanggungjawabkan di bahu wira TLDM. Ianya secara langsung menjadikan bidang RDP sebagai satu bidang yang sangat penting dalam TLDM untuk mengharungi era globalisasi.

Radar Plotter (RDP)

Rajin dan pintar, *relax don't panic*, ramah dan penyabar serta pelbagai lagi ungkapan yang diberikan kepada anggota yang berkepakaran RDP tetap tabah dalam mengharungi kerjaya yang amat unik, dan memberi pelbagai ilmu yang tidak terfikir di luar sana. Asasnya adalah mengikut intipati bekas-bekas Panglima TLDM. Panglima TLDM yang baru pula, mengharapkan setiap warga TLDM mempunyai tanggungjawab yang khusus dalam menyumbang tenaga supaya Kapal TLDM sentiasa selamat sama ada di pelabuhan atau di samudera. Atas

dasar inilah anggota RDP yang bertugas semasa pelayaran mempunyai tanggungjawab yang besar malah sentiasa berdepan dengan perubahan cuaca yang tidak menentu. Namun sebagai Mata Armada itu semua bukan halangan dan rintangan. Jika kita selami kepakaran RDP atau tred kerjaya ini, ianya tidak asing lagi dalam organisasi TLDM. Jika dikapal kepakaran ini tiada, ibarat kapal belayar membelah Samudera tidak bermata. Kepakaran RDP merupakan penagak utama 'Rumah' di lautan dan ianya seiring dengan TLDM ke arah mencapai wawasan, misi dan visi TLDM.

Anjakan paradigma telah memberi impak yang besar terhadap kepakaran ini. Ianya tidak mahu ketinggalan di belakang dalam mengikuti perkembangan teknologi masa kini. Kita dapat melihat RDP telah setanding dengan Tentera laut Asing (RDP) sama ada menjalankan operasi dan latihan serta amanah negara semasa melaksanakan pelbagai latihan dalam negara yang sedia dan juga latihan yang besar di luar negara. RDP juga begitu gah sekali apabila menjadi tulang belakang di kapal.



"Buat track" merupakan salah satu tugas teras Radar Plotter

Tugas Dan Amanah Dilaksanakan

Tanpa mengira waktu dan ketika anggota RDP sentiasa di tugaskan di anjungan kapal untuk melaksanakan tugas-tugas panduarah. Walau ribut, badai, gelombang serta suasana yang gelap gelita kapal terombang ambing di pukul ombak anggota RDP tetap tabah melaksanakan tugas. Mereka melaksanakan tugas dengan sabar penuh keperitan dengan rasa mual perut hendak muntah, kepala yang pening kerana mabuk laut dan mereka tetap melaksanakan tugasnya demi keselamatan rakan-rakan seperjuangan lain yang sedang nyenyak tidor di ulit mimpi. Anggota RDP mempunyai 2 bidang iaitu:

- Bidang Navigasi di Anjungan Kapal.
- Bidang Peperangan (*Action Information Organisation Team* (AIO) di Pusat Informasi Tempur (*Combat Information Centre* (CIC))).

Bidang Navigasi yang dilakukan oleh anggota RDP yang mencabar seperti berikut :

- Mengambil *Fix*
- Buat *Track*
- Kemaskini *Ship Log's*
- Bacaan Barometer
- Radar *Watch Keeper*
- Sentiasa membuat laporan terkini kedudukan kapal kepada Pegawai Memerintah dan Pegawai Bertugas Anjungan (OOW)
- Kerja Carta (*Chart Work*)
- Membaca *Fix* semasa latihan laluan bebas periuk api
- Bacaan *Global Positioning System* (GPS) dan Echo Sonder
- Membuat pengiraan *Relative velocity* (RELVEL)
- Pengiraan *Zone Time*
- Pengiraan *Sunset & Sunrise*
- Chart Correction*

Manakala Bidang Peperangan pula seperti berikut:

- Plotting Local Operation Plot* (LOP), *General Operation Plot* (GOP), *Action Plot*
- Voice Procedure*
- Surface Raid Reporting*
- Air Raid Reporting*
- Helicopter Approach Controller* (HAC)
- Limited Line of Submerged Approach* (LLSUA)
- Electronic Warfare* (EW)
- Logging*
- Jamming*
- Anti Submarine Warfare* (ASW) *Voice Procedure*

Tugas-tugas ini hanya boleh dipikul oleh anggota RDP dan Pegawai dari Cawangan Kelas sahaja kerana mereka memiliki kepakaran yang sama. Oleh yang demikian mereka merupakan pelopor kepada bidang pandu arah dalam TLDM yang tidak boleh dinafikan kepentingannya.

Pendidikan Dan Latihan

"Biarlah melentur buluh dari rebungunya, jangan nantikan sudah terhantuk baru terngadah"..

Setiap kehidupan kita mestilah melalui proses pendidikan terlebih dahulu. Jika ianya dihalusi dan diselami dengan teliti secara tidak langsung akan melahirkan modal insan yang cemerlang untuk memikul amanah dan tanggungjawab yang diberikan kepada kita. Sekolah Navigasi merupakan sebuah sekolah yang tidak asing lagi dalam perkhidmatan TLDM dan ia dibawah naungan Fakulti Kelas KD PELANDOK. Masyhur dengan namanya, sekolah ini telah diberi tanggungjawab yang besar untuk mengendalikan Kursus Navigasi bagi anggota Lain-lain Pangkat (LLP) dan agensi lain termasuk Tentera

Laut Asing bagi tujuan melahirkan anggota yang trampil serta dapat memenuhi kehendak pelanggan sepenuhnya sesuai dengan wawasan, misi dan visi TLDM. Berpandukan sejarah sekolah ini ditubuhkan pada tahun 1979 di KD PELANDOK, Cawangan Woodlands, Singapura bertujuan untuk melahirkan anggota berkepakaran Radar Plotter (RDP). Sekolah ini telah dipindahkan ke Pangkalan TLDM Lumut pada 1980 seiring dengan penerimaan pangkalan dan pusat latihan yang baru. KD PELANDOK dan Sekolah Navigasi telah beroperasi dengan gemilangnya selama lebih kurang 28 tahun dengan misi dan visi yang mantap bagi menyumbang tenaga khidmat kepada kemajuan Tentera Laut Diraja Malaysia.

Berdasarkan kepada organisasi yang dibentuk oleh Markas Tentera Laut, kini Sekolah Navigasi diterajui oleh Lt Kdr Shaiful Fazli bin Ismail TLDM N/402666 dan dibantu oleh Lt Sarju bin Sopikan TLDM N/404040 sebagai Pegawai Jurulatih Navigasi. Seramai 8 orang jurulatih, terdiri dari 2 Pegawai Waren, 4 Bintara dan 2 Laskar Kanan telah ditugaskan membimbing semua pelatih yang menghadiri kursus di sekolah ini. Jurulatih tersebut telah banyak menyumbang ilmu dan kepakaran kepada pelatih. Mereka ini merupakan nadi utama dalam pembentukan sumber manusia yang diperlukan oleh TLDM dan pelanggan lain. Jurulatih yang berkhidmat di sekolah masa kini seperti berikut:

- 815156 P/PW 1 RDP(I)(H) Basri bin Asri.
- 815076 PW II RDP(I)(H) Mohd Razep bin Mohd Nor.
- 815085 BK RDP(I)(H) Zulkifli bin Mohammad.
- 817633 BK RDP(I) Ahmad Fauzi bin Ramli.
- 817994 BK RDP(I) Abdul Malek bin Amat Salleh.
- 817952 BK RDP(I) Sobri bin Saidun.
- 821897 LK RDP(H) Mohammad Khan bin Mohd Newaz.
- 821154 LK RDP Jusiny ak Siyu

Bersandarkan kepada penekanan misi untuk menghasilkan LLP dalam cawangan RDP yang trampil serta cekap melalui pembangunan kemahiran dan sikap yang diterima pakai oleh semua pelanggan. Usaha yang berterusan tidak mengira penat lelah telah dilaksanakan berdasarkan kepada objektif mampan yang telah dibina iaitu:

a. Melatih anggota supaya berpengetahuan dalam perkara asas Navigasi Pantai (*coastal Navigation*) seterusnya berkebolehan melaksanakan tugas di samping peka dalam aspek pandu arah dan dapat membantu Pegawai Bertugas Anjungan.

b. Memahami bahasa Inggeris bagi penggunaan khusus untuk kepakaran Radar Plotter turut diterapkan. Keutamaan agar memahami bahasa ini diberikan supaya pelatih lebih mahir serta berkemampuan untuk menjalankan tugas, menyelia bilik operasi dan anjungan.

c. Meningkatkan pengetahuan dan ketrampilan secukupnya kepada anggota agar mampu melaksanakan tugas sebagai Jurulatih Asas dan Lanjutan serta mampu mengharungi cabaran dalam pembentukan era pendidikan yang efisien, pembelajaran bersistematik, berideologi dan berwawasan.

d. Menghasilkan jurulatih yang proaktif, pakar, berilmu, mempunyai kemahiran sampingan dalam bidang Teknologi Maklumat (IT), semangat juang yang tinggi dan sentiasa menjaga rupacara yang kemas agar menjadi aset kepada perkhidmatan dan contoh kepada pelatih bagi merealisasikan pembentukan modal insan yang memenuhi kriteria yang diperlukan oleh perkhidmatan dan pelanggan lain.



Seiring dengan itu bagi mengukuhkan lagi objektif tersebut kajian, penyelidikan dan kaedah canggih yang berkesan dalam melaksanakan tugas turut diterapkan. Ia banyak menjurus kepada budaya kualiti yang disarankan oleh pucuk pimpinan tertinggi supaya hasil dan modal insan yang dilahirkan menepati tahap diperlukan. Kaedah dan proses kualiti tersebut dilaksanakan melalui penerapan Sitem Kualiti Menyeluruh (TQM) dan pelaksanaan MS ISO 9001:2000 oleh KD PELANDOK. Pelaksanaan kursus juga lebih berkesan dengan bantuan simulator *Computer Base*



Seorang anggota RDP tekun melaksanakan tugas di Anjungan Kapal

Training (CBT) yang terdapat di sekolah ini. Seajar dengan fungsi asal institusi pendidikan, sekolah ini dipertanggungjawabkan untuk mengendalikan kursus asas, lanjutan dan kursus asas am seperti berikut:

- Kursus Kepakaran Navigasi (Pegawai).
- Plot Radar Instructor (PRI).
- Bintara Muda RDP.
- Kursus Bintara Muda Penyelam.
- Kursus Torpedo Anti Submarine Instructor (TASI).
- Kursus Bintara Muda RGR dan Juragan.
- Kursus Laskar Kanan RDP.
- Kursus LK I RDP.
- Kursus LK II RDP.

Program kursus yang dirancang telah diisi dengan matapelajaran yang berkaitan dengan panduarah yang diperlukan. Antara matapelajaran yang diajar seperti berikut:

- Coastal Navigation.
- Relative Velocity (RELVEL).
- Voice Procedure dan Raid Reporting.
- Local Operation Plot (LOP).
- General Operation Plot (GOP).
- Action Plot.
- Action Information Organisation (AIO).
- Rules of the Road (ROR).
- General Navigation
- General Radar

Semua kursus telah dirancang dalam Rancangan Latihan (RALA) setiap tahun. Jangkamasa kursus tertakluk pada kelas tertentu iaitu LKII RDP dan LK I RDP mengambil masa 5 bulan, Kursus Laskar Kanan RDP dan Bintara Muda RDP 4 bulan termasuk Modul Umum Luar. Kursus Jurulatih (PRI) mengambil masa 7 bulan. Modul umum Bahagian Navigasi Am bagi Kursus Torpedo Anti Submarine Instructor (TASI) selama seminggu, Bintara Muda Penyelam, Bintara Muda RGR dan Juragan mengambil masa 2 minggu. Berdasarkan piawaian MS

ISO 9001 : 2000 penambahbaikan yang berterusan, Sekolah Navigasi telah mengorak langkah dengan mewujudkan Kursus Kepakaran Navigasi(KKN) mulai tahun 2001 yang lalu. Ia merupakan satu pakej kursus yang melibatkan Pegawai Muda TLDM berpangkat Letenan Madya dan Letenan bagi melengkapkan diri mereka



dengan ilmu asas Navigasi untuk menghadapi cabaran tugas Pegawai Panduarah di Armada dan persiapan Kursus Lanjutan Luar Negara. Kini Sekolah Navigasi telah melaksanakan 5 siri kursus KKN dengan jayanya dan menepati kehendak yang dihasratkan. Bagi mempertingkatkan tahap pengetahuan dan kemahiran dalam bidang panduarah lawatan sambil belajar ke tempat dan institusi berkaitan telah diatur. Di antara tempat yang dilawati ialah Depot Carta bagi penuntut kursus LK II dan LK I untuk mempelajari bagaimana carta dibuat pembedahan dan juga bagaimana cara untuk memperolehi carta bagi sesebuah organisasi. Pendedahan ini perlu bagi pelatih sebagai persiapan untuk berkhidmat di kapal kelak. Membuat lawatan ke kapal perang TLDM yang mempunyai sistem terkini bagi penuntut Kursus Laskar Kanan untuk mempelajari dan memahami sistem peperangan moden yang terdapat di Armada. Melaksanakan lawatan sambil belajar ke PUSTAKMAR disamping melaksanakan Latihan Olah Perang sebagai praktikal kepada tugas yang akan dilakukan di kapal kelak untuk memahirkan mereka dalam aspek peperangan maritim dalam TLDM. WASPADA (Penyelaku Anjungan KD PELANDOK) juga merupakan simulator yang perlu dilawati bagi mendidik mereka dalam aspek navigasi terang dan gelap seajar dengan keadaan realiti yang bakal dilalui nanti.

Kini Dan Masa Depan

Anggota RDP sentiasa dalam keadaan bersipa sedia sama ada di tugaskan di kapal mahupun di Pangkalan TLDM. Perubahan demi perubahan telah berlaku, namun apa yang penting bagi anggota RDP ialah bagaimana merialisasikan kehendak ATM amnya dan TLDM khasnya. Perlu diingat bahawa budaya kini dan masa hadapan serta peranan bertanggungjawab dan tugas sentiasa menjadi teras kepada indentiti sesebuah bangsa, negara dan organisasi. Perancangan yang baik lagi teliti menjadi pewaris kejayaan di dalam TLDM. Anggota RDP juga harus memanfaatkan apa yang ada pada masa kini dan akan datang. Kini TLDM telah berada di ambang *World Class Navy*, dan mereka harus peka bahawa kekurangan pada masa kini akan berubah pada masa akan datang adalah kemahiran dan pemikiran warganya.

Anjakan paradigma harus dilakukan agar sentiasa mendapat komitmen dari semua pihak khususnya anggota RDP bagi menghadapi era akan datang. Manfaatkan apa yang TLDM telah sumbangkan pada masa kini untuk kejayaan pada masa akan datang demi pembangunan insan yang kita harapkan.

Penutup

Oleh itu, wahai rakan-rakan seperjuangan sekalian janganlah sekali-kali kita lupa akan tugas dan tanggungjawab yang telah diberikan pada kita. Selama 73 tahun TLDM telah menabur bakti demi mempertahankan kedaulatan perairan negara, dari era sebelum merdeka sehingga negara menikmati Kemerdekaan pada masa sekarang. Bawalah TLDM kearah yang lebih Cemerlang, Gemilang dan Tebilang. Sekalung budi buat anggota dari Cawangan RDP. "Sedia Berkorban" **S**



Buku demi negara disampaikan oleh YBhg PTL, Laksamana Dato' Seri Ramli Mohamed Ali kepada Kol Hartind Asrin Wakil Delegasi TNI



Kol Hartind Asrin dan YBhg Laksamana Dato' Seri Ramli Mohamed Ali Bertukar Cenderahati



Perbincangan dua hala mengeratkan lagi hubungan diplomatik antara Malaysia dan Indonesia

Kunjungan Tetamu Kehormat



YBhg Timbalan PTL, Laksdya Datuk Abdul Aziz bin Haji Jaafar mengadakan perbincangan dengan Rear Admiral Joseph P. Mulloy USN



Bertukar Cenderahati selepas tamat perbincangan



Hubungan antara Malaysia dan Amerika sentiasa diperkukuhkan dengan kerjasama ketenteraan yang berterusan



Seraut wajah tuanya berkerut setiap kali diajukan persoalan, seakan menyimpan banyak memori hitam namun masih ceria dan tenang berbicara tentang masa lampau, seakan asam garam dan perjalanan kehidupannya dulu begitu mudah dilaluinya. Able Seaman Ramli bin Mohd Said 83, adalah salah seorang dari ribuan bekas tentera laut di zaman British masih bersemangat menceritakan segala detik hitam dalam hidupnya ketika menganggotai Pasukan *Royal Malay Navy* kira-kira 65 tahun yang lalu. Ketika ditemubual di kediamannya di No 39 Taman Seri Watan, Ampang Selangor baru-baru ini, beliau masih tidak dapat melupakan peristiwa pahit terlibat dalam peperangan Dunia Kedua pada tahun 1941.



Able Seaman Ramli Mohd Said ketika ditemubual di kediamannya di Ampang baru-baru ini

Perjuangan Semalam....

Able Seaman Ramli Mohd Said

Oleh : **BK PBS (I) SABARUDIN BIN ABAS**

Foto : **Sidang Redaksi**

Meyingkan kembali pembabitannya dalam pasukan *Royal Malay Navy*, anak jati Perak yang berasal dari Kg Sayong, Kuala Kangsar ini adalah di antara anggota yang terawal menyertai pasukan sebaik tamat belajar di Junior Cambridge, Clifford School, Kuala Kangsar pada Jun 1941. Dengan semangat patriotik yang menebal dalam jiwanya disamping slogan *Joint Navy See The World*, beliau tidak berlelah untuk hadirkan diri dalam temuduga di pejabat kerajaan Inggeris berdekatan. Lagipun, arwah ayahnya turut mendesak pakcik masuk Navy, dok kat kampung nanti kena tangkap dengan askar jepun, ujarnya. Pengambilan rekrut pada masa tu sangat mudah, asalkan lulus Junior Cambridge dan dapat bertutur Inggeris, itu dah mencukupi, tambahnya lagi.

Beliau diterima dan mendapat warden keretapi ke Johor untuk menjalani latihan di HMS PELANDOK, Sembawang Singapura. Dalam masa yang singkat menjalani latihan, antara yang diajar merangkumi latihan kawat,

pelajaran tali-temali, pengendalian meriam, bacaan kod morse dan sebagainya. Betapa bangganya pakcik ketika itu, dapat menyertai Pasukan *Royal Malay Navy* yang rata-ratanya disertai ramai belia Melayu, katanya. Kebanyakannya dapat menyesuaikan diri dan mempunyai semangat patriotik yang tinggi. Walaupun latihan teruk dan lasak tapi sikap gigih, tekad dan mempunyai keazaman kuat yang ada dalam diri setiap anggota masa tu, menyemarakkan lagi semangat pakcik untuk berbakti dan menabur jasa pada tanah air, mempertahankan tanah melayu dari di jajah bangsa asing, katanya lagi.

Setelah tamat latihan yang tak sampai 4 bulan itu, beliau terus berkhidmat di unit HMS PELANDOK yang berpangkalan di Singapura sebelum ditempatkan di kapal HMS DRAGON FLY, sebuah kapal *Mine Sweeper*, dibawah pemerintahan Armada British. Perang Dunia Kedua bermula pada tahun 1941, masa tu, umur pakcik baru 17 tahun, di usia semuda itu dah



Pingat Pacific Star dan War Medal dikurniakan oleh Kerajaan British atas jasa beliau dalam perkhidmatan *Royal Malay Navy*

mula kenal erti perang. Apatahnya, dalam masa terdekat itu, tentera Jepun dah mula menyerang Malaya dan Singapura. Masih ingat, di kala itu pakcik bersama anggota *Royal Malay Navy* seramai 300 orang termasuk tentera Inggeris yang berpangkalan di Sembawang, Singapura diserang tentera kamikaze, ujarnya lagi. Pasukan kami sedaya upaya mempertahankan pangkalan, namun tidak mampu dan diarahkan berlindung dari serangan mengila tentera



Jepun itu. Kami diserang dengan hebat. Peluru tentera Jepun datang dari setiap arah macam hujan yang memaksa mereka lari bertempiran mencari tempat berlindung. Ruang angkasa Pangkalan *Royal Malay Navy* di Sembawang dan HMS PELANDOK, Singapura berwajah suram dan kelam dihujani bom yang tiada henti oleh pesawat jepun menggambarkan betapa dasyatnya serangan askar dari negara matahari terbit itu. Meriam *Anti Aircraft* tak banyak ketika tu, memang tak mampu menangkis serangan yang bertali arus, ujan-nya. Akhirnya separuh dari kekuatan kami terpaksa berundur dengan menaiki kapal-kapal meninggalkan Singapura menuju ke Betawi, Colombo dan pulau-pulau yang berdekatan. Itu pun tidak semua selamat tiba ke destinasi yang dituju. Serangan yang dasyat itu telah memusnahkan keseluruhan *Naval Base* dan HMS PELANDOK dalam masa beberapa hari saja, ramai dikalangan kawan-kawan pakcik yang cedera dan terkorban, katanya lagi. Itulah antara pengalaman paling ngeri yang masih terpahat dihati Able Seaman Ramli Bin Mohd Said. Satu lagi peristiwa menyayat hati yang pakcik alami sewaktu bertugas di kapal HMS DRAGON FLY di mana ketika kapal ditugaskan untuk menyelamatkan mangsa perang di perairan Laut China Selatan berdekatan Kuantan. Sedih hati pakcik melihat ramai anggota yang terkorban, mayat terapong

awam Tanah Melayu untuk berlindung di Pulau Bangka dari serangan Jepun. Kami ramai-ramai dikurung dalam sebuah panggung selama 3 bulan lebih. Sepanjang masa dalam tahanan ini kami disiksa, dipaksa bekerja berat (kuli Jepun) dan mengalami berbagai kesukaran hidup. Hendak makan pun susah dan ada kalanya tak jumpa nasi sehari-hari. Namun, setelah beberapa lama melalui kepayahan itu, pakcik



keperihatinan pihak British, kebanyakan bekas anggota pasukan *Royal Malay Navy* termasuk pakcik telah diberi imbuhan berbentuk elaun waktu perang, Walaupun tak seberapa jika nak dibandingkan dengan keringat yang telah dicurahkan, namun sedikit sebanyak jasa dan bakti kami telah dihargai, ujan-nya lagi. Lebih berbangga dari itu, Pakcik juga di antara yang telah dikurniakan pingat *Pacific Star* dan *War Medal* pada tahun 1950 oleh kerajaan British.

Selepas tu, Pakcik memasuki pasukan Polis dan dihantar bertugas di Kuala Lipis, setelah mendapat tawaran kerajaan British. Tak lama kemudian, pakcik di serapkan ke unit Polis Marin yang berpangkalan di Hutan Melintang Perak. Masa tu, teruk juga sebab terpaksa menghadapi ancaman komunis. Karier pakcik menemui titik noktah setelah bersara dari perkhidmatan polis pada tahun 1979, ujan-nya yang telah bergelar Haji setelah menunaikannya 1980. Hasil dari perkongsian hidup dengan Hajah Nik Zaidah bt Mohd Arof, pakcik telah dikurniakan anak seramai 6 orang. Empat orang daripadanya kini mewarisi darah keperwiraan pakcik sendiri, masuk tentera (dua pegawai TUDM, dua pegawai TDM), ujan-nya lagi. Beliau begitu teruja melihat perkembangan Angkatan Tentera Malaysia sekarang yang mana banyak perubahan dan kemajuan dari pelbagai aspek antaranya dari segi, kemudahan asas, peralatan

“Kami ramai-ramai dikurung dalam sebuah panggung selama 3 bulan lebih. Sepanjang masa dalam tahanan ini kami disiksa, dipaksa bekerja berat (kuli jepun) dan mengalami berbagai kesukaran hidup. Hendak makan pun susah dan ada kalanya tak jumpa

di sana-sini, bagaikan ikan yang telah dibom lagaknya, katanya penuh hiba. Suasana kelam menyelubungi tempat kejadian dan disepanjang muara Kuala Pahang bermandikan darah akibat serangan pesawat tentera Jepun yang tidak putus-putus selama beberapa hari. Lebih menyedihkan setengah mayat dalam keadaan ngeri, putus kaki, tangan dan badan diangkat satu persatu dinaikkan ke kapal untuk dihantar balik ke Singapura. Beberapa hari dan malam tidak ada selera nak makan, pakcik dan kawan-kawan tak tahan dengan bau hanyir mayat sewaktu bertugas memungkah dan menaikkan puluan mayat ke atas geladak kapal. Masa tu, banyak kapal telah dibom bertubi-tubi dan karam, antaranya HMS PRINCE OF WALES dan HMS REPULSE. Hanya sedikit mangsa yang ditemui dibawa balik ke Singapura, manakala yang selainnya karam bersama kapal, ujan-nya lagi. Beliau juga pernah ditawan oleh tentera Jepun di Pulau Bangka sewaktu kapal HMS DRAGON FLY meninggalkan Singapura, tapi pihak Jepun tahu lebih awal dan akhirnya kami ditangkap. Kapal masa tu, telah ditugaskan untuk mengangkut orang

dan beberapa tahanan berjaya melepaskan diri dengan bantuan penduduk tempatan dengan menaiki tongkang lari balik ke Singapura, ceritanya lagi. Di atas keperitan hidup yang masih berpanjangan di Singapura, sedikit sebanyak memaksa pakcik dan rakan-rakan mengambil keputusan untuk balik ke kampung masing-masing. Masa tu, semua takut ditangkap oleh askar Jepun, ramai yang mati kena pancung kepala, apatah lagi yang ditangkap itu bekas tentera. Pakcik balik kampung tapi takut nak naik keretapi, askar Jepun ramai. Pakcik sanggup jalan kaki berpuluh batu dari Johor ke Kluang dan tumpang lori ikan dan sayur untuk sampai ke Perak, semata-mata nak elak jumpa tentera kamikaze itu. Pakcik sembunyi kat kampung sehingga perang tamat dan pihak British menguasai semula Tanah Melayu pada tahun 1945, ceritanya penuh semangat. Pada tahun yang sama, beliau dan rakan-rakan telah dipanggil balik bertugas oleh pihak British dan dihantar berkhidmat di beberapa unit antaranya HMS LABURNUM dan beberapa kapal jenis *Landing Craft* sehinggalah tahun 1947 di mana *Royal Malay Navy* telah dibubarkan. Di atas

perang dan keanggotaan selaras dengan perubahan masa di zaman global ini. Jangan takut masuk tentera kerana ianya satu tugas mulia, tanamkan sikap cintakan negara dan bersemangat patriotik, musuh kita ada dimana-mana dan jangan biarkan tanah air kita tergadai lagi ditangan penjajah, pesanan beliau pada generasi muda mengakhiri perbualan. **S**



Beliau begitu teruja melihat perkembangan TLDM dan ATM yang maju dan pesat di zaman global

"Patah tumbuh hilang berganti, namun yang hilang takkan sama dengan penggantinya. Walau bagaimanapun, setiap individu mempunyai keistimewaan masing-masing....."

Begitulah inisiatif yang diambil oleh bekas Panglima Tentera Laut (PTL) Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM), Laksamana Tan Sri Ilyas bin Hj Din mencetuskan idea mewujudkan sebuah galeri khusus untuk bekas para pemimpin tertinggi TLDM.

"Kewujudan galeri seumpama untuk menyimpan khazanah lama yang dimiliki setiap bekas PTL TLDM untuk dikongsi bersama dengan generasi muda yang mungkin tidak berkesempatan melalui bersama panglima tersebut. Namun ia tidak disasarkan kepada generasi muda TLDM atau Angkatan Tentera Malaysia (ATM) sahaja bahkan juga untuk tatapan masyarakat umum," kata Ilyas di dalam perasmian Galeri Panglima Tentera 10 November lalu.

Menurutnya lagi, pengwujudan galeri PTL adalah sebagai permulaan yang boleh



Gambar mantan PTL diabadikan dalam frame dipamerkan di Galeri PTL



Tan Sri Ilyas bin Hj Din menyerahkan cenderahati kepada Dato' Ramli Mohd Noor

Galeri PTL Impian Jadi Realiti

Oleh : Lt Kdr Karimah bte Awi TLDM
Foto : PR MPL

dianggap sebagai mini muzium khususnya untuk manfaat *Navy People*. "Galeri ini sebagai permulaan sahaja, dan saya berharap galeri lebih besar yang mungkin boleh dipanggil muzium diwujudkan di lokasi lebih menarik dan strategik seperti di Manjung atau Sitiawan. Ini memandangkan lokasi yang ada kini mungkin menyukarkan orang ramai untuk masuk ke pangkalan kerana perlu mengikuti prosedur keselamatan yang telah ditetapkan." kata Ilyas ketika di dalam sidang media sempena majlis tersebut.

Pengwujudan Galeri PTL yang terletak bersebelahan Dewan M Sidek Shabudin, KD PELANDOK, Pangkalan TLDM, Lumut begitu penting kerana ia juga boleh dianggap sebagai gedung ilmiah, pusat pameran dan pusat dokumentasi sejarah pucuk pimpinan TLDM. Galeri cetusan ilham Tan Sri Ilyas yang merupakan PTL ke-9 dilihat akan membawa faedah *spin off* terhadap pembangunan

siyasah insan dan rangsangan ilmiah sejarah kepimpinan TLDM.

Walaupun pengwujudan galeri tersebut tidak membawa pulangan hasil wang ringgit namun nilai intristik dan nilai sejarah warisan kepimpinan TLDM yang bakal diperolehi adalah melangkaui nilai wang ringgit itu sendiri. Penempatan galeri tersebut di KD PELANDOK amat strategik memandangkan ia merupakan 'kawasan latihan' bagi *Navy People* dari semua lapisan pangkat dan peringkat anggota.

Sesuai dengan namanya, galeri itu membawa konsep mengenali dan mengimbuai sejarah kepimpinan TLDM bermula dari awal penubuhannya dengan memberi tumpuan kepada para pemimpin dari kalangan anak watan. Konsep itu akan membawa para pengunjung menjelajah dimensi kepimpinan TLDM dengan mengenali setiap bekas PTL dan mengimbuai pembangunan serta kemajuan yang terlaksana di era kepimpinan mereka. Galeri PTL itu juga dilengkapi dengan keupayaan dalam memberi perkhidmatan

unggul sebagai institusi pemberi maklumat kepada masyarakat yang memerlukan ilmu, pendidikan untuk tujuan pembelajaran dan penyelidikan dalam sejarah kepimpinan TLDM melalui jalinan interaktif seiring dengan keperluan terkini dan perubahan masa.

Kebanyakan bahan pameran yang terdapat di dalam galeri tersebut merangkumi bahan koleksi peribadi pemimpin yang bukan sahaja dikhaskan untuk PTL malah ia juga merupakan koleksi dari kalangan para Laksamana sepanjang perkhidmatan mereka. Galeri PTL dibuka kepada *Navy People* dan masyarakat umum setiap hari (Isnin - Ahad) 10 pagi hingga 4.30 petang (1 tengahari - 2 petang rehat) manakala Jumaat (12.45 tengahari hingga 2.45 petang rehat). Tanggal 10 November baru-baru ini menyaksikan perasmian Galeri Panglima Tentera Laut telah berlangsung bersebelahan Dewan M Sidek Shabudin KD PELANDOK, Pangkalan TLDM Lumut. **S**



Silat Cekak TLDM

Oleh : **Kdr Roslizan bin Ahmad Mahidin TLDM**
(Pegawai Jurutera Marin KD LEKIU)
Foto : **PR MPL**

Sejak aktiviti Seni Silat Cekak Malaysia diwujudkan di dalam TLDM bermula di atas KD RAHMAT pada 25 Oktober 1996, ilmu beladiri yang berasal dari negeri Kedah Darul Aman ini terus mendapat sambutan yang menggalakkan dari warga TLDM. Sehingga kini tidak kurang 1000 orang yang terdiri dari kalangan Pegawai dan anggota LLP yang telah dan sedang mempelajari silat ini. Terkini, atas usaha dan inisiatif Pegawai Memerintah KD Sultan Idris 1, seramai 56 orang Pegawai Kedet Pengambilan ke 56 sedang mempelajari silat ini bermula pada 12 Oktober 2006 dan dijangka menamatkan pembelajarannya pada bulan Jun 2007. Hasil perkembangan yang positif, pihak atasan TLDM melalui Badan Kesenian TLDM (BAKES) telah memperakukan aktiviti Silat Cekak ini dengan memberi kebenaran kepada ahli-ahlinya untuk menubuhkan Kelab Silat Cekak TLDM (KSC TLDM) di Jalan Tanjung Pangkalan TLDM Lumut Perak dengan mengambil alih serta membangunkan bangunan Navy Shoppe. Aktiviti KSC TLDM tidak hanya tertumpu kepada bidang silat atau ilmu beladiri semata-mata, tetapi aktiviti ini menjangkau sehingga kepada pembentukan jatidiri insan melalui penerapan nilai-nilai murni seperti sentiasa bercakap benar, memegang amanah, tidak memungkir janji, berani kerana benar, taat kepada pemimpin, taat kepada ibu dan bapa, mempunyai jiwa yang teguh berdasarkan kepada pegangan agama yang tulin dan lain-lain nilai yang positif dan amat bersesuaian dengan fitrah kejadian manusia. Ahli-ahli KSC TLDM yang terdiri dari Pegawai dan Lain-Lain Pangkat merupakan mereka yang aktif dan menjadi tulang belakang terhadap perkembangan Seni Silat Cekak di Negeri Perak malah sehingga ke peringkat kebangsaan. Dengan barisan Ahli Jawatankuasa yang mantap serta sokongan yang padu dari Pegawai-Pegawai Kanan TLDM, KSC TLDM berjaya melaksanakan beberapa aktiviti yang besar dengan melibatkan ahli-ahli dikalangan orang awam seperti Majlis Sambutan Aidilfitri pada 18 Nov 2006 yang dirasmikan oleh Pengerusi BAKES, Kept Roslan bin Idris TLDM, Majlis Penghargaan di Yatch Club Pangkalan TLDM pada 5 Ogos 2006 yang dirasmikan oleh Dato' Hj Hassan Nawawi bin Abd Rahman selaku Dato' Bandar Ipoh dan juga ahli Silat Cekak Negeri Perak. Selain dari menganjurkan program-program yang berbentuk kemasyarakatan, pasukan Silat Cekak TLDM juga telah menjadi juara di dalam Pertandingan Wajadiri Peringkat Negeri Perak yang telah diadakan di Universiti Teknologi Petronas tahun 2005 dan seterusnya mewakili Negeri Perak ke Pertandingan Wajadiri Peringkat Kebangsaan yang diadakan di Johor Bahru pada 23 Sep 2005. Beberapa orang ahli KSC TLDM juga telah terpilih mewakili Negeri Perak dan menjadi juara di dalam Pertandingan Sukan Persilatan di Negeri Johor pada 12 Mac 2006. Bagi memantapkan disiplin dan jatidiri setiap ahlinya, beberapa program motivasi, membina jatidiri insan, tahlil dan ceramah agama telah diadakan dari semasa ke semasa. **S**

Ahli Jawatankuasa KSC TLDM bagi sesi 2006/2008 adalah:

Penasihat 1	: Kept Hj Muhammad Imran bin Abd Hamid TLDM (Pegawai Memerintah KD PELANDOK)
Penasihat 2	: Kdr Syed Ahmad Hilmi bin Syed Abdullah TLDM (Ketua Fakulti Bekalan dan Pengurusan KD PELANDOK)
Pengerusi	: Kdr Roslizan bin Ahmad Mahidin TLDM (Pegawai Jurutera Marin KD LEKIU)
Timbalan Pengerusi	: PW 2 TLS Abu Bakar bin Abu Kassim (SKN 501)
Setiasaha	: Lt Mohamed Noorjais bin Abdul Jalil TLDM (KD DUYUNG)
Penolong Setiasaha	: Lt Muda Zulhisham bin Mustafa TUDM (KD RAJAWALI)
Bendahari	: BM TMM Mohd Najib bin Mohd Fadzil (KD GANAS)
Penolong Bendahari	: Lt Mohamad Nizam bin Wan Chik TLDM (KD DUYUNG)
Biro Kejurulatihan	: BK JGN Norhart bin Mohd Top (96 HAT Lumut)
Biro Penerangan dan Demonstrasi	: LK PLM Mohd Zahidy bin Ramli (KD MAHAMIRU) : APP TMEP Mohd Azlan Bin Mohd Ali (KD PELANDOK)
Biro Sajian & Penginapan	: LK 1 TLS Tahiruddin bin Tan (DSK TLDM)
Biro Protokol	: Lt Mohd Nasir bin Man TLDM (HQ FOC RMN)
Biro Alam Sekitar	: BK TMK Abd Razak bin Che Mek (MPL TLDM)
Biro Harta Benda	: BM TMEP Mohamad Syahrin Bin Rosmin (KD LEKIU)



Pusat Kepimpinan TLDM *Sasar Peningkatan Pembangunan Modal Insan Bernilai Tinggi*

Oleh : Aboy PR FOC RMN
Foto : PR FOC



Pusat kepimpinan TLDM mampu melahirkan pemimpin yang berwibawa

PERUTUSAN Ulung Panglima Tentera Laut, Laksamana Datuk Ramlan Mohamed Ali jelas menggambarkan keinginan beliau yang benar-benar telus melihat aspek kepimpinan di seluruh peringkat TLDM dapat dibangunkan dan kepingangannya segera ditangani. Bertitik-tolak daripada itu, Pusat Kepimpinan TLDM yang mula beroperasi lebih dua tahun lalu mula memasang strategi untuk merealisasikan hasrat tersebut.

Pusat itu telah dilancarkan secara rasmi pada 22 Februari 2005 oleh Panglima Tentera Laut ketika itu, Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar Hj Mohd Nor. Menurut Pengarahnya Komander Jamel Abdul Rahman TLDM, walaupun telah ditubuhkan menjangkau dua tahun, pusat itu masih jauh ketinggalan daripada objektif dan misi yang ditetapkan di awal penubuhannya. "Akhir-akhir ini pucuk pimpinan TLDM telah memberi perhatian yang lebih untuk melihat pusat ini berkembang selaras dengan pembangunan semasa. Menurutny, salah satu aspek yang

ditekankan Panglima Tentera Laut ialah masalah kelemahan dan kepingangan kepimpinan yang dihadapi TLDM ketika ini. Pemimpin yang dimaksudkan terdiri dari kalangan anggota dan pegawai TLDM yang berpangkat Laskar Kanan hinggalah ke Pegawai atasan. "Saya mengambil kata-kata Panglima Tentera Laut itu sebagai satu cabaran untuk meneruskan usaha ini," tambahnya. "Kesungguhan beliau untuk melihat pembangunan aspek kepimpinan seluruh peringkat TLDM telah diterjemahkan dengan menjawatkan seramai enam orang pegawai bagi menggerakkan pusat ini dalam tempoh terdekat.

Menurutnya lagi, sebagai Pengarah Pusat Kepimpinan yang baru, beliau merasakan tugas dan amanah serta tanggungjawab yang diberi amat tinggi dan beliau akan berusaha sedaya-upaya untuk membangunkan pusat itu. Pusat ini telah mula beroperasi berasingan dari unit asalnya KD PELANDOK, yang mana pada sebelumnya ia merupakan Sekolah Pengurusan dan Kepimpinan di bawah Fakulti Bekalan. Bagi menggerakkan pusat itu katanya, beberapa perkara telah digariskan dan perlu diberi keutamaan. "Buat masa ini pusat ini menumpang di Tingkat Dua Blok D3 KD PELANDOK. Kemudahan sedia ada di blok ini dan dengan perjawatan pegawai dan anggota yang telah bertambah menjadikan ruang pejabat lebih terhad. "Kemudahan seperti telefon, internet, komputer dan sebagainya amat



Salah satu tempat perbincangan yang ada di pusat kepimpinan TLDM

tidak mencukupi dan perlu dipertingkatkan segera. "Pada pendapat saya, selaras dengan tarafnya sebagai Pusat Kepimpinan TLDM, adalah penting agar prasarana ini diperlengkapkan. "Ini akan memperlihatkan kesungguhan TLDM dalam merealisasi pusat ini menjadi satu pusat yang kredibel dan berwibawa dan bergerak ke arah pusat bertaraf dunia.

Sebagai langkah jangka pendek katanya, beliau mencadangkan supaya keseluruhan Blok D 3 diisytiharkan sebagai milik Pusat Kepimpinan atau pusat diberikan sekurang-kurangnya Tingkat Bawah dan Tingkat 1. Beliau turut mencadangkan supaya bangunan sedia ada diubahsuai bagi meningkatkan imej pusat ini dan beberapa kemudahan perlu disediakan. "Pusat ini masih hijau. Banyak kelemahan perlu dihalusi dan pihak-pihak yang berkenaan perlu menggembeleng tenaga bagi memastikan matlamat pengujudan pusat ini tercapai dengan jayanya. Jamel turut menegaskan bahawa objektif mewujudkan pusat itu adalah untuk membangunkan modal insan yang berkualiti dan seterusnya melahirkan pemimpin TLDM yang mendokong misi dan visi TLDM. "Kita sedar dan yakin tentang kepentingan kepimpinan dalam organisasi TLDM. "Ini jelas termaktub dalam Pernyataan Arah TLDM yang meletakkan objektif pembangunan kepimpinan yang efektif sebagai teras di bawah matlamat kedua iaitu membangunkan tenaga kerja berkualiti," katanya.

Beliau berkata, pusat itu akan bertanggungjawab menjana model kepimpinan yang diperlukan TLDM seterusnya menghasilkan konsep pelaksanaan program kepimpinan berlandaskan nilai-nilai murni TLDM dan juga penanda aras bertaraf dunia. "Kita akan menganjurkan program-program kepimpinan secara berperingkat dalam usaha membangunkan modal insan yang berkualiti dan menjana model kepimpinan semua peringkat *Navy People*. "Nilai-nilai murni TLDM akan diterap dan dipupuk di

samping membangunkan sikap pemilikan (*sense of ownership*) terhadap TLDM di kalangan *Navy People*," ujar Jamel. Selain dari ilmu pengetahuan dan kepakaran profesional, setiap pemimpin TLDM perlu ada nilai-nilai kepimpinan yang efektif agar dapat mengurus, membimbing dan memimpin *Navy People* dengan lebih berkesan supaya *Navy Plan* dapat dicapai.

Bagi menggerakkan pusat itu, Kertas Cadangan Perjawatan (KCP) juga akan diwujudkan. "KCP perlu disediakan secepat mungkin dan dimajukan segera untuk kelulusan," kata Jamel. "Dengan adanya KCP ini, struktur organisasi yang sesuai dapat dikenal pasti dan perjawatan serta tugas setiap pegawai dan anggota dapat disenaraikan dengan lebih terperinci," katanya. Dalam menyediakan Kertas Perjawatan dan mencatatkan struktur

organisasi, pusat tersebut akan mengenalpasti pusat-pusat kepimpinan lain samada di dalam atau luar negara untuk dijadikan model dan bench marking. Selain itu, pusat turut mencadangkan supaya seorang Pegawai Agama KAGAT diperjawatkan segera agar nilai-nilai murni dan kerohanian dapat diterapkan dalam modul latihan serta aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan. "Kita juga akan mengkaji semula pelaksanaan kursus-kursus yang dijalankan. Bagi tahun 2007, pusat melaksanakan 36 kursus asas kepimpinan untuk anggota berpangkat Laskar Kanan dan kursus kepimpinan lanjutan bagi Bintara Muda sebanyak 32 kali. "Saya berharap dalam masa terdekat pusat ini akan terus berkembang dan dapat memainkan peranan dengan lebih efektif dan satu masa nanti ia bukan sahaja melaksanakan kursus semata-mata tetapi berperanan lebih dari itu malah mampu menjadi pemikir kepada isu berhubungkait dengan kepimpinan. "Bersama-samalah kita berganding bahu untuk membangunkan pusat ini untuk menjadikan TLDM sebuah organisasi yang cemerlang dan kredibel," ujarnya mengakhiri temubual bersama. **S**



Pelatin didedahkan dengan pelbagai program kepimpinan dalam melahirkan modal insan yang berkualiti



WAR TRAUMA and POST-TRAUMATIC STRESS DISORDER

By : Lt Azwanizam RMN
Photo : Sidang Redaksi

• War trauma and post-traumatic stress disorder

(Based on article by David P. Niles in American Family Physician Journal) Concurrently, research has increasingly focused on the effects of violence and the symptoms displayed by persons who have been involved in various types of traumatic events, including war, sexual abuse, natural disasters and accidents.

• Criteria for Diagnosis

Clinically, post-traumatic stress disorder is manifested by the development of characteristic symptoms following a physically or psychologically traumatic event outside the range of normal human experience. Symptoms include a reexperiencing of the traumatic event through intrusive thoughts and recollections, dissociative (flashback) episodes, avoidance of stimuli associated with the event, numbing or generalized diminished responsiveness to the external world, sleep disturbances, and increased hyper vigilance, startle responses and angry outbursts.

• Historical Background

Although most of the current data on post-traumatic stress disorder has been derived from studies of Vietnam veterans, the reactions of Vietnam veterans to war violence have not been unique. Reviews of literature from as far back as ancient Greece have revealed descriptions of symptoms clearly associated with post-traumatic stress disorder.

In this century, more than 1 million combatants exposed to war violence during World War II suffered debilitating psychiatric symptoms. In well over one-third of cases, the symptoms were severe enough to warrant military discharge. Although preinduction psychiatric screening was performed during World War II, psychiatric problems still accounted for the largest discharge category. The American Research Triangle Institute has conducted the most comprehensive study of post-traumatic stress disorder and its impact on the psychosocial readjustment problems of war veterans. Data from this study suggest that fully one-third of the men and

women who served in the Vietnam War have experienced post-traumatic stress disorder at some time since their return. Interestingly, the findings of the study support the 37.5 percent psychiatric disability rate noted for World War II combatants.

• War Violence: A Conceptual Framework

War experience can be thought of as a continuum running from lower degrees of exposure to life-threatening combat and abusive acts of violence. War violence may be of two types: (1) combat violence as a result of direct combat exposure and (2) abusive violence during noncombat, when soldiers' lives are not threatened and the victims of the violence (e.g., civilians) are unarmed. Exposure to these two types of violence has a cumulative effect that often leads to post-traumatic stress disorder.

• Reactions to Trauma

Various development models provide a conceptual framework for personality development throughout life. According to these models, the individual must, throughout life, integrate increasingly diverse and complex personality tasks relating to the four dimensions of human existence: psychologic, biologic, sociologic and spiritual.

The development of self-image of personality is an interactive process between self-concept (thought about self) and self-esteem (feelings about self). Development of a healthy self-image requires an expanding awareness of the real self, the ideal self and the experiential self (i.e., how one is, how one would like to be and how one perceives one's existence).

Basic human assumptions about existence are built on a fundamental trust in self and others. Positive resolution of ego-crisis tasks and the emergence of virtues relating to meaningful, healthy existence depend on a complex array of factors. Successful, healthy resolution of the psychosocial crisis of each developmental stage is achieved through integration of conflicting tendencies. This process allows the healthy ego to enter the next developmental stage. **S**

EDISI
2007

Semakin Panas!

BONANZA KASUMA



Dengan Hadiah-Hadiah Yang Lebih Mengancam

RM 1,000,000



8 Satria NEO
(2 Buah setiap cabutan)

12 Yamaha NOUVO S
(3 Buah setiap cabutan)



20 TV Warna 34"
(5 Buah setiap cabutan)



40 Peti Sejuk 2 Pintu
(10 Buah setiap cabutan)



40 TV Warna 21"
(10 Buah setiap cabutan)



80 Mesin Basuh 8kg
(20 Buah setiap cabutan)

Cabutan 4 Kali Setahun!

Berbelanja dengan bijak di PERNAMA sekarang juga dengan Skim KASUMA kerana kami tahu apa yang anda inginkan!



PERNAMA

Selamat Belanja

www.pernama.com



MENGANGKAT tugas ke ranking teratas di dalam kamus hidup jarang sekali berlaku di kalangan orang-orang kita. Yang sering kita lihat, ia mungkin jatuh nombor dua atau dianggap sekadar sara hidup. Tidak bagi insan kreatif ini. Pemain keyboard Kombo Gelombang Biru TLDM yang semakin laris dengan hasil seninya, Bintang Muda Pancaragam (BM PGM) Mohd Shamram Ramli, 37, meletakkan tugas sebagai pemuzik adalah keutamaan dan mengenyepikan perkara lain namun beliau punya alasan tersendiri. Meskipun sering sibuk, beliau masih mampu melakukan pelbagai perkara dalam satu masa kerana beliau mempunyai bakat bukan calang-calang.



Bakat Dan Komitmen

Mohd Shamram Anggap Tugas No.1

Oleh : Lt Kdr Yusnita Bte Zakaria
TLDM

Foto : PR FOC

Selain berkebolehan mencipta lagu-lagu bernafas patriotik, BM PGM Mohd Shamram juga berkemahiran melakukan kerja-kerja teknikal. Atas kebolehan tersebut, beliau selalu diharapkan sebagai penyelaras sistem bunyi untuk sesuatu acara. "Saya mempunyai sijil dan pengalaman di bidang tersebut," katanya. Di samping itu, beliau memainkan peranan penting sebagai pengimplimentasi latihan Kombo, iaitu mengatur strategi dan hala tuju kombo supaya lebih efisien dan kompetitif selain melunaskan tanggungjawab terasnya sebagai pemuzik. Malah dalam hambatan waktu, Mohd Shamram masih berkesempatan untuk turut serta dalam Tilawah Al-Quran dan berzanji. Kecenderungan beliau dalam bidang tersebut tidak langsung mengganggu jadual hariannya yang begitu padat. Itu tidak mustahil, disiplin yang tinggi menjadikan kesuntukan tersebut tetap terurus dengan sempurna.

Personaliti SAMUDERA kali ini dilihat seorang yang istimewa dari kacamata peminat muzik, bukan sahaja di kalangan rakan-rakan seangkatan, malah turut mendapat perhatian di peringkat atasan. Insan berjiwa seni yang berasal dari sebuah perkampungan nelayan di Seberang Takir Kuala Terengganu ini telah mula berkhidmat dengan TLDM dan menjalani latihan rekrut pada 7 Januari 1991 di Pusat Latihan Rekrut Woodlands, Singapura. Menurut Mohd Shamram, minat yang mendalam dalam bidang muzik dan pengalaman pernah menyertai Kumpulan Muzik ARJUNA, di bawah tunjuk ajar YAMAHA Music School Kuala Terengganu, telah memberi semangat kepada beliau untuk memilih kepakaran pancaragam sebagai karier di dalam TLDM. "Semasa menjalani latihan awal, saya pernah menjalani Kursus Kelas II Pancaragam iaitu

Asas Pancaragam di Sekolah Muzik Sungai Besi, Kuala Lumpur.

Di situ saya menimba ilmu asas muzik bersama 11 anggota dari kepakaran sama dari Pengambilan 164/91," ujarinya. Setelah menamatkan kursus selama lebih setahun di situ katanya, beliau bersama rakan sekepakaran telah diserapkan ke Brass Band KD PELANDOK pada tahun 1992. 'Junior' tidak menyekat Shamram untuk berada di posisi paling depan sebagai Drum Major semasa beliau masih bersama Brass Band KD PELANDOK kira-kira empat tahun lalu. Bakat memimpin dan dedikasi yang dimiliki beliau mendorong pihak atasan melantiknya menerajui band tersebut. Namun jodoh Mohd Shamram tidak panjang bersama Brass Band KD PELANDOK. Impiannya besar, bukan untuk mengejar populariti tetapi kepuasan dalam kerjaya.

Berbekalkan semangat dan pengalaman serta keinginan yang tinggi, Shamram berhijrah ke Kombo Gelombang Biru pada 2 Januari 2003. "Saya inginkan kelainan dan peningkatan dalam kerjaya. Saya lihat banyak perkara masih di takuk lama dan ia perlukan pembaharuan. Saya mahu lakukan sesuatu bukan sahaja untuk diri saya tetapi untuk TLDM," ujarinya penuh harapan. Memang diakui, sejak beliau bersama Kombo Gelombang Biru, banyak pembaharuan dan peralatan baru diperolehi kombo, hasil usaha dan kebijaksanaan beliau menyediakan kertas kerja. "Setakat ini, kombo sudah memperolehi beberapa peralatan muzik yang baru bagi menggantikan peralatan lama yang telah usang dan rosak. Menurutnnya, perolehan peralatan baru tersebut

memang wajar kerana ianya sudah berusia hampir 30 tahun. "Saya juga telah memajukan permohonan perolehan sebuah Trak 3 Ton yang dibuatsuai untuk keperluan kombo. Idea ini datang apabila peralatan kombo sering mengalami kerosakan setiap kali mengadakan persembahan. Trak 3 Ton sedia ada tidak sesuai untuk membawa peralatan kombo yang bernilai tinggi. "Selain itu, saya juga telah memajukan permohonan perolehan bangunan baru bagi menampung jumlah anggota yang ramai di samping penempatan peralatan baru. "Saya mempunyai pandangan yang jauh. Kalau dulu Kombo Gelombang Biru hanya mempunyai anggota seramai tujuh orang, kini jumlah tersebut telah meningkat kepada 18 anggota. Kemungkinan akan datang kekuatan anggota akan bertambah apabila tertubuhnya Orkestra Tentera Laut yang sedang dirancang.

"Kemajuan Sains dan Teknologi pula telah membuka mata saya untuk memperolehi sebuah Notebook Computer yang mempunyai ciri-ciri bersesuaian dan terkini serta mampu



Ketika mengetuai Brass Band sebagai Drum Major di satu majlis Perbarisan



Mengadakan persembahan di sebuah majlis makan malam

membantu kombo di segi penulisan nota muzik, membuat gubahan lagu serta rakaman live band. Kertas kerja telah dimajukan dan telahpun diluluskan. "Dulu kita hanya menggunakan manuskrip untuk menulis nota muzik, kalau ianya hilang atau rosak terpaksa ditulis semula. Ini memakan masa yang lama dan sudah ketinggalan," katanya. Mohd Shamram memang gigih, tidak suka goyang kaki. Beliau juga tidak mahu mengamalkan sikap 'menunggu kerja' sebaliknya bijak menggunakan ruang waktu dengan melakukan sesuatu yang memberi manfaat kepada dirinya selain membantu meningkatkan mutu persembahan kombo dari semasa ke semasa. Percaya atau tidak, ruang rumah beliau yang hanya sebesar 20 x 40 kaki di Seri Manjung, Perak mempunyai sebuah bilik yang dijadikan ruang pejabat untuk beliau dan isterinya menyambung tugas di rumah.

Sesuatu yang lebih menarik pada diri Mohd Shamram ialah beliau telah berjaya menguasai program Finale, iaitu salah satu software muzik yang sering digunakan oleh sebilangan besar komposer terkenal di negara ini untuk mencipta serta mengubah lagu. Walaupun tidak mempunyai asas atau mengikuti mana-mana kursus berkaitan bidang pengkomputeran, namun insan berdarah seni ini boleh 'cari makan' melalui teknologi canggih itu. Sebilangan besar lagu ciptaannya telah dihasilkan melalui program ini dan sekaligus menempatkan dirinya setanding komposer ternama tanahair. Menurut Mohd Shamram, pada mulanya beliau langsung tidak tahu menggunakan komputer sehinggalah pada satu ketika isterinya yang bertugas di Cawangan Perhubungan Awam Markas Armada TLDM sebagai Wartawan Tentera, membeli komputer peribadi untuk kemudahannya di rumah. "Pada awalnya saya tidak mengambil tahu langsung tentang komputer tersebut. Sentuh pun tidak pernah," katanya. "Saya cuba belajar secara bertatih. Tidak cukup belajar sendiri, saya bertanya

pula pada mereka yang lebih berpengalaman," ujar Mohd Shamram. Apabila sudah mampu menguasai komputer katanya, beliau pun mula menjelajah dan sentiasa mengikuti perkembangan program semasa di pasaran. Tidak mahu mengganggu tugas isterinya, beliau membeli sebuah lagi komputer peribadi untuk kegunaannya di rumah. Selain rajin mengunjungi kedai-kedai komputer, Mohd Shamram juga tidak segan menghubungi beberapa komposer untuk berkongsi idea dan pengalaman. Lebih daripada itu beliau mengambil kesempatan untuk 'mencuri' sedikit ilmu daripada mereka. Beliau bukan lagi asing kepada nama-nama besar seperti Jari, Hassan Dagu, Jimmy Ali, Azam Dungun dan Pak Ngah. Mereka sering berganding di dalam majlis-korporat dan berkongsi pendapat dalam penciptaan lagu.

Menyingkap kehidupan peribadinya, Mohd Shamram telah bertemu jodoh dengan Laskar Kanan Normahaily Mohd Nor, juga merupakan anggota TLDM. Jodoh beliau bersama anak jati Negeri Sembilan ini diibaratkan sebagai 'Pinang dibelah dua'. Perkahwinan mereka pada 6 September 1998 telah dikurniakan dua cahaya mata lelaki. Pasangan secocok ini cukup dikenali bukan sahaja di dalam TLDM malah di peringkat ATM dan tidak kurang di kalangan agensi awam yang pernah 'memancing' karya mereka. Karya berentak march dan patriotik pasangan ideal ini sudah menjadi 'trade mark'. Antara lagu dan lirik ciptaan mereka adalah lagu Armada, Markas Angkatan Bersama (MAB), Maritim Perkasa (Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM)), Markas Bantuan TLDM, Kejohanan Mini Olimpik TLDM dan 2 buah lagu nasyid untuk persembahan Majlis Tilawah Al-Quran peringkat TLDM tahun 2002 yang dinyanyikan oleh kumpulan nasyid Depot Bantuan TLDM yang berjudul 'Berjihad Ke Arah Kecemerlangan' dan 'Pemuda Pemudi Harapan Ummah' dan banyak lagi. Kesemua lagu dan lirik ciptaan beliau dan isterinya telah

dirakam di Studio Rentak 50 Angkasapuri, Kuala Lumpur diiringi muzik Orkestra RTM, di bawah pimpinan Ahmad Ali (Jimmy Ali), Pengurus Orkestra RTM Kuala Lumpur dengan menggunakan suara Kumpulan Koir Suara Warisan TLDM selain suara solo Mohd Shamram sendiri. Kebolehan seninya sudah diakui, namun di bidang kerohanian, anak ke 5 dari 17 adik beradik ini turut menyerlah. Diam-diam rupanya beliau seorang Qari. Beliau pernah mengalunkan suara merdunya di dalam beberapa pertandingan Tilawah Al-Quran semasa di bangku sekolah dan di peringkat TLDM. "Saya pernah menjadi Johan dan Naib Johan di Musabaqah Al-Quran Peringkat Sekolah Rendah dan Menengah di Terengganu dan Peringkat Kebangsaan serta Johan di Peringkat Pangkalan TLDM tahun 2005. "Selain itu saya pernah menjadi jurulatih koir dan pernah membawa kumpulan Koir TLDM ke Peringkat Kebangsaan di Pertandingan Koir Bulan Bahasa dan Sastera Negara pada tahun 2001. Kini ilmu itu saya turunkan kepada isteri saya sebagai Jurulatih Koir Suara Warisan TLDM dan saya bertindak sebagai penasihat.

Menurut Shamram lagi, suara emas yang dianugerahkan kepadanya bukan sahaja mendapat perhatian di dalam TLDM malah pasukan TUDM turut mengiktiraf kebolehannya apabila menjemput beliau memimpin Pasukan Marhaban TUDM Ipoh untuk bertanding di peringkat TUDM bagi Zon Utara selain memimpin Kumpulan Nasyid BAKAT Laut Lumut untuk ke Pertandingan Nasyid Antara Perkhidmatan. Menyentuh kejayaan Mohd Shamram sebagai pencipta lagu, ia banyak bergantung kepada minat dan kesungguhan beliau di dalam bidang ini. Di samping itu, sokongan padu isteri beliau di dalam mencantikan lagi karya mereka juga telah memberi semangat kepadanya untuk terus berjaya. Sikap bantu-membantu serta persefahaman di dalam keluarganya serta galakan pihak atasan TLDM menyemarakkan semangat beliau untuk terus meningkatkan prestasi kerjanya untuk TLDM khususnya dan ATM amnya.

Ketekunan dan hasil kerja yang cemerlang di dalam bidang yang diceburi telah melayakkan beliau menerima beberapa Sijil Anugerah Cemerlang dalam perkhidmatan dan Sijil Calon Laskar terbaik TLDM untuk tahun 2004. "TLDM banyak memberi ruang kepada saya untuk maju. Peluang yang diberi tak pernah saya persiapkan malah apa sahaja tugas yang diserahkan kepada saya, saya mengambalnya sebagai satu cabaran walaupun adakalanya agak sukar. "Bagi saya, apa jua yang saya lakukan, saya buat dengan hati yang ikhlas dan bersungguh-sungguh, saya serius semasa bekerja. Saya sanggup berkorban masa dan tenaga malah wang ringgit untuk mencapai kepuasan dalam kerjaya saya. "Yang penting apa yang saya lakukan tidak memudaratkan perkhidmatan dan memberi impak positif kepada penerima khidmat saya." Katanya mengakhiri perbualan. **S**

JELAJAK LAKSAMANA



Laksamana
Dato' Seri Ramlian Mohamed Ali,
Panglima Tentera Laut



Laksamana Madya
Datuk Abdul Aziz bin Hj Jaafar,
Timbalan Panglima Tentera Laut



Laksamana Madya
Dato' Mohd Amdan bin Kurish,
Panglima Armada



Laksamana Muda
Dato' Hj Mohammed Noordin bin Ali,
Asisten Ketua Staf Operasi
dan Latihan Pertahanan,
Markas ATM



Laksamana Muda
Dato' Ahmad Kamarulzaman
bin Ahmad Badaruddin,
Panglima Wilayah Laut 2



Laksamana Muda Dato' Pahlawan
Ir. Hj Jasan Ahpandi bin Sulaiman,
Asistant Ketua Staf Logistik,
Markas Tentera Laut



Laksamana Pertama
Dato' Pahlawan Mohd Rashid bin Harun,
 Pengarah Pusat Penyelarasan
 Pertahanan Maritim Lumut



Laksamana Pertama
Dato' Abd Hadi bin A Rashid,
 Komandan Maktab Pertahanan
 Angkatan Tentera
 Markas Angkatan Tentera Malaysia



Laksamana Pertama
Dato' Pahlawan Amzah bin Sulaiman,
 Asistant Ketua Staf
 Rancang dan Operasi



Laksamana Pertama
Tan Eng Seng,
 Asistan Ketua Staf
 Bahagian Pengurusan Strategik,
 Markas Tentera Laut



Laksamana Pertama
Mohammad Rosliand bin Omar,
 Ketua Pasukan Projek
 Angkatan Kapal Selam TLDM,
 Cherbourg, Perancis



Laksamana Pertama
Musa bin Omar,
 Ketua Staf Merangkap Panglima
 Pendidikan dan Latihan TLDM,
 Markas Pendidikan dan Latihan



Laksamana Pertama
Mohd Som bin Ibrahim,
 Asistan Ketua Staf Sumber Manusia,
 Markas Tentera Laut



Laksamana Pertama
Dato' Pahlawan
Zainal Abidin bin Hamdan,
 Asistan Ketua Staf
 Bahagian Logistik Pertahanan



Laksamana Pertama
Anuwi bin Hassan,
 Sumber Manusia Pembangunan,
 Markas Tentera Laut
 (Kursus Di Thailand)



Laksamana Pertama
Dato' Jamil bin Osman,
 Panglima Wilayah Laut 1



Laksamana Pertama
Mohd Yusof bin Sabudin,
 Asistan Ketua Staf KOMLEK,
 Markas Angkatan Tentera Malaysia



Laksamana Pertama
Khairuddin bin Khalid,
 Ketua Pengarah Kejuruteraan,
 Markas Tentera Laut



Laksamana Pertama
Dato' Jaffar bin Mohd Yassin,
 Ketua Pengarah Material
 Markas Tentera Laut



Laksamana Pertama
Nasaruddin bin Othman,
 Ketua Staf Markas Armada



Laksamana Pertama
Yahya bin Hashim,
 Panglima Sistem Armada



Mendekati insan istimewa ini tidak semudah berbicara di telefon. Pendiam, namun tetap senang melayani pertanyaan yang diajukan. Wajah mulusnya jelas menyimpan banyak coretan kurang manis biarpun cuba ditutup dengan senyuman. Sehari dalam hidup Pegawai Waren Dua (PW II) PBS (I) Mohammad Izani Shafii, 39, bersulam pelbagai rencah, suka dan duka. Derita Mohammad Izhan, 8 dan Noor Izzati, 4, benar-benar membuat Izani tidak boleh duduk. Izhan yang mengidap penyakit kronik "*Lipomyelomeningocele With Spinal Bifida*" sejak empat tahun lalu kini masih berada di bawah pengawasan doktor pakar walaupun telah empat kali menjalani pembedahan. Apa yang merisaukan Izani, penyakit anaknya itu boleh mengakitkannya lumpuh seumur hidup. Menurut PW II Izani, sudah menjadi rutin baginya menyediakan bekalan ubat untuk anaknya itu sebelum beliau ke tempat kerja. Masalah tulang belakang yang dihadapi Izhan, memaksanya bergantung hidup dengan ubat-ubatan yang dibekalkan pihak hospital.

memerlukan perhatian rapi. Itu kisah dukanya yang berat untuk dikongsi. Bukan untuk meraih simpati, katanya. Ternyata, beliau seorang yang tabah. Walau dalam keadaan jiwa yang bergolak, beliau tetap tenang melaksanakan tugasnya sebagai jurulatih di Pusat Kepimpinan TLDM yang dulu dikenali sebagai Sekolah Pengajian, Pengurusan dan Kepimpinan. Sebagai jurulatih paling kanan, Izani memainkan peranan penting mengepalai kepimpinan anggota TLDM yang mengikuti Kursus Laskar Kanan 'Q dan Bintara Muda 'Q selain mengendalikan Program Kepimpinan dan Jati Diri kepada orang awam. Beliau banyak mengkoordinasi program-program kepimpinan seperti Program Jati Diri Bersama *Malaysian Institute Management (MIM)*, Yayasan Sarawak, Belia Melayu, Sekolah Menengah Sains Teluk Intan dan Maktab Rendah Sains MARA, Batu Pahat Johor. Dalam usia perkhidmatannya selama hampir 19 tahun,



Antara tugas, kerja dan keluarga... perlu seimbang

Demi Keluarga.... Dorong Izani Berpencen

Oleh : **Aboy**
Foto : **PR FOC**

"Itulah tugas pertama saya setiap hari sebelum pergi kerja," kata Izani. "Saya mesti memastikan ubat - ubatnya mencukupi dan pastikan keadaannya baik sebelum saya meninggalkan rumah," katanya lagi. Belum pun kering airmata Izani, anak bongsunya, Noor Izzati pula disahkan mengidap ketumbuhan di dalam kepala. Noor Izzati telahpun menjalani pembedahan namun kesihatannya tetap

anak kelahiran Kampung Pengkalan Kubur Salor, Kota Bharu Kelantan ini pernah bertugas di KD MAHAMIRU, KD RAHMAT, KD KASTURI, Depot Peluru Kuantan, KD MUSYTARI dan kini di Pusat Kepimpinan TLDM. Hari-hari yang dilalui sebagai Jurulatih Kanan di pusat itu banyak menguji Izani menangani masalah pelatih-pelatihnya. Namun jauh di sudut hatinya, beliau seronok berhadapan situasi itu.

"Bila berhadapan dengan pelatih, saya dapat berkongsi pelbagai masalah dengan mereka. Dalam masa yang sama, saya mengambil pengalaman mereka untuk menyelesaikan masalah saya sendiri. Menurut anak bekas pesara tentera ini, bukan mudah untuk mengubah corak hidup pelatih-pelatihnya apatah lagi mereka datang dari kelompok yang berbeza dan mempunyai kerenah yang pelbagai. "Di dalam kelas misalnya, saya berdepan dengan bermacam kerenah pelatih. Ada yang mudah menerima pelajaran, tak kurang yang suka ikut

'kepala' sendiri, tak mahu bercampur orang lain dan sukar dibentuk. "Di sini pelatih diajar bagaimana menjadi seorang pemimpin, bukan sahaja memimpin diri sendiri, bahkan berupaya memimpin orang lain. "Kelas bermula jam 7.30 pagi dan berakhir jam 2 petang. Dalam tempoh itu, saya turut terlibat dalam sesi pembelajaran bersama jurulatih lain. "Di sebelah petangnya pula, pelatih-pelatih terlibat dengan aktiviti lasak seperti lari pangkalan, lari berhalang, merentas paya, jalan lasak, *monkey cross* dan banyak lagi aktiviti yang menguji ketahanan mental dan fizikal mereka.

"Saya turut bersama-sama mereka sepanjang aktiviti tersebut dijalankan. Bukan apa, pelatih akan lebih bersemangat apabila kami (jurulatih) ada bersama, ini baru boleh dikatakan kepimpinan melalui tauladan," katanya tersenyum sambil menunjukkan beberapa keping gambar beliau dan jurulatih lain sedang membuat stretching sebelum memulakan aktiviti lasak. Katanya, aktiviti petang berakhir selewat-lewatnya jam 6 petang. Namun tugas Izani tidak habis di situ. Jam 8.30 malam beliau kembali berada di Sekolah Kepimpinan, meninjau perkembangan bengkel pelatihnya. "Bengkel diadakan di sebelah malam bagi memberi peluang kepada pelatih berbincang lebih lanjut secara berkumpulan mengenai projek yang akan dibentangkan semasa persembahan.

"Saya dan jurulatih lain mesti memastikan pelatih membuat kertas kerja dengan betul sebagaimana yang telah diajar di dalam kelas," katanya lagi. Bengkel tamat kira-kira jam 10 malam. Bagi Izani, sehari dalam hidupnya dianggap suntikan semangat untuk beliau meneruskan kerjaya sehingga pencen. "Isteri banyak membantu dan memberi dorongan. Dialah simbol kekuatan saya sehingga saya berjaya ke tahap ini. " Katanya bangga. **S**



Memberi ubat untuk anak adalah rutin harian Pegawai Waren II PBS (I) Izani di rumah

SATANG JAYA HOLDINGS BERHAD

(633265K)

**"YOUR PARTNER IN
SAFETY AND SURVIVAL"**



www.satangjaya.com

SATANG JAYA HOLDINGS BERHAD is a Second Board listed company since March 2005. Its primary activities involve maintenance, repair and overhaul (MRO) of safety and survival equipments for The Malaysian Armed Forces, Government Agencies, Civil Aerospace and Maritime Industry and commercial sectors.

We offer you our capabilities to maintain, repair and overhaul of the following:-

1. Life Rafts, Survival Packs, Parachutes
2. Emergency Breathing Systems
3. Aircraft Arresting Systems
4. Aircraft Crash And Salvage Equipment
5. Ejection Seats
6. Search And Rescue Beacons
7. Electro-Mechanical Equipment
8. Electronics And Optronics Equipment
9. Fire Fighting Apparels
10. Compression Chambers
11. Environmental Friendly Fire Protection System
12. Integrated Surveillance And Security System
13. High Pressure (Compressed) Gas Cylinders
14. Environmental Management And Services
15. Consultancy Services To OEMs
16. Pipe Cleaning Solutions

Safety, survival, search and rescue



ISO 9001 : 2000 certified with UKAS compliance

No. 29 & 31, Jalan Tiara 5, Bandar Baru Klang,
41150 Klang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.
Tel : 603 3344 8822 (Hunting) Fax : 603 3344 8811
E-mail : hq@satangjaya.com





Latto Limau Kasturi *Sedap Berperisa*

Oleh : Lt Dya Ahmad Hakim bin Mohamad Arif TLDM
Foto : Sidang Redaksi



Latto Limau Kasturi siap untuk hidangan.



LK BDI Sumadi bin Ibrahim,

Galley Samudera kali ini sekali lagi memaparkan satu menu istimewa dari Mawilla 2 yang begitu enak dinikmati dan sedap berperisa kepada sesiapa yang baru mencuba. Anggota yang telah sudi berkongsi menu lazat ini adalah dari unit KD Labuan iaitu LK BDI Sumadi bin Ibrahim. Resipi ini adalah ilham beliau sendiri ketika bersama-sama keluarga sewaktu makan di sebuah restoran. Resipi yang diberi nama 'Latto Limau Kasturi' adalah menu asal masyarakat Bajau di Negeri Sabah Bawah Bayu yang jarang ataupun tidak pernah ditemui di Semenanjung. Latto ataupun rumpai laut diperolehi daripada dasar laut dan dimakan bersama ikan bakar. Khasiatnya adalah boleh menyembuhkan penyakit batu karang jika di amalkan makan seminggu sekali.

Beliau yang berasal daripada Kuala Besut Terengganu sememangnya terkenal dengan pelbagai menu dan resepi yang lazat untuk hidangan pegawai dan anggota disini. Sewaktu di zaman remaja dulu, beliau dikenali ramai di kalangan penduduk kampungnya di Besut Terengganu kerana sikapnya yang gemar menolong orang kampung dalam kerja memasak di majlis kenduri kendara yang biasa dipelopori oleh golongan wanita. Bukan setakat dimajlis kenduri saja, malah di rumah pun kadang-kadang beliau ambik alih tugas ibu di dapur. Pada tahun 1992, adalah tarikh penting

beliau dalam usaha mengembangkan bakat semulajadi memasak setelah diajak oleh rakan-rakan untuk memasuki TLDM. Pada mulanya beliau agak keberatan kerana beranggapan tentera adalah bidang tugas yang sama sekali berlainan dengan minatnya tapi sangkaan beliau meleset malah beliau dapat menceburi bidang masakan kerana kepakaran Bendari terdapat di dalam perkhidmatan TLDM. Beliau yang telah berkahwin dan mempunyai sepasang cahayamata, turut berbangga kerana mendapat isteri yang mempunyai minat yang sama dan sentiasa memberi dorongan serta galakan untuk lebih maju dalam bidang yang diceburi.

Sepanjang 15 dalam perkhidmatan, beliau telah berkhidmat di unit-unit seperti D 18, KD KASTURI, KD JEBAT, 96 HAT, KD PAUS dan sememangnya telah banyak pengalaman yang ditimba dalam bidang masakan. Bermacam jenis resepi serta menu telah diperkenalkan dan kebanyakannya mendapat pujian. Beliau juga suka mencuba sesuatu yang baru mengikut tempat atau unit beliau berkhidmat dan ini adalah salah satunya. Tugas sebagai bendari bukan sahaja menuntut untuk memasak sahaja tetapi perlu menambah pengetahuan dengan ilmu. Beliau sentiasa ingin menambah pengetahuan dalam bidang masakan bukan terhad pada masakan tempatan sahaja tapi mengembangkan bakatnya pada masakan bertaraf dunia. Atas komitmen dan kesungguhan mencapai cita-cita itu, beliau pernah mengikuti Pengajian Masakan Barat di Gardner Merchant Glasgow, Scotland, Penyediaan Masakan Nusantara di Hotel Legend, Kuala Lumpur. Selain daripada kualiti, beliau juga menitik beratkan aspek kebersihan dalam penyediaan makanan kerana kebersihan mencerminkan personaliti seseorang itu. Tidak hairanlah jika beliau pernah diberi amanah untuk mengkoordinasikan satu majlis Diraja yang dihadiri oleh Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong, baru-baru ini. **S**

LATTO LIMAU KASTURI

Bahan-bahan

1. Rumpai Laut
2. Cili Padi
3. Limau Kasturi
4. Bawang Merah dimayang Halus

Cara Membuatnya

1. Cuci Rumpai Laut hingga bersih dan toskan.
2. Tumbuk Cilipadi hingga hancur
3. Perah Limau Kasturi
4. Masukkan Bawang Merah yang dimayang halus.
5. Masukkan rumpai laut kemudian gaul bahan-bahan semua hingga rata dan hidangkan.



Kelebihan

Ayat Kursi

Oleh : **Mejar Mohamad Zaki bin Kassim**
PS 2 Agama MTL

Abu Hurairah r.a. pernah ditugaskan oleh Rasulullah S.A.W untuk menjaga gudang zakat di bulan Ramadhan. Tiba-tiba muncullah seseorang, lalu mencuri segenggam makanan. Namun kepintaran Hurairah memang patut dipuji, apabila pencuri itu berhasil ditangkap.

"Akan aku adukan kamu kepada Rasulullah S.A.W," gertak Abu Hurairah.

Bukan main takutnya pencuri itu mendengar ancaman Abu Hurairah, hingga kemudian ia pun merengek-regek : "Saya ini orang miskin, tanggungan keluarga saya ramai, sementara saya sangat memerlukan makanan. Bukankah zakat itu akan diberikan kepada fakir miskin?" Maka pencuri itu pun dilepaskan.

Keesokan harinya, Abu Hurairah melaporkan kepada Rasulullah S.A.W. Maka bertanyalah beliau : "Apa yang dilakukan kepada tawananmu semalam, ya Abu Hurairah?" Ia mengeluh, "Ya Rasulullah, bahawa ia orang miskin, keluarganya banyak dan sangat memerlukan makanan," jawab Abu Hurairah. Lalu diterangkan pula olehnya, bahwa ia kasihan kepada pencuri itu, lalu dilepaskannya. "Bohong dia," kata Nabi : "Pada malam nanti ia akan datang lagi."

Kerana Rasulullah S.A.W berkata begitu, maka penjagaannya diperketat, dan kewaspadaan pun ditingkatkan. Dan benar juga, pencuri itu kembali lagi, lalu mengambil makanan seperti kelmarin. Dan kali ini ia pun tertangkap.

"Akan aku adukan kamu kepada Rasulullah S.A.W," ancam Abu Hurairah, sama seperti kelmarin. Dan pencuri itu pun sekali lagi meminta ampun : "Saya orang miskin, keluarga saya banyak. Saya berjanji esok tidak akan kembali lagi." Kasihan juga rupanya Abu Hurairah mendengar keluhan orang itu, dan kali ini pun ia kembali dilepaskan. Pada paginya, kejadian itu

dilaporkan kepada Rasulullah S.A.W, dan beliau pun bertanya seperti kelmarin. Dan setelah mendapat jawapan yang sama, sekali lagi Rasulullah menegaskan : "Pencuri itu bohong, dan nanti malam ia akan kembali lagi."

Malam itu Abu Hurairah berjaga-jaga dengan kewaspadaan dan kepintaran penuh. Mata, telinga dan perasaannya dipasang baik-baik. Diperhatikannya dengan teliti setiap gerak-geri disekelilingnya sudah dua kali ia dibohongi oleh pencuri. Jika pencuri itu benar-benar datang seperti diperkatakan oleh Rasulullah dan ia berhasil menangkapnya, ia telah bertekad tidak akan melepaskannya sekali lagi.

Hatinya sudah tidak sabar lagi menunggu-nunggu datangnya pencuri jahanam itu. Ia kesal. Kenapa pencuri kelmarin itu dilepaskan begitu saja sebelum diseret ke hadapan Rasulullah S.A.W? Kenapa mahu saja ia ditipu olehnya? "Awast" katanya dalam hati. "Kali ini tidak akan kuberikan ampun."

Malam semakin larut, jalanan sudah sepi, ketika tiba-tiba muncul sesosok bayangan yang datang menghampiri longgokan makanan yang dia jaga. "Nah, benar juga, ia datang lagi," katanya dalam hati. Dan tidak lama kemudian pencuri itu telah bertekuk lutut di hadapannya dengan wajah ketakutan.

Diperhatikannya benar-benar wajah pencuri itu. Ada semacam kepura-puraan pada gerak-gerinya. "Kali ini kau pastinya ku adukan kepada Rasulullah. Sudah dua kali kau berjanji tidak akan datang lagi ke mari, tapi ternyata kau kembali juga. "Lepaskan saya," pencuri itu memohon.

Tapi, dari tangan Abu Hurairah yang menggenggam erat-erat dapat difahami, bahawa kali ini ia tidak akan dilepaskan lagi. Maka dengan rasa putus asa akhirnya pencuri itu berkata : "Lepaskan saya, akan saya ajari tuan beberapa kalimat yang sangat berguna."

"Kalimat-kalimat apakah itu?" Tanya Abu Hurairah dengan rasa ingin tahu. "Bila tuan hendak tidur, bacalah ayat Kursi : Allaahu laa Ilaaha illaa Huwal-Hayyul-Qayyuumu..... Dan seterusnya sampai akhir ayat. Maka tuan akan selalu dipelihara oleh Allah, dan tidak akan ada syaitan yang berani mendekati tuan sampai pagi."

Maka pencuri itu pun dilepaskan oleh Abu Hurairah. Agaknya naluri keilmuannya lebih menguasai jiwanya sebagai penjaga gudang. Dan keesokan harinya, ia kembali menghadap Rasulullah S.A.W untuk melaporkan pengalamannya yang luar biasa tadi malam. Ada seorang pencuri yang mengajarnya kegunaan ayat Kursi. "Apa yang dilakukan oleh tawananmu semalam?" tanya Rasul sebelum Abu Hurairah sempat menceritakan segalanya.

"Ia mengajarku beberapa kalimat yang katanya sangat berguna, lalu ia saya lepaskan," jawab Abu Hurairah. "Kalimat apakah itu?" tanya Nabi. Katanya : "Kalau kamu tidur, bacalah ayat Kursi : Allaahu laa Ilaaha illaa Huwal-Hayyul-Qayyuumu..... Dan seterusnya sampai akhir ayat. Dan ia katakan pula : "Jika engkau membaca itu, maka engkau akan selalu dijaga oleh Allah, dan tidak akan didekati syaitan hingga pagi hari."

Menanggapi cerita Abu Hurairah, Nabi S.A.W berkata, "Pencuri itu telah berkata benar, sekalipun sebenarnya ia tetap pendusta." Kemudian Nabi S.A.W bertanya pula : "Tahukah kamu, siapa sebenarnya pencuri yang bertemu denganmu tiap malam itu?" "Entahlah." Jawab Abu Hurairah. "Itulah syaitan."

Kesimpulannya amalkan ayat kursi yang mempunyai kelebihan pada sebilang masa terutama setiap kali selepas solat lima waktu. **S**





Ruginya Tak Ikuti PLKN....

Oleh : Aboy PR FOC RMN

Malam masih muda. Tepat jam 9 malam. Dalam kesamaran alam, mereka bersembang tanpa bantuan cahaya, kecuali cahaya bulan. Tidak ada cahaya lain seperti cahaya lampu, cahaya mata atau sebagainya lagi. Pak Chad masih tidak putus asa. Dalam usianya menjangkau 60 tahun, dia masih gagah, pijak semut pun tak mati. Apa yang merunsingkan benaknya sekarang ialah cucunya, Firdaus.

Entah setan mana yang menghasut, Pak Chad sendiri pun tak tahu. Susah amat dia hendak melembutkan hati Firdaus yang keras macam batu kurau itu. Apalah kudisnya kalau dia ikut program itu. Bukan lama, sekejap. 3 bulan habislah. Daripada tercongok dekat rumah makan tidur, lebih baik dibasuh perangai malasnya itu dengan aktiviti berfaedah.

"Sekurang-kurangnya terisi masa lapang kamu Fie. Di sana nanti kamu boleh belajar berdikari, tahan lasak" pujuk Pak Chad entah yang ke berapa kali.

"Boring la atuk ni, Fie tak minat laaa... lagipun buat sakit badan aje, bukan dapat apa pun," rengus Firdaus selamba. Tangannya menguis-nguis rambut jeraminya yang semakin panjang mencecah bahu.

"Tak baik cakap macam tu. Itulah masalahnya budak-budak sekarang. Celik-celik mata tengok dunia, dah senang-lenang. Tak merasa langsung hidup susah.

"Kalau kamu hidup zaman atuk dulu, tak merasa la semua ni. Ni, kamu tengok parut kat lengan atuk ni," kata Pak Chad sambil menyuakan lengan tuanya yang bergaris panjang tompok-tompok.

"Ni masa atuk masuk navy kat Sembawang dulu. Pagi petang kena 'anyam'. Kena ragging, sepak terajang, teruk. Tapi atuk bangga sebab hidup atuk teratur, disiplin kuat. Tak macam budak-budak sekarang, manja.

"Sekarang ni rekrut tak macam dulu, tak boleh sentuh dah. Nak marah pun kena susun ayat elok-elok, cakap baik-baik...lemah-lembut. Nak tau kenapa mereka jadi macam tu?

"Sebab macam kamu ni la. Tak mahu susah, tak mahu buat kerja teruk-teruk. Tak boleh kena tegur. Cakap mak bapak langsung

tak peduli. Tau-tau nak duitttt... je. "Hidup semua bergantung dengan mak bapak. Makan pakai kena tanggung. Baju sendiri pun orang nak uruskan, malu la Fie...kamu tu dah besar panjang. "Sebab tu atuk nak kamu ikut program khidmat negara ni. Atuk nak kamu jadi orang sikit, bukan hidup takde arah macam ni," Pak Chad cuba hulur titi. "Dah ada pengalaman nanti, boleh la masuk navy," pujuk Pak Chad perlahan.

Kali ini Pak Chad tidak mahu mengalah, akan di'basuh'nya Firdaus malam itu. Lagipun masa dah suntuk untuk Firdaus membuat keputusan.

"Kamu cuba la join program ni dulu. Takkan nak lepak bawah pokok jambu ni sampai tua," saran Pak Chad.

"Lagipun atuk dengar sesiapa yang tak pergi, kena masuk penjara. Benda ni wajib Fie," Pak Chad seolah memberi amaran, hati tuanya turut risau.

Firdaus melengung. Membantah tidak, mengiyakan pun tidak. Buntu fikirannya memikirkan kata-kata atuknya itu.

"Atuk bukan apa Fie, atuk rimas tengok orang muda macam kamu ni duduk buang masa macam ni. Sepatutnya masa ni kamu dah ada kerja, dah boleh pegang duit sendiri.

"Mmmmm... gumam Firdaus. Terdetik rasa belas pada kesungguhan atuknya itu.

"Camni la tuk. Apa kata atuk bagi masa sampai pagi esok. Bagi la Fie fikir dulu.

"Tapi atuk kena la cerita sikit kisah atuk dalam navy dulu, apa yang ada dalam navy tu...atuk buat apa selama 21 tahun? Mana la tau Fie boleh terpedaya pulak karang," gurau Firdaus mula 'lalu atas titi'. "Wahh...ini sudah bagus. Macam ni la cucu atuk," balas Pak Chad bangga.

Pak Chad mula membuka diari ingatannya, menyorot kembali kenangan kira-kira 40 tahun lalu. Masih kuat ingatannya. Dikupas satu-satu..."Dulu atuk rekrut kat Kem Khatib, Bah Soon Pah Road, Sembawang, Singapura. Sekarang rekrut dah pindah ke Tanjung Pengelih, Johor.

Kapal TLDM berpangkalan di MBJ, Woodlands. Masa tu, yang menjadi kebanggaan Armada TLDM ialah skuadron bot



laju buatan Sweden. Kapal yang terbesar dan termoden ketika tu KD RAHMAT lah.

"Atuk pun pernah terlibat dengan Ops Cabut iaitu operasi untuk menyelamatkan pelarian Vietnam yang lari dari kancas peperangan Vietnam. Mereka dikumpulkan di Pulau Bidong. Masa tu 1970an, kamu tak lahir lagi.

Bot-bot pelarian Vietnam yang kami jumpa di tengah laut sarat dengan orang tua, wanita dan kanak-kanak. Mereka lari dari ancaman Vietnam Utara yang berfahaman komunis. Banyak yang mati disebabkan kebuluran dan dibunuh oleh lanun-lanun sebelum sampai ke perairan kita. Inilah bahananya kalau rakyat tak ada semangat juang yang tinggi dan harapkan bantuan orang luar iaitu USA," Pak Chad menghela nafas panjang.

"Sekurang-kurangnya terisi masa lapang kamu Fie. Di sana nanti kamu boleh belajar berdikari, tahan lasak"

"Tahun 1980 atuk pindah ke Lumut, kiri kanan penuh hutan. Jalan masa tu tanah merah lagi tak macam sekarang semua bertar sampai depan tangga 'opis'. Pekan Lumut pun macam pekan kobo masa tu.

"Dulu dah ada stadium tau Fie, tapi tak la macam sekarang. Kolam renang pun ada masjid...Pejabat Pos...padang golf pun ada. "Kalau nak shopping, pergi je ke PERNAMA tapi sekarang dah jadi Mutiara Armada. Canggih...macam-macam ada...nak main boling pun boleh.

"Kedai makan pun dah banyak, dulu punya la payah nak cari kedai makan, harap makan nasi galley je la...hari-hari makan lauk ikan jaket rebus, muka pun dah macam ikan rebus...tapi lapar punya pasal, belasah je la," cerita Pak Chad ketawa sinis.

"Yang kelakarnya Fie, zaman atuk dulu pakai seluar pendek tau. Memang kelakar... besar pulak tu...macam kunta-kunte...ha...ha...ha..." Pak Chad ketawa sampai berlinang air mata mengingat kembali rupa parasnya semasa masih berkhidmat.

Firdaus turut ketawa sambil membayangkan keadaan atuknya waktu itu.

"Kamu nak tau, dulu atuk ambil gaji tepuk, cash. Beratur panjangggg..." kata Pak Chad sambil berdiri mengayak seolah-olah sedang menerima gaji tepuk. Firdaus memerhati penuh minat.

"Sekarang dah tak pakai cara tu, semua main jolok kat bank, senang.

"Yang tak seronoknya Fie, atuk dulu kuat mabuk. Kamu jangan fikir lain pulak. Atuk mabuk masa naik kapal, ish...mana tahan.

"Gelombang punya kuat...tungganglanggang atuk dibuatnya. Muntah kuning, hijau, semua keluar...eeee...dua hari atuk takde selera makan. Tapi tu mula-mula je. Lama-lama tak jadi apa," Pak Chad bercerita penuh semangat.

Firdaus meneguk air liur, glurppppp... termenung sambil membayangkan keadaan itu. Ah...sudah. Ini yang tak best ni, fikirnya.

"Kamu jangan lemah semangat pulak. Ini la seronoknya hidup, macam-macam kita dapat rasa.

"Dalam navy ni Fie, kita boleh dapat macam-macam. Baju free, makan percuma, tempat tinggal lagi, dapat naik kapal...

Tak sempat Fie nak rasa boring, kawan-kawan pun ramai," Pak Chad gembira bila Firdaus mula tunjuk minat.

"Lagipun sekarang ni budak-budak dah boleh pegang senapang, atuk tengok kat surat khabar, seronok betul mereka tu masa latihan menembak. Diorang dilatih macam askar.

"Program ni atuk tengok makin mencabar, banyak aktiviti lasak. Macam ni baru budak-budak semangat," tambah Pak Chad lagi.

"Ye la tuk. Ini yang buat Fie tak sabar ni," Firdaus memasang angan sambil berjalan masuk ke rumah.

Malam itu Firdaus berteleku di hadapan cermin, melihat ke dalam dirinya. Ruginya masa muda aku, fikirnya. Rambut jeraminya diraup ke belakang.

"Pagi-pagi esok aku nak potong pendek,"



Yang seronoknya dapat pergi tempat orang putih, kamu tak nak ke?" Pak Chad cuba menjual minyak. "Kamu duduk kat kampung ni sampai beruban pun takde siapa nak sedekah tiket pergi Amerika nun, toksah mimpi la.

"Duduk dalam navy Fie, merata kamu boleh pergi. Negeri China, Afghanistan, Tokyo, India, Sabak Bernam pun kita boleh sampai," Pak Chad menjual minyak lagi.

"Oh ya! Satu lagi yang Atuk nak cerita, masa belayar atuk solat 3 kali aje tapi makan enam kali sehari, tau tak?"

"Eh...macamana pulak tu tuk?" Firdaus hairan.

"Bila musafir, kita boleh jamakkan solat iaitu solat Maghrib dan Isyak, Zohor dan Asar. Makan kat kapal pulak ada jadual macam ni: sarapan, 'breaktime' 10 pagi, makan tengahari, minum teh, makan malam dan 'supper'," beriya-ya Pak Chad menjelaskan kepada Firdaus. Bangga betul dia.

"Ye ke tuk? Wahhh...seronok tu. Kalau macam tu, Fie nak masuk navy la..." ujar Firdaus seronok. "Haaaa...kalau nak masuk navy, kena la ikut khidmat negara dulu. Rugi tau kalau tak ikut.

"Tak susah ke tuk? Fie tengok siap panjat tembok, berkayak, masuk hutan semua tu?"

"Apa pulak susahnyanya. Bak kata orang tua-tua, alah bisa tegal biasa. Lagi pun kalau budak perempuan boleh buat, tak kan cucu atuk yang 'macho' ni tak boleh buat kot? Atuk dengar seronok tau Fie. Macam-macam aktiviti ada.

bisiknya sambil tersenyum penuh harapan. Keesokannya.

Pak Chad tersentak. Pemuda separuh kacak yang berada di hadapannya tengahari itu nyaris-nyaris tidak dikenali. Firdaus benar-benar berubah!

"Wah...macam hero hindustan la pulak... handsomenya cucu atuk...", puji Pak Chad ikhlas. Dia bangga, sekeras-keras Firdaus, lentur juga hati mudanya itu dengan pujukan.

"Mesti la tuk, kan Fie nak pergi khidmat negara, kena la smart-smart sikit," kata Firdaus sambil tersenyum bangga.

"Alhamdulillah...senang hati atuk. Jangan kamu tak nak balik sudah. Ye la, dah seronok duduk kat situ, jadi kerja pulak atuk nak pujuk bawak balik karang...ha...ha...ha!" Pak Chad benar-benar seronok.

NOTA:

Cerpen ini dicetuskan oleh Kept Hj Mohd Halim Hj Maulud TLDM yang begitu aktif dalam bidang kesenian dan kesusasteraan sejak dulu. Pengalaman beliau digarap oleh penulis bagi menyuntik semangat anak-anak muda supaya mencintai bangsa dan negara melalui penghayatan makna patriotisme.

• Lawatan Diraja DYMM Ke Lumut



Cenderahati kenangan disampaikan oleh Mantan PTL kepada DYMM Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong



DYMM Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong menerima cenderahati istimewa dari Mantan PTL sambil diperhatikan oleh Panglima Tentera Laut

• Perasmian Galeri Panglima Tentera Laut



Majlis menandatangani dokumen sempena perasmian galeri PTL oleh Mantan PTL sambil diperhatikan oleh Laksma AKS BPS



Antara VVIP yang hadir

• TLDM dan Mangsa Banjir di Kota Tinggi



Petugas Penyelamat TLDM meninjau keadaan banjir di Bandar Kota Tinggi, Johor



Barangan makanan dan ubatan antara yang disumbangkan oleh ATM

• Perbarisan Bulanan Markas Tentera Laut



Pemeriksaan pakaian No1 Laskarnita oleh AKS Rancang dan Operasi



TPTL sedang memeriksa Platun Bintara MKTL



Simbolik... Penyerahan gambar kapal PV kepada Panglima Wilayah Laut II, Laksda Dato' Ahmad Kamarulzaman bin Ahmad Badarudin

• Penyerahan Kapal PV di Mawilla 2



Pebarisan sempena majlis penyerahan kapal PV TLDM

• Perbarisan Tamat Latihan Perajurit Muda dan APMM



Segak bergaya... platun APMM ketika melintasi pentas perbarisan



Perajurit Muda TLDM melangkah megah di hari perbarisan tamat Latihan baru-baru ini

• Sehari Bersama Media di KD Hang Tuah



Jurugambar dan wartawan tunjuk bakat dalam latihan menembak senjata kecil



Bergambar kenangan di Haluan KD HANG TUAH

• Perbarisan Ulung PTL di Pangkalan TLDM Lumut



Sesi perjumpaan Bintangara dengan PTL



Penuh Istiadat... PTL memeriksa Platun Perbarisan

• Majlis Pemakaian Pangkat AKS Logistik dan Perlantikan Pegawai Waran TLDM



Tahniah... PTL memakaikan pangkat kepada Laksda Dato' Pahlawan Ir Hj. Jasan Ahpandi dibantu oleh isteri



PW I KMR Azmi... Pegawai Waran TLDM yang baru

• Majlis Pentauliahkan Kapal Diraja Sultan Abdul Aziz Shah



Penerangan tentang pelayaran disampaikan oleh DYMM Sultan Selangor kepada PTL dan Pegawai Kanan TLDM



Cenderahati kenangan disampaikan oleh PTL kepada DYMM Sultan Selangor

• Majlis Pemakaian Pangkat TPTL Dan Panglima Armada



PTL memakaikan pangkat kepada Timbalan Panglima Tentera Laut



Bangga... Panglima Armada dinaikkan ke Pangkat Laksamana Madya

• Sekitar Eksesais Malapura 2 / 2006



Pertukaran cenderahati antara Panglima Armada TLDM dengan Wakil Tentera Laut Singapura



Anggota DCFF bersiap sedia menghadapi sebarang kemungkinan berlaku kebakaran

ERTI SEBUAH KESETIAAN

Kau setia menunggu ku dikala berjauhan,
Hari-hari mu suram tanpa kehadiran ku,
Susah senangmu kau tempuhi sendirian,
Walau badai dan dugaan yang melanda,
Kau tetap menunggu dan terus menunggu...

Wahai insan yang setia,
Mampukah engkau berkorban masa dan kebahagiaan,
Demi untuk mencapai cita-cita dan hasrat murni mu,
Dalam meniti hari yang penuh liku,
Sepi mu hanya tuhan yang tahu,
Namun begitu kau tetap sabar dan tabah mengharunginya

Wahai insan yang setia,
Sehebat mana pengorbanan dan semangat mu,
Terdetik jua di hatinya kerinduan yang mendalam,
Mengharapkan kepulanganmu memberi seribu makna,
Agar terubat segala kesepian yang terpendam

Masa tetap berlalu pergi,
Kau tetap pasrah menunggu kehadiranku
Yang pastinya engkau tahu,
Inilah erti sebuah kesetiaan.....

Nukilan Iswardi 178

INILAH CINTAKU

Buah hatiku..
Kau insan yang sedang menemani
Kau insan yang kini mengisi ruang hati
Indahnya suaramu, agungnya cintamu
Tidak ku kesal mengenalmu.

Buah hatiku..
Cintaku bukan kerana harta
Biarpun dugaan yang terbina
Cintaku tidak kerana paras rupa
Biarpun badai terlebar di langit dan di bumi
Cintaku harap hingga ke syurga
Biarpun musim silih berganti.

Buah hatiku..
Sinar suria menyinar bulan
Bulan purnama mengelah cinta
Panas cahaya, ku payungkan teduhnya
Gelap gelita, ku terangkan malangnya
Engkau pulau, akulah lautan
Engkau kasih, akulah cintanya.

Buah hatiku..
Moga engkau kan terus selamanya bernafas di sisiku
Aku cinta padamu.

Nukilan Kerapu Bara

WANITA

Wanita.....
Bagaikan tiupan bayu, lembutnya melenakan
Ada ketikanya melalaikan...
Ataupun bagai taufan
Datangmu mengusarkan
Ada waktunya mengharukan...

Wanita.....
Saban dinihari setia menjadi bantal
Atau penyandar bersama bayang-bayang lelah
Sentiasa tega menjadi pendengar
Sanggup berkongsi keluh resah dan simpati
Belayar di muara yang tenang
Bersama nakhoda suami tercinta

Wanita.....
Ada ketika sebagai seorang srikandi negara
Menjunjung amanah mempertahankan nusa
Menaburkan ilmu pada pewaris bangsa
Melampiasakan baja menyuburkan benih-benih muda
Menjemai nama negara di persada dunia
Walau lembut dan lemah.... semangatnya tetap waja

Namun
Kami tetap mengharap kasihmu
Ingin dibelai minta di manja...
Kerana kami hanyamamusia biasa.

Nukilan Alia Atira 0305

AKU SEORANG PEJUANG

Di perbatasan ini,
Ku dengar suara sayup,
Tidakku tahu siapa pemiliknya,
Memohon kehadiranku,
Membawa panji-panji jihad...

Di medan ini,
Ku mengimbau kembali saat silam,
Yang berlalu dan datang lagi,
Melakar sebuah kenangan,
Para mujahid satu masa dahulu,
Pernah tersungkur di sini....

Air mata bergenangan,
Sebak hati menggamit tragedi,
Namun dalam sedih ada gembira,
Bila gugurmu sebagai Syuhadah...

Tuhan,
Tiupkanlah jihad yang terhenti,
Ke dalam hati dan sanubari ku,
Agar menjadi kekuatan dalam hidupku,
Sebagai seorang pejuang negara.

Nukilan Affan RISLA

YOU'D BE SURPRISED WHERE YOU FIND US

**If you're making the move into net-centric warfare,
choose your team-mates wisely. You'll find that
Thales has everything a navy needs.**

It's going to be a challenging transition. A new world of combined and coordinated operations, bringing all armed forces together and involving other nations. A new mind-set based on shared information across several platforms. Learning new ways to gather, analyse, and distribute data. Up against new threats. And always facing new pressure on budgets.

So you need a powerful and reliable partner. Thales has the complete skillset: proven expertise in naval equipment and systems integration, comprehensive experience as a warship prime contractor, and unfailing determination to bring you through-life support and services.

**Past experience? Future vision?
No-one has more. For more information,
visit us at LIMA 2007.**



THALES

The world is safer with Thales



LEGENDARY
IMPECCABLE
STELLAR



MARINE DEFENSE MARITIME SERVICES

DEFENSE CONTRACTORS . NAVY AGENTS . YOKOHAMA FENDERS . TUGS & BARGES . SHIP OWNERS . TANKERS

HUSBANDING SERVICES



HUMANITRIAN SUPPORT



FORCE PROTECTION



BERTHING SOLUTIONS



LOGISTIC SERVICES



FENDERS, BARGES & TUGS

CORPORATE OFFICES:

MALAYSIA : GLENN Marine Group (ASIA) Sdn Bhd
: GLENN Defense Marine (ASIA) Sdn Bhd
Kuala Lumpur, Penang & Lumut
: GLENN Marine Logistics Base Sdn Bhd

SINGAPORE : GLENN Defense Marine (ASIA) Pte Ltd
: GLENN Marine Group (ASIA) Pte Ltd
: GLENN Marine Logistics Base Pte Ltd

INDONESIA : P.T. GLENN Nusa Marine
: P.T. GLENN Defense Marine

BURNEI D.S.L. : GLENN Nusa Marine Enterprise Sdn Bhd

TIMOR LESTE : GLENN Defense Marine (E.T.)
: GLENN Marine Enterprise Pty Ltd

HONG KONG : GLENN Defense Marine (ASIA) Ltd

INDIA : GLENN Defense Marine (INDIA) Ltd

PORTS OF SERVICES

Bali, Bangkok, Brunei, Cebu, Timor Leste, Hong Kong, Jakarta, Manila, Pattaya, Phuket, Singapore, Subic Bay, Sri Lanka, Surabaya and Vietnam

(A Company Built on Years of Legendary Personal Service & Defense Maritime Experience)



GLENN DEFENSE MARINE (ASIA) SDN BHD (528589-T)

Suite 13A -05, Menara PJ, AMCORP Trade Centre,
No, 18, Jalan Persiaran Barat, 46050 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.
Tel: 603-7954 6296 / 7954 6297 Facsimile: 603-7954 6298

E-mail: glennmy@po.jaring.my

Website: www.glennmarinegroup.com